



PARLIMEN MALAYSIA

PERATORAN MAJLIS MESHUARAT  
DEWAN RA'AYAT

Chetakan Keempat  
Oktober, 1971

legislatures differ strikingly in size

①	British House of Commons	-	630
②	French National Assembly	-	482
③	Italian Chamber of Deputies	-	630
④	Indian House of the People	-	521
⑤	German Bundestag	-	496
⑥	American House of Representatives	-	435
⑦	Canadian House of Commons	-	265
⑧	Belgian Lower House	-	212
⑨	Swedish Lower House	-	233
⑩	Finnish House	-	200
⑪	Swiss Lower House	-	200
⑫	Netherlands L. H.	-	150
⑬	Danish House	-	179
⑭	South African House of Assembly	-	166
⑮	Irish Lower House (Dail)	-	144
⑯	Norwegian Storting	-	150
⑰	Australian House of Representatives	-	124
⑱	New Zealand House of "	-	80
⑲	Icelandic Lower House	-	40

"Son, do always remember that without the insignificant revenue there shant be the pound pound."

KM  
30/1/77

also the Senate - 2 from cash slate  
(50) — 100)

English and French philosophies  
of liberalism & enlightenment:-

Locke

Voltaire

Rousseau

John Stuart Mill

Alfred Marshall

"Economics is a study of mankind in the ordinary business of life."

Lionel Robbins:

"The science which studies human behaviour as a relationship between ends and scarce means which have alternative uses."

"Leave him alone and throw a  
bucket of water over his wine,  
for you have been raised to  
deal with people gently and  
you have not been raised to  
deal with them harshly."



PARLIMEN MALAYSIA

PERATORAN MAJLIS MESHUARAT  
DEWAN RA'AYAT

Chetakan Keempat  
Oktober, 1971

DI-CHEHAK DI-JABATAN CHEHAK KERAJAAN  
OLEH MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, PENCHEHAK KERAJAAN  
KUALA LUMPUR  
1971

when the Sultan forced the authorities  
to ban it, it continued in secret, w/2  
all the exhilaration of codes and  
passwords, secret handshakes & oaths

He became cool, fearless, shrewd,  
efficient, ruthless; a great leader

In May 1919 he got his chance to  
organize defiance, revolution, and  
revival out of chaos and defeat.

DR 28/76  
DR 27/76



PINDAAN-PINDAAN KEPADA PERATURAN-PERATURAN  
MESYUARAT DEWAN RAKYAT

KEPINGAN PINDAAN

*Peraturan Mesyuarat*

*Pindaan-pindaan*

22

Masukkan satu perenggan (4) baru seperti berikut:

“Seseorang ahli tidak boleh bertanya lebih daripada 20 pertanyaan bagi Jawapan Mulut dan tidak lebih daripada 5 pertanyaan bagi Jawapan Bertulis dalam mana-mana satu mesyuarat Majlis.”  
(Diterima pada 14-12-72).

48

Potong perkataan-perkataan—

“serta di-perentahkan di-chap,”  
daripada Peraturan Mesyuarat ini. (Diterima pada 14-12-72).

PINDAAN<sup>2</sup> KAPADA PERATORAN<sup>2</sup>  
MESHUARAT DEWAN RA'AYAT

KEPINGAN PINDAAN

Peratoran  
Meshuarat

Pindaan

17 (1) ... POTONG nokhtah di-akhir perenggan ini dan TAMBAH perkataan<sup>2</sup> yang berikut—

“tetapi uchapan saperti itu tiada-lah boleh di-buat dalam meshuarat pertama satu<sup>2</sup> Penggal atau dalam meshuarat dimana Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan di-timbangkan.”

(Di-terima pada 10-5-72 dan di-kuat-kuasakan mulaï 10-5-72).

42

POTONG perkataan “bangun” dan MASOKKAN PULA perkataan “menyampok”.

(Di-terima pada 10-5-72 dan di-kuat-kuasakan mulai 10-5-72).

## KANDONGAN-NYA

### URUSAN MESHUARAT

Bilangan		Muka Surat
1.	Peratoran Meshuarat <sup>2</sup> Pertama sa-lepas Pilehan Raya ...	1
2.	Menetapkan Kerusi Ahli <sup>2</sup> ...	1
3.	Memileh Tuan Yang di-Pertua ...	1
4.	Atoran Memileh Tuan Yang di-Pertua ...	1
5.	Mengangkat Sumpah ...	3
6.	Memileh Timbalan Tuan Yang di-Pertua ...	3
7.	Tuan Yang di-Pertua ...	3
8.	Bahasa Rasmi ...	4
9.	Kewajipan <sup>2</sup> Setiausaha ...	4
10.	Penyata <sup>2</sup> Rasmi Meshuarat ...	5
11.	Penggal Majlis dan Meshuarat <sup>2</sup> ...	5
12.	Persidangan ...	5
13.	Chukup-bilang ...	5
14.	Atoran Urusan Meshuarat ...	6
15.	Susunan Urusan Meshuarat ...	7
16.	Menanggohkan Majlis ...	7
17.	Usul menanggohkan Meshuarat— Akhir Persidangan ...	7
18.	Menanggohkan Meshuarat—Perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak di-segerakan ...	8
19.	Rayuan <sup>2</sup> ...	9
20.	Risalat <sup>2</sup> Meshuarat ...	10
21.	Pertanyaan <sup>2</sup> ...	10
22.	Pemberitahu berkenaan dengan pertanyaan <sup>2</sup> ...	10
23.	Isi <sup>2</sup> Pertanyaan ...	11
24.	Chara mengeluarkan pertanyaan dan menjawab pertanyaan ...	12
25.	Penerangan sendiri ...	13
26.	Pemberitahu Usul ...	13
27.	Chara <sup>2</sup> mengeluarkan pemberitahu ...	15
28.	Mengubah isi <sup>2</sup> sa-suatu usul ...	15
29.	Menarek balek pemberitahu usul ...	15
30.	Meminda usul <sup>2</sup> ...	16
31.	Menyokong usul <sup>2</sup> dan pindaan <sup>2</sup> ...	16
32.	Pindaan <sup>2</sup> usul hendak-lah dengan surat ...	16
33.	Chara membahathkan usul dan pindaan usul ...	16
34.	Menarek balek usul <sup>2</sup> dan pindaan <sup>2</sup> ...	18

# PERATORAN<sup>2</sup> BERBAHATH

Bilangan

	Muka Surat
35. Masa dan chara berchakap	18
36. Isi <sup>2</sup> uchapan ...	19
37. Mengganggu ...	20
38. Had Perbahathan ...	20
39. Mendahului perbahathan ...	21
40. Menutup perbahathan ...	21
41. Adab ahli <sup>2</sup> yang tidak berchakap ...	21
42. Meshuarat hendak-lah diam bila Pengerusi berchakap ...	22
43. Keputusan Pengerusi ada-lah mu'tamad ...	22
44. Tertib dalam Meshuarat ...	22
45. Memutuskan masaalah <sup>2</sup> ...	23
46. Undi dengan suara ...	24
47. Belah-bahagian ...	24
48. Peratoran berkenaan dengan Rang Undang <sup>2</sup> ...	25
49. Rang Undang <sup>2</sup> daripada ahli yang bukan ahli Kerajaan ...	25
50. Rang Undang <sup>2</sup> <i>Private</i> dan Rang Undang <sup>2</sup> Champoran ...	25
51. Susunan isi Rang Undang <sup>2</sup> ...	27
52. Pehak <sup>2</sup> yang di-kenaï oleh Rang Undang <sup>2</sup> ...	27
53. Bachaan kali yang kedua ...	27
54. Menyerahkan Rang Undang <sup>2</sup> kapada Jawatan-Kuasa ...	28
55. Tugas <sup>2</sup> Jawatan-Kuasa yang menimbangkan Rang Undang <sup>2</sup> ...	28
56. Jawatan-Kuasa sa-buah <sup>2</sup> Majlis ...	28
57. Atoran dalam Jawatan-Kuasa sa-buah <sup>2</sup> Majlis yang menimbangkan Rang Undang <sup>2</sup> ...	28
58. Atoran dalam Jawatan-Kuasa Pilehan yang menimbangkan Rang Undang <sup>2</sup> ...	30
59. Menyerahkan sa-kali lagi Rang Undang <sup>2</sup> yang telah di-ma'alumkan oleh Jawatan-Kuasa sa-buah <sup>2</sup> Majlis ...	30
60. Perbinchangan atas Rang Undang <sup>2</sup> yang di-ma'alumkan oleh Jawatan <sup>2</sup> -Kuasa Pilehan ...	31
61. Bachaan Kali yang Ketiga ...	32
62. Menarek balek dan menanggohkan Rang Undang <sup>2</sup> ...	32
63. Rang Undang <sup>2</sup> yang mengandungi sharat <sup>2</sup> yang hampir <sup>2</sup> sama maksud-nya ...	32
63A. Rang Undang <sup>2</sup> akan mati ...	32
64. Melonggarkan sharat <sup>2</sup> berkehendakkan Rang Undang <sup>2</sup> itu di-chap ...	32
65. Anggaran <sup>2</sup> Perbelanjaan Tahunan ...	32
66. Jawatan-Kuasa Perbekalan ...	33
67. Rang Undang <sup>2</sup> Anggaran Belanja Tambahan ...	34
67A. Anggaran Pembangunan Tahunan ...	35
67B. Peratoran menimbangkan Anggaran Pembangunan Tahunan ...	35
67C. Peratoran menimbangkan Anggaran Tambahan Pembangunan	37

Bilangan	Muka Surat
68. Kumpulan Wang Pendahuluan ... ... ... ... ...	38
68A. Mendahulukan Perbelanjaan ... ... ... ... ...	38
69. Menghantar Rang Undang <sup>2</sup> Wang kepada Dewan Negara ...	39
70. Perutusan <sup>2</sup> kapada Dewan Negara ... ... ... ...	39
71. Perutusan <sup>2</sup> daripada Dewan Negara ... ... ... ...	39
72. Bachaan kali yang pertama Rang Undang <sup>2</sup> yang di-bawa dari-pada Dewan Negara ... ... ... ...	39
73. Menimbangkan Pindaan <sup>2</sup> yang di-buat oleh Dewan Negara ka-atas Rang Undang <sup>2</sup> dan lain <sup>2</sup> -nya ... ... ... ...	40
74. Atoran menimbangkan Pindaan Dewan Negara ka-atas Rang Undang <sup>2</sup> , Pindaan <sup>2</sup> dan lain <sup>2</sup> -nya ... ... ... ...	40
75. Atoran menimbangkan Rang Undang <sup>2</sup> dalam perengkat <sup>2</sup> -nya kemudian ... ... ... ...	41

#### JAWATAN<sup>2</sup>-KUASA PILEHAN

76. Jawatan-Kuasa Pemileh ... ... ... ...	41
77. Jawatan-Kuasa Kira <sup>2</sup> Wang Negara ... ... ... ...	42
78. Jawatan-Kuasa Peratoran <sup>2</sup> Meshuarat ... ... ... ...	42
79. Jawatan-Kuasa Dewan ... ... ... ...	43
80. Jawatan-Kuasa Hak dan Kebebasan ... ... ... ...	43
81. Jawatan-Kuasa Pilehan Khas ... ... ... ...	43
82. Menubohkan Jawatan-Kuasa Pilehan ... ... ... ...	44
83. Atoran dalam Jawatan-Kuasa Pilehan ... ... ... ...	44
84. Belah-bahagian dalam Jawatan-Kuasa Pilehan ... ... ... ...	46
85. Menyiarkan keterangan sa-belum masa-nya ... ... ... ...	46
86. Penyata <sup>2</sup> daripada Jawatan-Kuasa Pilehan ... ... ... ...	46
87. Rundingan bersama di-antara Jawatan-Kuasa Pilehan Dewan Ra'ayat dengan Jawatan-Kuasa Pilehan Dewan Negara ...	47
88. Atoran Jawatan-Kuasa Pilehan Bersama dan Penyata <sup>2</sup> -nya ...	48
89. Rang Undang <sup>2</sup> dan Pindaan <sup>2</sup> yang mengenai chukai, perbelanjaan dan sa-bagai-nya ... ... ... ...	48
90. Merentikan Kuat-Kuasa Peratoran <sup>2</sup> Meshuarat ... ... ...	49
91. Ahli <sup>2</sup> yang tiada dapat hadhir ... ... ... ...	49
92. Memakai ahli sa-bagai professional ... ... ... ...	49
93. Orang <sup>2</sup> Luar ... ... ... ...	49
94. Wakil <sup>2</sup> akhbar ... ... ... ...	49
95. Ayat mengundang <sup>2</sup> kan Rang Undang <sup>2</sup> ... ... ... ...	49
96. Mengeluarkan Rang Undang <sup>2</sup> ... ... ... ...	50
97. Belanja Saksi <sup>2</sup> ... ... ... ...	50
98. Tafsir ... ... ... ...	50
99. Petua <sup>2</sup> Tuan Yang di-Pertua ... ... ... ...	50
100. Kuasa <sup>2</sup> dalam perkara <sup>2</sup> lain ... ... ... ...	51

The deliverer of the adhan must be a man who is respected for his virtues and he should take no remuneration for this service.

## DO'A

"Segala puji bagi Tuhan di-buka Majlis Dewan Ra'ayat, dengan menyebut nama Tuhan, Yang Maha **Murah**, Yang Maha Kasehan, kepada-nya terpulang segala puji-pujian, kepada Rasul-Rasul-nya salawat salam kehormatan, kepada sakalian orang yang ta'at-kan Tuhan.

Ya Tuhan, yang bersifat maha hikmat, limpah ke'adilan, yang menanggongkan kewajipan ka-atas Pemerentah dan Ahli Majlis Permehuaratan, bagi mentadbir muslihat masharakah pergaulan, mudah-mudahan sentosa aman, ma'amor limpah kebahgia-an, meliputi sakalian penduduk negara Malaysia.

Ya Tuhan, kami sakalian hamba-mu yang di-perkenan menjadi Ahli Dewan Ra'ayat, menyempurnakan kewajipan yang di-amanahkan, yang terutama bagi negara Malaysia, bagi ra'ayat-nya sakalian.

Ya Tuhan, berkat-mu ka-atas kami berhimpun di-pohon anugerahkan, taufek-mu hidayat-mu di-pohon menyuloh memandukan, pada ketika kami berunding menimbang bertukar fikiran, pada segala perkara yang di-bentangkan, dengan saksama serta berkeamanahan, menjunjong perentah dan kebesaran Tuhan, mudah-mudahan berlebeh-lebeh keamanan, kema'amoran dan kesejahteraan, bagi negara Malaysia, serta penduduk-nya sakalian.

Ya Tuhan, di-pohonkan do'a kami di-perkenan, Amin, Ya Tuhan seru 'alam sakalian."

# **PERATORAN<sup>2</sup> MESHUARAT**

**Majlis**  
**DEWAN RA'AYAT**  
**MALAYSIA**

## **URUSAN MESHUARAT**

**1.** Pada hari mula<sup>2</sup> di-adakan meshuarat Majlis sa-lepas Pilehan Raya dan sa-telah ahli<sup>2</sup> berkumpul pada waktu dan di-tempat yang di-tetapkan dan sa-telah ahli<sup>2</sup> dudok di-kerusi masing<sup>2</sup> menurut sharat<sup>2</sup> Peratoran Meshuarat 2, maka Setiausaha hendak-lah membachakan Pemashhoran Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memanggil meshuarat dan kemudian daripada itu urusan<sup>2</sup> yang hendak di-jalankan pada hari itu ia-lah—

Peratoran  
Meshuarat<sup>3</sup>  
pertama sa-  
lepas Pilehan  
Raya.

- (a) Memileh Tuan Yang di-Pertua;
- (b) Tuan Yang di-Pertua mengangkat sumpah mengikut saperti yang di-bentangkan dalam Jadual Keenam dalam Perlembagaan;
- (c) Ahli<sup>2</sup> Meshuarat mengangkat sumpah mengikut saperti yang di-bentangkan dalam Jadual Keenam dalam Perlembagaan;

dan sa-telah selesai urusan<sup>2</sup> ini, maka Majlis akan di-tanggohkan kapada apa<sup>2</sup> tarikh dan waktu yang di-tetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi memashhorkan sebab<sup>2</sup>-nya Baginda bertitah memanggil Parlimen.

**2.** (1) Pada hari yang pertama di-adakan meshuarat sa-lepas Pilehan Raya dan kemudian daripada itu sa-hingga kerusi bagi tiap<sup>2</sup> ahli di-tetapkan, ahli<sup>2</sup> hendak-lah dudok di-mana<sup>2</sup> ju tempat yang di-atorkan oleh Setiausaha.

Menetapkan  
Kerusi Ahli<sup>2</sup>.

(2) Tuan Yang di-Pertua, sa-baik<sup>2</sup> di-fikirkan-nya menasabah sa-sudah ia di-pileh jadi Tuan Yang di-Pertua, maka boleh-lah di-tetapkan-nya kerusi bagi tiap<sup>2</sup> orang ahli dan boleh-lah di-ubah-nya ketetapan itu dari satu masa ka-satu masa sa-bagaimana yang baik pada timbangan-nya.

(3) Kerusi<sup>2</sup> akan di-untokkan mengikut timbangan Tuan Yang di-Pertua dan keputusan-nya dalam perkara ini ada-lah mu'tamad.

**3.** Bila<sup>2</sup> jawatan Tuan Yang di-Pertua itu kosong, baik dengan sebab di-bubarkan Parlimen atau dengan lain<sup>2</sup> sebab, maka Majlis, sa-baik<sup>2</sup> chukup-bilang ahli-nya, hendak-lah memileh Tuan Yang di-Pertua.

Memileh  
Tuan Yang  
di-Pertua.

**4.** Atoran memileh Tuan Yang di-Pertua hendak-lah saperti yang tersebut di-bawah ini:

Atoran  
memileh  
Tuan Yang  
di-Pertua.

(1) Tiap<sup>2</sup> ahli yang hendak menchadangkan nama sa-orang ahli Dewan itu atau sa-orang yang layak di-pileh menjadi ahli Dewan itu yang hendak di-pileh jadi Tuan Yang di-Pertua, hendak-lah mempastikan terlebih dahulu ia-itu ahli itu suka

berkhidmat jika ia di-pileh, dan juga hendak-lah memberi tahu kapada Setiausaha dengan bersurat sa-kurang<sup>2</sup>-nya empat-belas hari sa-belum meshuarat.

(2) Sa-saorang ahli dengan beruchap kepada Setiausaha, hendak-lah menchadangkan sa-orang ahli lain atau sa-orang lain yang hadhir jadi Tuan Yang di-Pertua dan hendak-lah di-keluarkan-nya usul "*Ia-itu.....(sebutkan nama ahli itu)* di-pileh jadi Tuan Yang di-Pertua." Chadangan ini hendak-lah di-sokong tetapi tidak di-benarkan di-bahath.

(3) Jika hanya sa-orang ahli atau sa-orang lain sahaja yang di-chadangkan dan di-sokong jadi Tuan Yang di-Pertua, maka Setiausaha hendak-lah memashhorkan ahli atau sa-orang lain itu telah kena pileh, dengan tidak di-kemuka bagi di-putuskan oleh meshuarat. Jika lebeh daripada sa-orang ahli atau sa-orang lain di-chadangkan dan di-sokong jadi Tuan Yang di-Pertua, maka Majlis hendak-lah menjalankan pilehan dengan undi bersurat.

(4) Bagi maksud menjalankan undi bersurat, Setiausaha hendak-lah memberi kapada tiap<sup>2</sup> orang ahli yang hadhir sa-keping kertas undi dan ahli ini boleh-lah menuliskan pada kertas itu nama ahli atau sa-orang lain yang hendak di-undi-nya. Kertas<sup>2</sup> undi hendak-lah di-lipat supaya nama ahli atau sa-orang lain yang tertulis pada kertas itu tidak boleh nampak dan hendak-lah di-tanda tangan oleh ahli yang mengundi itu.

(5) Kertas<sup>2</sup> undi hendak-lah di-pungut oleh Setiausaha atau oleh siapa<sup>2</sup> pegawai Majlis yang di-wakilkan oleh-nya dan hendak-lah di-bilang oleh Setiausaha di-Meja Meshuarat. Keputusan undi itu hendak-lah di-mashhorkan oleh Setiausaha.

(6) (a) Jika lebeh daripada dua orang chalun telah di-chadangkan dan dalam undi yang pertama, tidak ada chalun yang mendapat undi lebeh daripada jumlah undi yang di-dapati oleh chalun<sup>2</sup> yang lain, maka chalun yang mendapat rendah sa-kali undi-nya hendak-lah di-keluarkan daripada pilehan. Lepas itu hendak-lah di-jalankan undi sa-kali lagi, dan di-keluarkan chalun yang dapat rendah sa-kali undi. Demikian-lah hendak di-jalankan berturut<sup>2</sup> sa-hingga satu orang chalun mendapat undi lebeh daripada undi chalun atau jumlah undi chalun<sup>2</sup> yang tinggal.

(b) Dalam undi bersurat di-antara tiga atau lebeh daripada tiga orang chalun, jika dua orang atau lebeh daripada dua orang chalun dapat sama banyak undi dan sa-orang daripada-nya di-kehendaki di-tinggalkan menurut fasal (a) yang tersebut di atas tadi, maka menetapkan siapa di-antara chalun<sup>2</sup> yang dapat sama banyak undi itu yang hendak di-tinggalkan itu hendak-lah dengan jalan membuang undi mengikut apa<sup>2</sup> jua chara yang di-tetapkan oleh Setiausaha.

(c) Dalam undi bersurat antara dua orang chalun, jika di-dapati sama banyak undi, hendak-lah di-jalankan undi bersurat sa-kali lagi, dan jika di-dapati sama banyak juga undi maka hendak-lah di-putuskan dengan membuang undi menurut apa<sup>2</sup> jua chara yang di-tetapkan oleh Setiausaha.

(7) Kertas<sup>2</sup> undi itu apabila telah di-kira, hendak-lah di-masukkan ka-dalam sa-buah peti dan sa-saorang ahli atau sa-orang lain apabila telah di-mashhorkan di-pileh jadi Tuan Yang di-Pertua, maka peti itu hendak-lah di-lakrikan di-hadapan ahli<sup>2</sup> meshuarat dan di-simpan dalam jagaan Setiausaha sa-lama satu

bulan takwim orang puteh dan lepas itu, dengan tertakwim alok kepada apa<sup>2</sup> perentah yang di-terima daripada Majlis, maka Setiausaha hendak-lah membakar kertas<sup>2</sup> undi itu dan mengaku kapada Majlis mengatakan kertas<sup>2</sup> itu telah di-bakar.

5. (1) Sumpah yang hendak di-lafadzkan mengikut saperti yang di-sebutkan dalam Jadual Keenam dalam Perlembagaan hendak-lah di-jalankan oleh Setiausaha dan tiap<sup>2</sup> orang ahli yang mengangkat sumpah itu hendak-lah menurunkan tanda tangan dalam sa-buah buku yang akan di-simpan kerana itu oleh Setiausaha.

Mengangkat sumpah...

(2) Dengan tertakwim alok kepada sharat<sup>2</sup> dalam perenggan (3), pada bila<sup>2</sup> jua hari-nya Majlis bersidang, sa-saorang ahli yang belum mengangkat sumpah boleh-lah hadhir di-Meja Majlis pada waktu yang di-tetapkan menurut Peratoran Meshuarat 14 dan hendak-lah ia mengangkat sumpah dan menurunkan tanda tangan dalam Buku Sumpah.

(3) Pada bila<sup>2</sup> masa Majlis Meshuarat dalam tanggohan, ahli itu boleh-lah mengangkat sumpah di-hadapan Tuan Yang di-Pertua; jika demikian Tuan Yang di-Pertua hendak-lah memberitahu Majlis Meshuarat pada meshuarat akan datang mengatakan ahli itu telah mengangkat sumpah di-hadapan-nya.

(4) Bertepatan dengan fasal (4) dalam Perkara 160 dalam Perlembagaan, sa-saorang ahli, jika di-kehendaki-nya, hendak-lah di-benar menunaikan kehendak mengangkat sumpah itu dengan mengangkat ikrar.

6. (1) Majlis hendak-lah memilih sa-orang Timbalan Tuan Yang di-Pertua dalam meshuarat yang kelapangan yang mula<sup>2</sup> sa-kali di-adakan sa-lepas Pilehan Raya; atau pada permulaan urusan meshuarat dalam meshuarat yang mula<sup>2</sup> sa-kali di-adakan sa-lepas daripada jawatan Timbalan Tuan Yang di-Pertua itu kosong.

Memilih Timbalan Tuan Yang di-Pertua.

(2) Atoran memilih Timbalan Tuan Yang di-Pertua itu hendak-lah sa-berapa boleh-nya sama saperti atoran memilih Tuan Yang di-Pertua melainkan memilih-nya itu hendak-lah di-jalankan oleh Tuan Yang di-Pertua.

7. (1) Tuan Yang di-Pertua tetap-lah jadi pengurus bagi meshuarat<sup>2</sup> Majlis dan jika ia tiada hadhir maka Timbalan Tuan Yang di-Pertua hendak-lah mengetua-kan meshuarat sa-bagai pengurus, atau jika Timbalan Tuan Yang di-Pertua belum di-pilih lagi atau jika jawatan Timbalan Tuan Yang di-Pertua itu kosong dengan apa<sup>2</sup> jua sebab, apabila di-beritahu hal itu oleh Setiausaha maka Majlis boleh-lah memanggil siapa<sup>2</sup> ahli mempengurusikan meshuarat sa-telah di-keluarkan usul kerana itu oleh sa-orang Menteri. Usul ini hendak-lah di-sokong dan masaalah atas usul itu hendak-lah di-kemukakan oleh Setiausaha bagi di-putuskan tetapi tidak di-benarkan di-bahath.

Tuan Yang di-Pertua.

(2) Manakala Setiausaha memashhorkan ia-itu Tuan Yang di-Pertua tiada hadhir, maka ahli yang mempengurusikan meshuarat menurut perenggan (1), tetap-lah terserah kapada-nya segala kuasa Tuan Yang di-Pertua sa-hingga Tuan Yang di-Pertua atau Timbalan Tuan Yang di-Pertua ada hadhir sa-mula.

(3) Pada bila<sup>2</sup> masa meshuarat bersidang, Tuan Yang di-Pertua boleh meminta sa-saorang ahli mempengurusikan meshuarat itu bagi sementara dengan tidak payah di-beritahu Majlis Meshuarat dengan sa-chara-nya dan ahli yang mem-pengurusikan ini tetap-lah terserah kapada-nya semua kuasa<sup>2</sup> Tuan Yang di-Pertua sa-hingga Tuan Yang di-Pertua balek sa-mula mengetuaikan meshuarat.

(4) Bila<sup>2</sup> Majlis Meshuarat bersidang sa-bagai Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis Meshuarat, termasok Jawatan-Kuasa Perbekalan, maka Tuan Yang di-Pertua atau ahli yang jadi Pengerusi menurut perenggan (1) atau (3) hendak-lah jadi Pengerusi Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis Meshuarat.

(5) Dalam Peraturan<sup>2</sup> ini, kalimah “Tuan Yang di-Pertua” itu termasok-lah siapa<sup>2</sup> ahli yang jadi Pengerusi menurut sharat<sup>2</sup> dalam perenggan (1) sampai (3) kechuali jika di-sebutkan terang<sup>2</sup> ia-itu tidak termasok ahli lain; dan kalimah “Pengerusi” maksud-nya ia-lah siapa<sup>2</sup> ahli yang jadi Pengerusi menurut sharat<sup>2</sup> perenggan (1) sampai (4) kechuali jika karinah ayat-nya menunjukkan pengertian yang lain.

**Bahasa rasmi.** 8. Bahasa rasmi Majlis ia-lah Bahasa Malaysia, tetapi Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan penggunaan Bahasa Inggeris.

**Kewajipan<sup>2</sup> Setiausaha.** 9. (1) Sa-kurang<sup>2</sup>nya (28 hari) sa-belum di-mulakan meshuarat tiap<sup>2</sup> Penggal, Setiausaha hendak-lah menulis kapada ahli<sup>2</sup> memberitahu tarikh<sup>2</sup> meshuarat Majlis bagi Penggal itu:

Tetapi di-sharatkan ia-itu dalam masa dharurat, pemberitahu seperti yang tersebut itu tidak di-kehendaki dan dalam keadaan yang demikian hendak-lah di-keluarkan pemberitahu dengan sa-berapa segera-nya.

(2) Setiausaha hendak-lah menyediakan untuk tiap<sup>2</sup> ahli dengan sa-berapa segara yang boleh sa-belum tiap<sup>2</sup> meshuarat satu naskhah Atoran Urusan Meshuarat bagi Meshuarat itu.

(3) Setiausaha hendak-lah menyimpan peringatan<sup>2</sup> perjalanan meshuarat Majlis dan peringatan perjalanan meshuarat Jawatan-kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis; dan hendak-lah menghantar satu salinan peringatan<sup>2</sup> itu kapada ahli<sup>2</sup> meshuarat, pada hari esok-nya, atau dengan sa-berapa segera-nya sa-lepas itu. Peringatan<sup>2</sup> ini akan di-namakan Undi<sup>2</sup> dan Perjalanan Meshuarat.

(4) Dalam Undi<sup>2</sup> dan Perjalanan Meshuarat ini hendak-lah di-tuliskan nama ahli<sup>2</sup> yang hadhir dan semua ketetapan<sup>2</sup> Majlis dan, jika meshuarat berbelah-bahagi, sama ada dalam Majlis atau dalam Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis, hendak-lah mengandungi bilangan ahli<sup>2</sup> yang bersetuju dan ahli<sup>2</sup> yang tidak ber-setuju, nama ahli<sup>2</sup> yang mengundi dan bilangan serta nama ahli<sup>2</sup> yang hadhir tetapi tidak mengundi. Undi<sup>2</sup> dan Perjalanan Meshuarat hendak-lah di-tanda tangan oleh Tuan Yang di-Pertua dan apa<sup>2</sup> kesilapan di-dalam-nya boleh-lah di-betulkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

(5) Setiausaha hendak-lah menyediakan dari sa-hari ka-sahari dan menyimpan di-Meja Meshuarat atau dalam pejabat-nya, sa-buah Buku Meshuarat menunjukkan semua urusan<sup>2</sup> yang di-tetapkan bagi hari yang akan datang dan apa<sup>2</sup> pemberitahu berkenaan dengan Pertanyaan<sup>2</sup> atau Usul<sup>2</sup> yang telah di-tetapkan bagi hari akan datang, sama ada di-tentukan hari-nya atau tidak di-tentukan. Buku Meshuarat ini hendak-lah terbuka boleh di-tengok oleh ahli<sup>2</sup> pada bila<sup>2</sup> masa yang menasabah.

(6) Setiausaha tertanggong-lah ka-atas-nya menyimpan buku Undi<sup>2</sup> dan Perjalanan Meshuarat, rekod<sup>2</sup>, Rang Undang<sup>2</sup> dan lain<sup>2</sup> surat yang telah di-bentangkan dalam Majlis Meshuarat dan ini hendak-lah terbuka boleh di-tengok oleh ahli<sup>2</sup> meshuarat dan orang<sup>2</sup> lain mengikut apa<sup>2</sup> atoran yang di-benarkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

10. (1) Sa-buah buku penyata rasmi meshuarat mengandungi semua uchapan<sup>2</sup> yang di-keluarkan dalam Majlis Meshuarat dan dalam Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis Meshuarat, hendak-lah di-sediakan ia-itu di-bawah jagaan Setiausaha.

Penyata<sup>1</sup> Rasmi  
Meshuarat.

(2) Buku ini hendak-lah di-keluarkan menurut apa<sup>2</sup> rupa chara yang di-perentahkan oleh Tuan Yang di-Pertua, dan satu salinan buku ini hendak-lah di-hantar kepada tiap<sup>2</sup> ahli dengan sa-berapa segera-nya sa-telah tamat meshuarat.

(3) Salinan uchapan sa-saorang ahli hendak-lah di-hantar kepada ahli itu sa-belum di-chap. Jika ahli itu tidak memulangkan uchapan itu dalam tempoh tujuh hari daripada tarikh di-hantar kepada-nya, maka uchapan itu akan di-chap dengan tidak bersemak.

(4) Jika sa-saorang ahli mengatakan ia-itu salinan uchapan-nya itu tidak betul atau jika hendak di-ubah-nya uchapan itu pada perkara<sup>2</sup> yang besar, maka Tuan Yang di-Pertua hendak-lah memberi keputusan dan uchapan itu hendak-lah di-chap mengikut sa-bagaimana yang di-putuskan-nya. Keputusan Tuan Yang di-Pertua dalam perkara ini ada-lah mu'tamad dan akan di-beritahu kepada ahli itu.

11. (1) Persidangan Majlis yang mula<sup>1</sup> bagi tiap<sup>2</sup> Penggal hendak-lah di-adakan di-tempat, pada hari dan waktu yang di-ishtiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Penggal  
Majlis dan  
Meshuarat<sup>1</sup>.

(2) Dengan terta'alok kapada shara<sup>2</sup> perenggan (1), Ketua atau Timbalan Ketua Majlis hendak-lah menetapkan, sa-kurang<sup>2</sup>-nya 28 hari sa-belum permulaan tiap<sup>2</sup> Penggal. tarikh<sup>2</sup> Majlis akan bermeshuarat dalam Penggal itu:

Tetapi di-sharatkan ia-itu Ketua atau Timbalan Ketua Majlis boleh mengubah tarikh<sup>2</sup> yang di-tetapkan itu dari sa-masa ka-semasa.

(3) Pada masa Majlis dalam tanggohan jika Perdana Menteri mema'alumkan kapada Tuan Yang di-Pertua ia-itu bagi faedah orang ramai mustahak Majlis mengadakan meshuarat dahulu daripada tarikh yang telah di-tetapkan, maka Tuan Yang di-Pertua hendak-lah dengan serta-merta mengeluarkan pemberitahu menyatakan berapa haribulan hendak di-adakan meshuarat itu dan Majlis hendak-lah mengadakan meshuarat pada masa yang di-sebutkan dalam pemberitahu itu. Urusan<sup>2</sup> bagi hari itu hendak-lah di-tetapkan oleh Perdana Menteri dan pemberitahu berkenaan dengan urusan itu hendak-lah di-hantar kepada ahli<sup>2</sup> tidak lewat daripada masa hendak di-adakan meshuarat itu.

12. (1) Tiap- persidangan Majlis hendak-lah di-mulakan pada pukul 2.30 petang Persidangan. dan di-teruskan sa-hingga pukul 6.30 petang atau lebih awal lagi sa-telah selesai atau di-tanggohkan urusan dalam Atoran Urusan Meshuarat:

Dengan sharat bahawa sa-suatu usul yang akan di-putuskan tanpa pindaan atau bahathan boleh di-keluarkan oleh sa-saorang Menteri pada bila<sup>2</sup> masa tanpa pemberitahu untuk mengubah waktu persidangan Majlis.

(2) Dengan terta'alok kapada shara<sup>2</sup> yang tersebut tadi, Tuan Yang di-Pertua, pada bila- masa juu, boleh menempohkan persidangan meshuarat sa-lama yang di-tetapkan masa-nya.

13. (1) Chukup-bilang bagi Majlis Meshuarat dan Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Chukup-bilang. Majlis Meshuarat hendak-lah mengandungi dua puluh enam orang ahli dengan tidak termasuk Pengerusi.

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat  
Se/~~con~~  
selesai.

12(1), Majlis ini ~~tidak~~ akan ditangguhkan hari ini hingga telah selesai  
dipertimbangkan semua sekali-urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan  
Urusan Mesyuarat untuk hari ini.  
-

TRANSLATION

That, in accordance with the provisions of Standing Order  
12(1), the House shall not adjourn until the completion of all  
Government Business set out on the Order Paper for today.

Bilangan.....

Talipon.....

11/11/1976

Batu Dua

" محل فخر " محل فخر

فخر محل منور ا محل

لا تفخر من محل فخر

محل

اللهجة العربية

(2) Jika siapa<sup>2</sup> ahli menarek perhatian Pengerusi mengatakan tidak chukup-bilang, maka hendak-lah di-panggil ahli<sup>2</sup> di-luar Dewan Meshuarat sa-olah<sup>2</sup> memanggil ahli kerana hendak di-adakan belah-bahagian.

(3) Sa-telah di-panggil ahli<sup>2</sup> itu, maka Tuan Yang di-Pertua, sa-lepas genap dua menet, hendak-lah membilang berapa orang ahli<sup>2</sup> dalam Majlis Meshuarat; jika tidak chukup-bilang juga maka hendak-lah di-tanggohkan-nya meshuarat itu hingga hari meshuarat yang kemudian dengan tidak di-kemuka bagi di-putuskan oleh meshuarat.

(4) Sa-telah di-panggil ahli<sup>2</sup> masa Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis Meshuarat bersidang, maka Pengerusi, sa-lepas dua menet, hendak-lah membilang berapa ahli Jawatan-Kuasa itu yang hadhir. Jika tidak juga chukup-bilang, maka Pengerusi hendak-lah meninggalkan kerusi dan Majlis Meshuarat hendak-lah beredar balek saperti asal dan Tuan Yang di-Pertua hendak-lah membilang berapa orang yang hadhir. Jika masa itu chukup-bilang, maka Majlis Meshuarat hendak-lah sa-kali lagi bersidang sa-bagai Jawatan-Kuasa; tetapi jika tidak chukup-bilang juga maka Tuan Yang di-Pertua hendak-lah menanggohkan meshuarat hingga hari meshuarat yang kemudian dengan tidak di-kemuka bagi di-putuskan oleh meshuarat.

(5) Jika, mengikut bilangan ahli<sup>2</sup> yang mengambil bahagian dalam sa-suatu belah-bahagian, termasok ahli<sup>2</sup> yang tidak mengundi, nampak pada Pengerusi tidak chukup-bilang, maka belah-bahagian itu ada-lah tidak sah dan urusan yang sedang di-binchangkan itu hendak-lah di-tanggohkan kepada persidangan meshuarat akan datang dan urusan satu lagi hendak-lah di-jalankan.

**Atoran Urusan  
Meshuarat.**

14. (1) Urusan<sup>2</sup> bagi tiap<sup>2</sup> persidangan meshuarat hendak-lah mengikut atoran saperti di-bawah ini kechualи jika Majlis Meshuarat menetapkan atoran lain :

- (a) Tuan Yang di-Pertua masok ka-dalam Dewan Meshuarat dengan sa-charanya.
- (b) Do'a.
- (c) Ahli<sup>2</sup> baharu, mengangkat sumpah.
- (d) Titah daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
- (e) Pemashhoran daripada Tuan Yang di-Pertua.
- (f) Rayuan<sup>2</sup>.
- (g) Pertanyaan<sup>2</sup> bagi jawab mulut oleh Menteri<sup>2</sup>.
- (h) Permintaan hendak menanggohkan Majlis Meshuarat kerana perkara kepentingan kapada orang ramai yang berkehendak di-segerakan.
- (i) Penerangan daripada Menteri<sup>2</sup>.
- (j) Uchap pujian.
- (k) Uchapan<sup>2</sup> ta'ziah.
- (l) Memberi penerangan sendiri.
- (m) Membawa Rang Undang<sup>2</sup> (Bachaan Kali Yang Pertama) Kerajaan ka-dalam meshuarat.

(n) Usul<sup>2</sup> berkenaan dengan Atoran Urusan Meshuarat (hendak-lah di-keluarkan oleh Menteri).

(o) Usul<sup>2</sup> hendak mengemukakan Rang Undang<sup>2</sup> bukan-Kerajaan.

(p) Urusan<sup>2</sup> ‘am.

(q) Lain<sup>2</sup> butir urusan yang di-bentangkan mengikut susunan yang tertera dalam Atoran Urusan Meshuarat hari itu.

(2) Majlis Meshuarat dengan di-keluarkan usul (oleh sa-saorang Menteri) yang akan di-putuskan dengan tidak boleh di-pinda atau di-bahath, dan yang tidak berkehendak di-keluarkan pemberitahu terlebih dahulu boleh pada bila<sup>2</sup> masa memutuskan hendak menjalankan mana<sup>2</sup> urusan dengan tidak mengikut atoran yang telah di-tetapkan. Usul ini hendak-lah di-dahulukan daripada urusan<sup>2</sup> lain.

15. (1) Pada tiap- hari persidangan meshuarat, urusan Kerajaan hendak-lah di-dahulukan daripada urusan<sup>2</sup> lain.

Susunan  
Urusan  
Meshuarat.

(2) Urusan Kerajaan hendak-lah di-atorkan mengikut sa-bagaimana yang baik pada timbangan Kerajaan dan di-beritahu kepada Setiausaha.

(3) Pemberitahu berkenaan dengan usul<sup>2</sup> yang hendak di-keluarkan oleh ahli<sup>2</sup> yang bukan ahli Kerajaan hendak-lah di-dahulukan daripada Rang Undang<sup>2</sup> yang di-bawa oleh ahli<sup>2</sup> yang bukan ahli Kerajaan dan hendak-lah di-atorkan mengikut susunan-nya dalam Buku Meshuarat.

(4) Rang Undang<sup>2</sup> yang di-bawa oleh ahli<sup>2</sup> yang bukan ahli Kerajaan hendak-lah di-ambil mengikut susunan-nya dalam Buku Meshuarat.

(5) Usul sa-saorang yang bukan ahli Kerajaan yang telah di-chadangkan dalam sa-suatu meshuarat tetapi belum putus, apabila penchadang-nya memberitahu hendak di-sambong dalam meshuarat akan datang, hendak-lah di-dahulukan daripada usul<sup>2</sup> lain yang hendak di-bawa oleh ahli yang bukan ahli Kerajaan.

16. (1) Kechuali menurut sharat<sup>2</sup> Peratoran Meshuarat 18 usul hendak menanggohkan meshuarat tidak boleh di-keluarkan sa-hingga pukul 6.30 petang atau sa-hingga selesai atau di-tanggohkan semua sa-kali urusan<sup>2</sup> dalam Atoran Urusan Meshuarat bagi persidangan meshuarat. Dan usul demikian ini tidak boleh di-keluarkan kechuali menurut sharat<sup>2</sup> Peratoran ini dan Peratoran 17.

Menanggohkan  
Majlis.

(2) Pada pukul 6.30 petang, Tuan Yang di-Pertua atau, jika Majlis dalam Jawatan-kuasa, maka Pengerusi, hendak-lah merentikan perjalanan meshuarat.

(3) Sa-telah tamat perjalanan meshuarat menurut sharat<sup>2</sup> perenggan (2), atau sa-telah selesai atau di-tanggohkan urusan<sup>2</sup> dalam Atoran Urusan Meshuarat, maka Tuan Yang di-Pertua hendak-lah menanggohkan Majlis, atau jika telah di-keluarkan usul hendak menanggohkan Majlis menurut sharat<sup>2</sup> Peratoran 17, maka hendak-lah Tuan Yang di-Pertua memanggil sa-orang ahli Kerajaan menchadangkan “Ia-itu Majlis Meshuarat ini di-tanggohkan sekarang”.

17. (1) Sa-telah di-chadangkan “Ia-itu Majlis Meshuarat ini di-tanggohkan sekarang” menurut sharat<sup>2</sup> perenggan (3) dalam Peratoran Meshuarat 16, siapa<sup>2</sup> ahli (sa-lain daripada ahli Kerajaan) yang telah mendapat kebenaran hendak memberi uchapan, boleh-lah mengeluarkan uchapan kapada Majlis Meshuarat berkenaan dengan apa<sup>2</sup> perkara tadbir yang dalam tanggongan Kerajaan dan Ahli

Usul  
Menanggohkan  
Meshuarat—  
Akhir  
persidangan.

Kerajaan yang bertanggong-jawab berkenaan dengan perkara yang di-keluarkan itu boleh-lah menjawab-nya.

(2) Siapa<sup>2</sup> ahli yang hendak mengeluarkan sa-suatu perkara menurut sharat<sup>2</sup> dalam perenggan (1) hendak-lah memberi tahu dengan surat kapada Tuan Yang di-Pertua, tidak kurang daripada tujuh hari sa-belum persidangan meshuarat yang hendak di-keluarkan perkara itu. Dengan sharat telah di-beri tahu saperti yang di-kehendaki ini, maka Tuan Yang di-Pertua hendak-lah membenarkan tidak lebih daripada dua orang ahli mengeluarkan perkara demikian ini pada satu hari persidangan meshuarat, dengan di-adakan undi bersurat jika mustahak. Dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua hendak-lah mengutamakan siapa<sup>2</sup> ahli atau ahli<sup>2</sup> yang belum ada mengeluarkan sa-suatu perkara di-bawah Peratoran ini dalam penggal Majlis sekarang ini.

(3) Sa-lepas di-keluarkan usul "*Ia-itu Majlis Meshuarat ini di-tanggohkan sekarang*" lama masa-nya yang di-benarkan bagi tiap<sup>2</sup> sa-orang ahli mengeluarkan uchapan dan bagi tiap<sup>2</sup> ahli Kerajaan menjawab-nya ada-lah tujuh menit sa-tengah kechualui jika Tuan Yang di-Pertua benarkan lebih daripada itu bila<sup>2</sup> patut.

(4) Sa-telah selesai perjalanan meshuarat saperti yang demikian, maka Tuan Yang di-Pertua hendak-lah mengemukakan masaalah bagi di-putuskan oleh meshuarat "*Ia-itu Majlis Meshuarat ini di-tanggohkan sekarang*":

Tetapi di-sharatkan ia-itu Tuan Yang di-Pertua hendak-lah menanggohkan meshuarat pada pukul 7 petang dengan tidak di-kemuka bagi di-putuskan oleh meshuarat jika masaalah itu belum di-putuskan lagi terlebeh dahulu.

Menanggohkan  
Meshuarat—  
Perkara  
tertentu  
berkenaan  
kepentingan  
orang ramai  
yang ber-  
kehendak  
di-segerakan.

18. (1) Siapa<sup>2</sup> ahli, sa-lain daripada ahli Kerajaan, pada waktu yang di-tetapkan menurut Peratoran Meshuarat 14, boleh-lah berdiri di-tempat-nya dan meminta kebenaran hendak menchadangkan supaya di-tanggohkan Majlis Meshuarat dengan tujuan, hendak merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak di-segerakan.

(2) Sa-saorang ahli yang hendak meminta izin menchadangkan supaya Majlis Meshuarat di-tanggohkan, hendak-lah mengeluarkan pemberitahu bersurat kapada Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan perkara yang hendak di-rundingkan-nya itu ia-itu sa-kurang<sup>2</sup>-nya ~~dua~~ jam sa-belum meshuarat mula bersidang. Tuan Yang di-Pertua hendak-lah menolak permintaan itu kechualui jika dia puas hati ia-itu perkara itu ia-la<sup>2</sup> perkara tertentu, berkehendak di-segerakan dan berkenaan kepentingan orang ramai.

(3) Jika Tuan Yang di-Pertua puas hati yang demikian dan sama ada

- (a) Majlis Meshuarat memberi izin dengan tidak ada siapa<sup>2</sup> ahli yang membangkang; atau
- (b) jika Majlis Meshuarat tidak memberi izin, tetapi sa-kurang<sup>2</sup>-nya lima belas orang ahli berdiri di-tempat-nya menyokong permintaan itu,

maka usul ini hendak-lah di-tempohkan sa-hingga pukul ~~4.00~~<sup>5.30</sup> petang hari itu juga dan pada pukul ~~4.00~~<sup>5.30</sup> itu, apa<sup>2</sup> perkara yang sedang di-jalankan oleh Majlis Meshuarat, hendak-lah di-tanggohkan sa-hingga pukul 6.30 petang atau sa-hingga chadangan menanggohkan itu telah di-putuskan ia-itu yang mana dahulu di-antara

dua ini. Apabila sampai pukul 6.30 petang, maka chadangan menanggohkan meshuarat itu, jika belum di-selesaikan lagi, ada-lah luchut dan perjalanan<sup>2</sup> yang di-tanggohkan tadi hendak-lah di-teruskan dan di-uruskan menurut perenggan (4).

(4) Apa<sup>2</sup> perjalanan yang telah di-tanggohkan menurut Peratoran ini boleh di-teruskan sa-lepas pukul 6.30 petang sa-lama masa chadangan menurut Peratoran ini di-binchangkan; dan apabila semua perjalanan meshuarat dalam perenggan (3) tadi telah selesai, maka meshuarat hendak-lah di-tanggohkan dengan tidak di-kemuka bagi di-putuskan oleh meshuarat.

(5) Tidak lebih daripada satu usul menanggohkan meshuarat menurut Peratoran ini, boleh di-bawa pada satu hari persidangan meshuarat.

**19.** (1) (a) Tiap<sup>2</sup> permintaan kapada Majlis Meshuarat hendak-lah dengan chara Rayuan<sup>3</sup>, rayuan dan tiap<sup>2</sup> rayuan itu hendak-lah di-bawa oleh sa-orang ahli dan ahli yang membawa-nya itu tertanggong-lah ka-atas-nya menjaga ia-itu rayuan itu di-karangkan dengan bahasa beradab.

(b) Sa-suatu rayuan yang bertujuan hendak mendapat pemberian, sanggupan atau perbelanjaan daripada wang negeri atau membatalkan hutang kapada Kerajaan atau membebaskan chukai<sup>2</sup> yang kena di-bayar oleh siapa<sup>2</sup> atau membebaskan bayaran ganti rugi kerana kehilangan wang hasil negeri, atau kerana membatalkan, mengubah atau memansokhkan apa<sup>2</sup> chukai, tidak boleh di-terima oleh Majlis Meshuarat, kechualи jika telah mendapat sokongan daripada Kerajaan melalui Menteri yang di-tanggongkan ka-atas-nya berkenaan dengan hal ehwal kewangan.

(2) (a) Jika tanda- tangan di-buboh pada lebeh daripada sa-helai kertas, maka permohonan rayuan itu hendak-lah di-tuliskan di-kepala tiap<sup>2</sup> helai kertas itu. Sa-saorang yang tidak boleh menulis boleh-lah meletakkan chap jari-nya di-hadapan dua orang saksi.

(b) Dalam sa-suatu rayuan tidak boleh di-sebutkan apa<sup>2</sup> perbahathan dalam Majlis Meshuarat atau dalam meshuarat Dewan Negara atau apa<sup>2</sup> usul yang di-chadangkan hendak di-bawa ka-dalam meshuarat kechualи jika pemberitahu usul yang tersebut itu telah di-masukkan dalam Buku Meshuarat.

(c) Sa-saorang ahli itu tidak boleh membawa rayuan daripada diri-nya sendiri atau rayuan yang di-sertai-nya tetapi rayuan demikian boleh-lah di-bawa oleh siapa<sup>2</sup> ahli lain.

(d) Tiap<sup>2</sup> rayuan, sa-belum di-bawa ka-dalam meshuarat, hendak-lah di-tanda tangani pada permulaan-nya oleh ahli yang menjaga rayuan itu dan hendak-lah di-serahkan sa-kurang- satu hari terlebeh dahulu kepada Setiausaha. Setiausaha, sa-telah di-semak-nya surat rayuan itu, hendak-lah menyerahkan-nya kepada Tuan Yang di-Pertua minta di-perkenankan. Surat rayuan tidak boleh di-bawa ka-dalam meshuarat sa-hingga telah di-sahkan dengan di-tulis perkataan<sup>2</sup>, "Telah di-luluskan oleh Tuan Yang di-Pertua".

(e) Tiap<sup>2</sup> ahli, sa-belum membawa sa-suatu rayuan, hendak-lah mempasti dan menuliskan di-kepala surat rayuan itu, berapa banyak bilangan tanda tangan kepada rayuan itu, dan hendak-lah puas hati ia-itu surat rayuan itu tidak mengan-dongi bahasa yang kurang adab kapada Majlis Meshuarat atau kapada Dewan Negara.

(3) Sa-saorang ahli yang membawa sa-suatu rayuan ka-dalam Majlis Meshuarat boleh-lah menyebutkan dengan rengkas dan tepat akan maksud rayuan itu.

(4) (a) Boleh bagi siapa<sup>2</sup> ahli menchadangkan supaya rayuan itu di-bachakan. Masa ia mengemukakan usul-nya hendak-lah di-terangkan-nya dengan rengkas dan tepat akan sebab<sup>2</sup>-nya ia meminta rayuan itu di-bachakan.

(b) Usul demikian ini tidak di-benarkan di-bahath dan tidak di-benarkan siapa<sup>2</sup> ahli lain berchakap berkenaan dengan rayuan itu melainkan jika hendak menyokong dengan sa-chara-nya.

(c) Sa-telah usul ini di-sokong maka hendak-lah di-kemuka bagi di-putuskan oleh meshuarat ada-kah rayuan itu hendak di-bachakan.

Risalat<sup>2</sup>  
Meshuarat.

**20.** (1) Risalat<sup>2</sup> meshuarat hendak-lah di-bawa ka-dalam meshuarat hanya oleh Tuan Yang di-Pertua atau oleh sa-orang Menteri atau pengurus Jawatan-Kuasa dan hendak-lah di-hantar kepada Setiausaha.

(2) Tiap<sup>2</sup> risalat meshuarat yang telah di-terima salinan-nya oleh Setiausaha, hendak-lah di-sifatkan telah di-bawa ka-dalam Majlis Meshuarat dan di-perentahkan supaya terbentang di atas Meja Meshuarat.

(3) Sa-telah risalat<sup>2</sup> meshuarat di-bawa ka-dalam meshuarat maka hal itu hendak-lah di-masukkan dalam buku Undi<sup>2</sup> dan Perjalanan Meshuarat bagi hari risalat itu di-bawa atau bagi hari meshuarat yang akan datang jika Majlis Meshuarat tidak bersidang.

Pertanyaan<sup>2</sup>.

**21.** (1) Pertanyaan<sup>2</sup> boleh-lah di-arahkan kapada Menteri<sup>2</sup> berkenaan dengan:

(a) hal<sup>2</sup> yang dalam urusan jawatan mereka; atau

(b) Rang Undang<sup>2</sup> atau usul atau lain<sup>2</sup> perkara orang ramai yang berkaitan dengan urusan Majlis Meshuarat yang dalam tanggongan Menteri itu.

(2) Pertanyaan<sup>2</sup> boleh juga di-arahkan kapada ahli<sup>2</sup>, sa-lain daripada Menteri<sup>2</sup>, berkenaan dengan Rang Undang<sup>1</sup>, usul atau lain<sup>2</sup> perkara orang ramai yang berkaitan dengan urusan Majlis Meshuarat yang dalam tanggongan ahli<sup>2</sup> yang tersebut itu.

(3) Tujuan yang sa-benar-nya mengeluarkan sa-suatu pertanyaan ia-lah kerana mendapat penerangan berkenaan dengan sa-suatu perkara hakikat yang dalam pengetahuan istimewa ahli yang di-arahkan pertanyaan itu.

Pemberitahu  
berkenaan  
dengan  
Pertanyaan<sup>2</sup>.

**22.** (1) Sa-suatu pertanyaan itu tidak boleh di-keluarkan dengan tidak di-keluarkan pemberitahu terlebih dahulu kechualii jika pada timbangan Tuan Yang di-Pertua pertanyaan itu hendak di-segerakan dan ada kena-mengena dengan perkara kepentingan orang ramai atau dengan Atoran Urusan Meshuarat dan ahli itu telah mendapat kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua hendak mengeluarkan pertanyaan itu.

(2) Pemberitahu bertulis berkenaan dengan tiap<sup>2</sup> pertanyaan hendak-lah di-serahkan kapada Setiausaha dalam waktu pejabat biasa oleh sa-saorang ahli tidak lewat daripada 14 hari sabelum meshuarat di-mulakan.

(3) Jika sa-saorang ahli itu berkehendakkan pertanyaan-nya di-beri jawab mulut maka hendak-lah di-tandakan-nya pemberitahu-nya itu dengan perkataan "Jawab Mulut". Tidak lebih daripada tiga pertanyaan boleh di-tandakan "Jawab Mulut"

helesia

oleh sa-saorang ahli bagi satu hari meshuarat. Tuan Yang di-Pertua, jika baik pada timbangan-nya, boleh memerentahkan apa<sup>2</sup> pertanyaan yang bertanda "Jawab Mulut" itu di-jawab dengan bersurat.

23. (1) Tiap<sup>2</sup> pertanyaan itu hendak-lah menepati peratoran<sup>2</sup> yang tersebut di-~~Isi~~<sup>2</sup> pertanyaan bawah ini:

- (a) dalam sa-suatu pertanyaan itu tidak boleh di-masukkan nama sa-saorang atau kata<sup>2</sup> yang sa-benar<sup>2</sup>-nya tidak mustahak bagi menerangkan maksud pertanyaan itu;
- (b) jika sa-suatu pertanyaan itu mengandungi sa-suatu kata<sup>2</sup>, maka ahli yang bertanya itu hendak-lah bertanggong-jawab betul atau tidak kata<sup>2</sup> itu;
- (c) sa-suatu pertanyaan itu tidak boleh mengandungi apa<sup>2</sup> hujah, sangkaan, fikiran, tohmah, puji atau keji atau mengandungi kalimah<sup>2</sup> mengelirukan, menyindir atau menyakitkan hati;
- (d) sa-suatu pertanyaan itu tidak boleh menyebutkan perbahathan<sup>2</sup> atau jawapan<sup>2</sup> pertanyaan<sup>2</sup> yang telah di-keluarkan dalam penggal Majlis sekarang ini;
- (e) sa-suatu pertanyaan itu tidak boleh menyebutkan perjalanan Jawatan-Kuasa yang belum di-ma'alumkan kepada Majlis;
- (f) sa-suatu pertanyaan itu tidak boleh meminta keterangan berkenaan dengan apa<sup>2</sup> perkara rahsia;
- (g) sa-suatu pertanyaan itu tidak boleh di-karangkan chakap-nya sa-kira<sup>2</sup> harus menggelenchongkan perkara yang sedang di-bicharakan oleh Mahkamah dan tidak boleh di-tanya berkenaan dengan apa<sup>2</sup> perkara yang dalam timbangan Mahkamah;
- (h) sa-suatu pertanyaan tidak boleh di-keluarkan dengan tujuan hendak mendapat buah fikiran atau hendak mendapat penyelesaian berkenaan dengan perkara undang<sup>2</sup> yang belum menjadi masaalah atau kerana hendak mendapat jawab dalam perkara yang di-mithal<sup>2</sup>kan sahaja;
- (i) sa-suatu pertanyaan tidak boleh di-keluarkan berkenaan dengan betul atau tidak-nya penerangan<sup>2</sup> dalam surat<sup>2</sup> khabar atau penerangan<sup>2</sup> yang di-keluarkan oleh sa-saorang bagi diri-nya sendiri atau penerangan badan<sup>2</sup> kewangan;
- (j) sa-suatu pertanyaan tidak boleh di-keluarkan berkenaan dengan sifat atau kelakuan siapa<sup>2</sup> melainkan sifat dan kelakuan-nya dalam menjalankan urusan<sup>2</sup> jawatan-nya atau urusan<sup>2</sup> pekerjaan berkhidmat kepada negeri;
- (k) sa-suatu pertanyaan tidak boleh mengandungi apa<sup>2</sup> sebutan kurang adab berkenaan dengan sa-sabuah negeri asing yang baik perhubungan-nya dengan Malaysia;
- (l) sa-suatu pertanyaan tidak boleh mengandungi perkara<sup>2</sup> yang berkehendakkan penerangan berkenaan dengan hal ehwal dalam sa-sabuah negeri asing;
- (m) sa-suatu pertanyaan tidak boleh di-keluarkan, membayangkan sifat atau kelakuan sa-saorang jika kelakuan-nya itu hanya boleh di-soal dengan mengeluarkan satu usul bersendiri dalam meshuarat;

*Leseorang ahli tidak boleh bentanya lebih  
dampa de 20 pertanyaan bagi Jawapan mulut dan  
tidak boleh lebih daripada 5 pertanyaan bagi jawapan  
beritu dulu mana sahul anggaran negle*

- (n) sa-suatu pertanyaan tidak boleh di-keluarkan, meminta keterangan yang ada dalam surat<sup>2</sup> yang boleh di-dapati atau yang ada dalam buku<sup>2</sup> huraian;
- (o) sa-suatu pertanyaan yang menuduh atau yang membayangkan tuduhan terhadap sifat diri sa-saorang itu tidak di-benarkan;
- (p) sa-suatu pertanyaan yang telah di-beri jawapan penoh tidak boleh di-keluarkan sa-kali lagi dalam penggal majlis sekarang ini.
- (q) sa-suatu pertanyaan tidak boleh di-keluarkan berhubong dengan apa<sup>2</sup> perkara yang terkandong dalam peruntukan<sup>2</sup> Peratoran Meshuarat 36 (8).

(2) Apa<sup>2</sup> pertanyaan yang telah di-beri tahu kepada Setiausaha atau yang telah di-minta kebenaran hendak di-keluarkan dengan tidak di-dahulukan dengan pemberitahu, jika pada timbangan Tuan Yang di-Pertua menyalahi hak boleh mengeluarkan pertanyaan atau telah di-keluarkan dengan sengaja hendak menghalang atau merosakkan atoran perjalanan Majlis Meshuarat, atau menaikkan perasaan bersakit<sup>2</sup> hati atau bermusoh<sup>2</sup>an di-antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia, atau melanggar apa<sup>2</sup> sharat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan, 1948 atau Peratoran ini, maka boleh-lah Tuan Yang di-Pertua menge-luarkan perentah:

- (a) berkehendakkan pertanyaan itu di-chap atau di-keluarkan dengan apa<sup>2</sup> pindaan yang di-perentahkan oleh Tuan Yang di-Pertua; atau
- (b) berkehendakkan ahli yang mengeluarkan pertanyaan itu di-beri tahu ia-itu pertanyaan-nya tidak di-benarkan.

(3) Jika sa-suatu pertanyaan itu tidak di-benarkan oleh Tuan Yang di-Pertua, maka ahli yang mengeluarkan pertanyaan itu hendak-lah di-beri tahu dengan surat oleh Setiausaha dengan di-terangkan sebab<sup>2</sup>-nya tidak di-benarkan itu.

(4) Walau apa juu sharat yang di-sebutkan dahulu daripada ini, sa-saorang Menteri yang di-arahan kan sa-suatu pertanyaan kapada-nya, dengan di-perkenankan oleh Tuan Yang di-Pertua, boleh enggan menjawab pertanyaan itu oleh sebab hendak memelihara faedah orang ramai, dan keengganan-nya menjawab itu tidak boleh di-bahathkan atau di-soal.

(5) Setiausaha ada-lah di-beri kuasa menyunting pertanyaan<sup>2</sup> yang di-hantarkan.

Chara  
mengeluarkan  
pertanyaan dan  
menjawab  
pertanyaan.

24. (1) Jika sa-suatu pertanyaan itu berkehendakkan jawab mulut dan Tuan Yang di-Pertua tidak memerentah supaya di-keluarkan jawab bertulis, maka Tuan Yang di-Pertua, apabila sampai kapada pertanyaan itu dalam Atoran Urusan Meshuarat, hendak-lah memanggil ahli yang tertulis nama-nya pada pertanyaan itu. Ahli yang di-panggil itu hendak-lah berdiri pada tempat-nya dan mengeluarkan pertanyaan itu dengan menyebutkan bilangan pertanyaan-nya dalam Atoran Urusan Meshuarat dan mana<sup>2</sup> Menteri boleh-lah menjawab-nya.

(2) Jika sa-saorang ahli yang hendak mengeluarkan pertanyaan meminta jawab mulut itu tidak bangun mengeluarkan pertanyaan-nya, maka siapa<sup>2</sup> ahli lain boleh-lah mengambil pertanyaan itu di-jadikan pertanyaan-nya sendiri dan boleh-lah ia berdiri di-tempat-nya dan mengeluarkan pertanyaan itu mengikut saperti yang di-tetapkan di atas tadi; tetapi jika tiada siapa yang berdiri di-tempat-nya mengeluarkan pertanyaan itu, maka Menteri yang di-arahan kan pertanyaan itu

boleh-lah menghantar salinan jawapan pertanyaan itu kapada Setiausaha dan Setiausaha hendak-lah menguruskan supaya jawapan itu di-masukkan dalam Penyata Rasmi Meshuarat.

Tetapi di-sharatkan, ia-itu pada bila<sup>2</sup> masa juu sa-belum Tuan Yang di-Pertua memanggil ahli, ahli itu boleh menyatakan maksud-nya hendak menanggohkan pertanyaan-nya itu kapada persidangan hari lain dan boleh juga di-tarek-nya balek pertanyaan-nya itu.

(3) Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan ahli<sup>2</sup> mengeluarkan pertanyaan<sup>2</sup> tambahan, bagi maksud menerangkan apa<sup>2</sup> butir perkara yang telah di-beri jawab mulut tetapi boleh-lah di-tahan-nya apa<sup>2</sup> pertanyaan demikian jika pada timbangan-nya pertanyaan itu mendatangkan perkara yang tidak berkait dengan pertanyaan asal atau yang melanggar apa<sup>2</sup> sharat Peratoran Meshuarat 23.

(4) Sa-suatu pertanyaan itu tidak boleh di-jadikan helah hendak berbahath.

(5) Pertanyaan<sup>2</sup> itu, sa-lain daripada pertanyaan<sup>2</sup> tambahan yang terbit daripada pertanyaan yang telah di-keluarkan dan yang di-benarkan oleh Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh di-keluarkan lagi lepas daripada satu jam daripada permulaan Waktu Pertanyaan<sup>2</sup>.

(6) Jika sa-suatu pertanyaan itu tidak berkehendakkan jawab mulut atau jika jawab bertulis sudah di-perentah di-keluarkan menurut perenggan (3) dalam Peratoran Meshuarat 22, maka Menteri yang di-arahkan pertanyaan itu hendak-lah menghantar salinan jawapan itu kapada Setiausaha dan Setiausaha hendak-lah menguruskan supaya jawapan itu di-masukkan dalam Penyata Rasmi Meshuarat.

25. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sa-kurang<sup>2</sup>-nya dua jam sa-belum meshuarat di-mulakan sa-saorang ahli boleh-lah mengeluarkan penerangan sendiri pada waktu yang di-tetapkan menurut Peratoran Meshuarat 14 sunggoh pun pada masa itu tidak ada pertanyaan dalam Majlis Meshuarat; tetapi tidak boleh di-keluarkan perkara<sup>2</sup> yang akan membangkitkan pertelingkahan dan tidak di-benarkan perbahathan berkenaan dengan penerangan itu. Isi penerangan yang di-chadangkan itu hendak-lah di-hantar dengan sa-penoh-nya kepada Tuan Yang di-Pertua pada masa meminta izin hendak memberi penerangan itu.

Penerangan sendiri.

26. Kechuali jika ada sharat<sup>2</sup> lain dalam Peratoran<sup>2</sup> Meshuarat ini, usul<sup>2</sup> yang hendak di-bawa ka-dalam meshuarat hendak-lah di-dahulukan dengan pemberitahu kechuali usul<sup>2</sup> yang tersebut di-bawah ini:

Pemberitahu Umul.

- (a) usul hendak meminda chadangan yang telah di-kemukakan kapada meshuarat oleh Pengerusi;
- (b) usul yang di-bawa dalam Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis Meshuarat;
- (c) usul hendak menanggohkan Majlis Meshuarat atau apa<sup>2</sup> perbahathan;
- (d) usul hendak mengambil apa<sup>2</sup> perkara dahulu daripada perkara lain dengan tidak mengikut susunan biasa;
- (e) usul daripada sa-orang Menteri menurut sharat<sup>2</sup> perenggan (1) dalam Peratoran Meshuarat 7;
- (f) usul menchadangkan supaya perjalanan meshuarat berkenaan dengan apa<sup>2</sup> urusan yang tertentu di-bebaskan daripada sharat<sup>2</sup> Peratoran Meshuarat 12;

- (f) sa-suatu usul menurut perenggan (2) dalam Peratoran Meshuarat 12 menanggohkan Majlis kepada lain hari;
  - (g) usul hendak melantek Jawatan-Kuasa Pilehan menurut perenggan (4) dalam Peratoran Meshuarat 19;
  - (h) usul hendak menggantong kerja sa-saorang sa-bagai ahli;
  - (i) usul hendak membatalkan undi sa-saorang ahli menurut sharat<sup>2</sup> di-dalam perenggan (5) dalam Peratoran Meshuarat 47;
  - (j) usul hendak mengedarkan sa-suatu Rang Undang<sup>1</sup> itu kapada Jawatan-Kuasa Pilehan menurut Peratoran Meshuarat 54;
  - (k) usul hendak menghantarkan balek sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> yang telah di-ma'alumkan kepada Majlis oleh Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis Meshuarat;
  - (l) usul hendak menarek balek sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> menurut Peratoran Meshuarat 62;
  - (m) usul hendak menggantong kuat-kuasa sa-suatu Peratoran Meshuarat yang di-chadangkan menurut Peratoran Meshuarat 90 sa-telah mendapat izin daripada Tuan Yang di-Pertua;
  - (n) usul hendak mengeluarkan orang<sup>2</sup> luar;
  - (o) usul hendak menutup perbahathan mengikut Peratoran Meshuarat 40;
  - (p) usul berkenaan dengan hak dan kebebasan;
  - (q) usul supaya sa-suatu rayuan itu di-bachakan, di-chapkan atau di-edarkan kapada Jawatan-Kuasa Pilehan;
  - (r) usul supaya sa-suatu penyata Jawatan-Kuasa Pilehan di-edarkan kapada Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis Meshuarat;
  - (s) Sa-suatu usul melanjutkan tempoh bagi mengesahkan perentah<sup>2</sup> menurut sekshen kecil (1) dalam sekshen 10 dalam Undang<sup>2</sup> Kastam, tahun 1952.
- (2) Sa-suatu usul yang bertujuan hendak—
- (a) mendapat pemberian, sanggupan atau perbelanjaan daripada wang negara, atau
  - (b) membatalkan hutang kapada Kerajaan, atau
  - (c) membebaskan chukai<sup>2</sup> yang kena di-bayar oleh siapa<sup>2</sup>, atau
  - (d) membebaskan ganti rugi kerana kehilangan wang hasil negeri, atau
  - (e) meminta di-batalkan, di-ubah atau di-mansokhkan apa<sup>2</sup> chukai,
- tidak boleh di-jalankan kechuali jika telah mendapat sokongan Kerajaan di-nyatakan oleh Menteri yang bertanggong-jawab berkenaan dengan hal ehwal kewangan.
- (3) Sa-suatu usul yang menyentoh, baik tepat atau tiada tepat, apa<sup>2</sup> pemberian, sanggupan, perbelanjaan, pembatalan hutang kapada Kerajaan, membebaskan chukai<sup>2</sup> atau ganti rugi seperti yang di-sebutkan dalam perenggan kecil (a) sampai (d) dalam perenggan (2) hendak-lah di-sifatkan sa-bagai bertujuan mendapat pemberian, sanggupan, perbelanjaan, pembatalan hutang kapada Kerajaan, membebaskan chukai<sup>2</sup> atau ganti rugi kechuali jika Menteri yang di-sebutkan itu

menyatakan ia-itu usul itu tidak melebhi perkara kecil<sup>2</sup> sahaja dan bukan suatu perkara besar, dengan memandang kapada tujuan<sup>2</sup> usul itu.

**27.** (1) Dalam Peratoran Meshuarat (atau menurut kelaziman Majlis Meshuarat) jika sa-suatu perkara itu berkehendakkan pemberitahu, maka pemberitahu itu hendak-lah di-hantar kapada Setiausaha dengan bertulis dalam waktu pejabat yang biasa.

Chara' mengeluarkan pemberitahu.

(2) Tiap<sup>2</sup> pemberitahu itu hendak-lah di-tanda tangan.

(3) Kechuali sa-bagaimana yang di-sharatkan dalam Peratoran Meshuarat 43 dan perenggan (5) dalam Peratoran Meshuarat 86, apa<sup>2</sup> usul hendak-lah di-keluarkan pemberitahu tidak kurang daripada empat belas hari terlebeh dahulu tetapi jika usul itu dengan nama Menteri, maka memada-lah dengan di-keluarkan pemberitahu tujuh hari sahaja terlebeh dahulu, dan pula jika Tuan Yang di-Pertua puas hati sa-telah di-terangkan kapada-nya oleh sa-saorang Menteri ia-itu bagi fa'edah orang ramai sa-suatu usul itu mustahak di-bahathkan dengan sa-berapa segera-nya maka memadai-lah di-keluarkan pemberitahu itu satu hari sahaja terlebeh dahulu.

(4) Semua pemberitahu, sa-kira-nya dapat, hendak-lah di-chap, saiklostail (*cyclostyle*) atau di-taip dan di-hantar kapada ahli<sup>2</sup> tidak lewat daripada hari sa-belum hari persidangan meshuarat yang hendak di-bawa perkara<sup>2</sup> yang telah di-keluarkan pemberitahu itu.

(5) Jika pada fikiran Tuan Yang di-Pertua, sa-suatu pemberitahu yang di-terima oleh Setiausaha itu melanggar apa<sup>2</sup> sharat Peratoran<sup>2</sup> Meshuarat ini atau dengan chara mana jua menyalahi peratoran maka boleh-lah Tuan Yang di-Pertua memerentahkan :

- (a) pemberitahu itu di-chapkan dengan apa<sup>2</sup> pindaan yang di-perentahkan-nya; atau
- (b) pemberitahu itu di-kembalikan kapada ahli yang menanda tangani-nya dengan kerana pada fikiran Tuan Yang di-Pertua pemberitahu itu menyalahi peratoran.

(6) Dengan tertia'alok kapada sharat<sup>2</sup> dalam perenggan (5), usul<sup>2</sup> atau pindaan<sup>2</sup> yang di-hantar kapada Setiausaha, hendak-lah di-chap dan di-hantar kapada ahli<sup>2</sup>; dan berkenaan dengan pindaan kapada Rang Undang<sup>2</sup>, hendak-lah di-aotor, sa-berapa yang boleh-nya, menurut susunan hendak di-chadangkan pindaan<sup>2</sup> itu.

**28.** Jika sa-saorang ahli hendak mengubah isi<sup>2</sup> sa-suatu usul yang terdiri dengan nama-nya, maka boleh-lah di-ubah-nya dengan menghantarkan kapada Setiausaha, satu pemberitahu meminda usul-nya itu tetapi di-sharatkan ia-itu pindaan itu, pada timbangan Tuan Yang di-Pertua, tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandong dalam usul itu pada perkara besar<sup>2</sup>. Pemberitahu meminda usul itu ada-lah mula berjalan daripada masa pemberitahu usul mula<sup>2</sup>.

Mengubah isi<sup>2</sup> sa-suatu usul.

**29.** (1) Sa-saorang ahli, dengan menghantar pemberitahu bersurat kapada Setia-usaha, boleh-lah menarek balek pemberitahu usul yang telah di-keluarkan-nya terlebeh dahulu.

Menarek balek pemberitahu usul.

(2) Apabila pemberitahu usul di-tarek balek seperti yang di-sharatkan itu sa-lepas usul itu di-masukkan dalam Atoran Urusan Meshuarat, maka usul itu tidak boleh di-chadangkan tetapi hendak-lah di-biarkan dalam Atoran Urusan Meshuarat dan, apabila sampai masa-nya, Tuan Yang di-Pertua atau ahli yang mempengerusikan meshuarat, hendak-lah memashhorkan ia-itu usul itu ada-lah disifatkan telah di-tarek balek dan perkara ini hendak-lah di-masukkan dalam buku Undi<sup>2</sup> dan Perjalanan Meshuarat.

Meminda  
usul<sup>1</sup>.

30. (1) Pada masa sa-suatu usul itu dalam timbangan Majlis Meshuarat atau Jawatan-Kuasa Majlis Meshuarat, boleh-lah di-chadangkan pindaan<sup>1</sup> jika pindaan itu berkaitan dengan usul itu.

(2) Pindaan ini pula boleh di-chadangkan di-pinda jika berkaitan dengan pindaan asal.

(3) Sa-suatu pindaan itu tidak boleh mengeluarkan apa<sup>2</sup> perkara yang di-sharatkan oleh Peratoran<sup>2</sup> Majlis hanya boleh di-keluarkan dengan usul bersendiri sa-telah di-keluarkan pemberitahu.

(4) Sa-suatu masaalah, apabila di-kemukakan oleh Pengerusi boleh-lah di-pinda menurut semua atau mana<sup>2</sup> juu chara yang tersebut di-bawah ini:

- (a) dengan di-potong apa<sup>2</sup> perkataan supaya dapat di-masukkan perkataan<sup>2</sup> lain;
- (b) dengan di-potong apa<sup>2</sup> perkataan;
- (c) dengan di-masukkan atau di-tambah perkataan<sup>2</sup> lain.

Menyokong  
usul<sup>1</sup> dan  
pindaan<sup>2</sup>.

31. (1) Dalam Persidangan Majlis Meshuarat, sa-suatu usul atau pindaan itu tidak akan di-kemukakan oleh Tuan Yang di-Pertua kechualи jika usul atau pindaan itu telah di-sokong.

(2) Dalam Persidangan Jawatan-Kuasa, tidak di-kehendaki penyokong.

Pindaan<sup>1</sup> usul  
hendak-lah  
dengan surat.

32. Sa-suatu pindaan usul yang telah di-kemukakan dalam Persidangan Majlis Meshuarat atau dalam Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis Meshuarat, hendak-lah di-buat dengan surat oleh penchadang-nya, dan hendak-lah di-serahkan kepada Setiausaha, kechualи jika Pengerusi membenarkan tidak dengan bersurat.

Majlis

Chara mem-  
bahaskan usul  
dan pindaan  
usul.

33. (1) Apabila sa-suatu usul itu telah di-chadangkan dan di-sokong, jika ber-kehendakkan di-sokong, maka Pengerusi hendak-lah mengemukakan masaalah itu kapada Majlis Meshuarat atau Jawatan-Kuasa Majlis Meshuarat sa-bagaimana tersusun chakap-nya dalam usul itu; sa-telah itu masaalah ini boleh-lah di-bahathkan dan, dengan terta'alok kapada sharat<sup>2</sup> Peratoran<sup>2</sup> Meshuarat ini, per-bahathan ini boleh-lah di-jalankan sa-lagi ada ahli yang berhak boleh berchakap hendak berchakap.

(2) Apabila tidak ada lagi ahli yang hendak berchakap, maka Pengerusi hendak-lah meminta keputusan Majlis Meshuarat atau Jawatan-Kuasa Majlis Meshuarat atau Jawatan-Kuasa Majlis Meshuarat hendak-lah menyatakan keputusan-nya menurut sharat<sup>2</sup> Peratoran Meshuarat 45.

(3) Apa<sup>2</sup> pindaan usul yang hendak di-chadangkan oleh sa-saorang ahli menurut sharat<sup>2</sup> Peratoran Meshuarat 30, boleh-lah di-chadangkan dan di-sokong jika berkehendakkan di-sokong, pada bila<sup>2</sup> masa sa-lepas masaalah di-kemukakan oleh Pengerusi dan sa-belum Pengerusi meminta keputusan meshuarat sa-telah habis perbahathan. Apabila tiap<sup>2</sup> pindaan demikian itu telah di-putuskan, maka Pengerusi hendak-lah sa-kali lagi mengemukakan masaalah berkenaan dengan usul tadi atau masaalah berkenaan dengan usul yang telah di-pinda, ikut mana yang di-kehendaki, dan sa-telah di-jalankan lagi apa<sup>2</sup> perbahathan yang berbangkitan, maka Pengerusi hendak-lah mengemukakan masaalah itu kapada Majlis Meshuarat atau kapada Jawatan-Kuasa bagi di-putuskan.

(4) (a) Jika sa-suatu pindaan itu menchadangkan di-potong apa<sup>2</sup> perkataan dalam usul itu, maka masaalah yang akan di-kemukakan hendak-lah “*Ia-itu perkataan<sup>2</sup> yang di-chadang hendak di-potong itu hendak-lah di-potong daripada masaalah itu.*”

(b) Jika sa-suatu pindaan itu menchadang di-masukkan perkataan<sup>2</sup> atau di-tambah perkataan<sup>2</sup> di-hujung sa-suatu usul, maka masaalah yang akan di-kemukakan hendak-lah “*Ia-itu perkataan<sup>2</sup> itu di-masukkan di-situ*” atau “*di-tambah*”—ikut mana yang di-kehendaki.

(c) Jika sa-suatu pindaan itu menchadangkan di-potong perkataan<sup>2</sup> dan di-masukkan atau di-tambah perkataan<sup>2</sup> lain ganti-nya, maka mula<sup>2</sup> sa-kali hendak-lah di-kemukakan masaalah “*Ia-itu perkataan<sup>2</sup> yang di-chadang hendak di-potong itu hendak-lah di-potong daripada masaalah itu,*” dan jika masaalah itu di-setujukan oleh meshuarat, maka hendak-lah di-kemukakan pula masaalah “*Ia-itu perkataan<sup>2</sup> itu di-masukkan di-situ*” atau “*di-tambah*”,—ikut mana yang di-kehendaki. Jika masaalah yang pertama itu tidak di-setujukan, maka tidak-lah boleh di-chadangkan apa<sup>2</sup> pindaan lain kapada perkataan<sup>2</sup> yang telah di-putuskan oleh Majlis Meshuarat atau oleh Jawatan-Kuasa tidak akan di-potong.

(d) Jika sa-belum di-minta keputusan meshuarat hendak memotong apa<sup>2</sup> perkataan, Pengerusi di-beritahu bahawa sa-orang ahli hendak menchadangkan suatu pindaan memotong sa-bahagian sahaja daripada perkataan<sup>2</sup> tadi, dan jika pada fikiran Pengerusi pindaan ini sa-bahagian besar daripada-nya ia-lah pindaan baharu, maka Pengerusi, jika boleh, hendak-lah meminta keputusan meshuarat memotong sa-banyak mana perkataan daripada pindaan asal yang tidak di-kenai oleh pindaan yang kedua; tetapi jika pindaan asal itu di-setujukan oleh meshuarat, maka semua sa-kali perkataan yang di-chadangkan di-potong dalam pindaan asal itu ada-lah di-sifatkan di-perentah telah terpotong.

(e) Apabila dua atau lebih daripada dua pindaan di-chadangkan berkenaan dengan sa-suatu usul, maka Pengerusi hendak-lah memanggil penchadang<sup>2</sup> pindaan itu menurut dahulu kemudian-nya kalimah usul itu di-sebutkan dalam pindaan<sup>2</sup> yang di-chadangkan oleh mereka itu, atau jika tiada tentu siapa yang hendak di-dahulu atau siapa yang hendak di-kemudiankan, maka terpulang-lah kapada Pengerusi memutuskan: tetapi di-sharatkan ia-itu tiada boleh di-chadangkan apa<sup>2</sup> pindaan yang mengenaï apa<sup>2</sup> perkataan yang telah di-putuskan oleh Majlis Meshuarat atau Jawatan-Kuasa Majlis Meshuarat tidak akan di-potong daripada usul itu.

('Am 15A—Pin. 7/68)

Bilangan.....

Talipon.....

25- · · · · · , 19 .....

2-20 - 3-30 - Sp.

3-30 - 4:30 - Dep. Sp.

2-30 - 4:00

4.00 - 5.10

5.10 - 6.30

1971

(5) (a) Apa<sup>2</sup> pindaan ka-atas sa-suatu pindaan boleh di-chadangkan dan di-sokong jika berkehendakkan di-sokong pada bila<sup>2</sup> masa sa-lepas pindaan asal itu telah di-kemukakan dan sa-belum di-minta keputusan meshuarat sa-telah habis perbahathan berkenaan pindaan asal.

(b) Sharat<sup>2</sup> perenggan (4) hendak-lah di-pakaikan kapada perbahathan berkenaan dengan pindaan atas pindaan sa-kadarkan perkataan "masaalah" di-gantikan dengan perkataan<sup>2</sup> "pindaan asal" di-tempat<sup>2</sup> yang patut di-gantikan.

(c) Apabila tiap<sup>2</sup> pindaan ka-atas pindaan itu telah di-putuskan, maka Pengerusi hendak-lah mengemukakan pindaan asal atau pindaan asal yang telah di-pinda itu, ikut mana yang di-kehendaki.

Menarek  
balek usul<sup>2</sup>  
dan pindaan<sup>2</sup>.

**34.** (1) Sa-suatu usul atau pindaan jika di-minta oleh penchadang-nya boleh di-tarek balek sa-belum di-kemuka bagi di-putuskan oleh meshuarat. Usul atau pindaan yang di-tarek balek demikian itu boleh di-chadangkan sa-mula tetapi di-sharatkan jika usul, hendak-lah di-keluarkan pemberitahu menurut Peratoran ini.

(2) Apabila pindaan ka-atas sa-suatu usul atau pindaan ka-atas pindaan telah di-kemukakan kapada meshuarat maka usul atau pindaan yang hendak di-pinda itu tidak boleh di-tarek balek sa-hingga pindaan kapada usul atau pindaan ka-atas pindaan itu telah di-putuskan.

## PERATORAN<sup>2</sup> BERBAHATH

Masa dan  
chara  
berchakap.

**35.** (1) Sa-saorang ahli yang hendak berchakap hendak-lah bangun di-tempat-nya dan apabila di-panggil oleh Pengerusi maka hendak-lah ia berdiri mengarahkan uchapan-nya kapada Pengerusi. Sa-saorang ahli tidak boleh berchakap melainkan sa-telah di-panggil oleh Pengerusi.

(2) Jika dua atau lebih daripada dua orang ahli bangun sa-rempak, maka Pengerusi hendak-lah memanggil ahli yang dahulu sa-kali terpandang oleh-nya.

(3) Sa-saorang ahli tidak boleh berchakap lebih daripada sa-kali dalam sa-suatu masaalah kechuali—

(a) dalam persidangan Jawatan-Kuasa; atau

(b) bagi menerangkan sa-suatu hal saperti yang di-tetapkan dalam perenggan (4); atau

(c) kerana menjawab kapada hujah<sup>2</sup> yang di-keluarkan dalam perbahathan ia-itu bagi penchadang sa-suatu usul bersendiri.

Tetapi di-sharatkan ia-itu, dengan tidak hilang hak-nya boleh berchakap kemudian, siapa<sup>2</sup> ahli boleh menyokong sa-suatu usul atau pindaan dengan bangun di-tempat-nya dan menyatakan ia-itu ia berchadang hendak menyokong usul atau pindaan itu.

(4) Sa-saorang ahli yang telah berchakap dalam satu<sup>2</sup> masaalah itu boleh berchakap menerangkan apa<sup>2</sup> perkara besar dalam uchapan-nya yang telah menerbitkan kesamaran faham; tetapi tidak boleh di-keluarkan-nya perkara<sup>2</sup> baharu.

(5) Sa-saorang ahli yang telah berchakap boleh berchakap sa-kali lagi apabila suatu masaalah baharu di-kemukakan oleh Tuan Yang di-Pertua, umpama-nya chadangan hendak mendatangkan pindaan atau usul hendak menanggohkan perbahathan.

(6) Sa-saorang ahli tidak boleh membacha uchapan-nya tetapi boleh di-bachanya chabutan<sup>2</sup> daripada buku<sup>2</sup> atau surat<sup>2</sup> kerana hendak menyokong hujah-nya dan boleh di-tengok-nya peringatan<sup>2</sup> bagi mengingatkan balek apa yang hendak di-chakapkan-nya.

(7) Sa-saorang ahli tidak boleh berchakap berkenaan dengan apa<sup>2</sup> perkara yang ada dalam-nya fa'edah kewangan yang tepat bagi diri-nya (sa-lain daripada perkara<sup>2</sup> gaji menurut apa<sup>2</sup> sharat dalam Perlembagaan), jika tidak di-terangkan-nya sa-banyak mana fa'edah bagi diri-nya dalam perkara itu.

(8) *Tuan Yang di-Pertua atau Pengurus iaitu menghadkan mula bagaimanakah ia dilaksanakan untuk mula isi uchapan.*  
36. (1) Sa-saorang ahli hendak-lan menghadkan perchakapan-nya kepada perkara yang di-binchangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa<sup>2</sup> perkara yang tidak berkait dengan perkara yang di-binchangkan itu.

(2) Tidak boleh di-sebutkan apa<sup>2</sup> perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sa-kira<sup>2</sup> pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan<sup>2</sup> pehak yang berbichara itu.

(3) Ada-lah salah pada peratoran meshuarat jika di-chuba menimbangkan sa-mula apa<sup>2</sup> perkara tertentu yang telah di-putuskan oleh Majlis Meshuarat dalam penggal majlis yang ada sekarang, kechualui dengan di-keluarkan usul bersendiri bagi membatalkan keputusan Majlis Meshuarat berkenaan dengan perkara itu.

(4) Ada-lah salah pada peratoran meshuarat bagi sa-saorang ahli menggunakan bahasa biadab.

(5) Sa-saorang ahli tidak di-benar menyebutkan nama ahli lain.

(6) Sa-saorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ka-atas siapa<sup>2</sup> ahli lain.

(7) Nama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau nama Duli<sup>2</sup> Yang Maha Mulia Raja<sup>2</sup> Melayu atau Yang Terutama Gabenor Pulau Pinang dan Melaka dan Gabenor Sarawak dan Yang di-Pertua Negara Sabah tidak boleh di-gunakan bagi mempengaroh Majlis Meshuarat.

(8) Kelakuan atau sifat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Duli<sup>2</sup> Yang Maha Mulia Raja<sup>2</sup> Melayu atau Yang Terutama Gabenor Pulau Pinang dan Melaka dan Gabenor Sarawak dan Yang di-Pertua Negara Sabah atau Hakim<sup>2</sup> dan lain<sup>2</sup> orang yang menjalankan ke'adilan mahkamah atau ahli<sup>2</sup> Majlis Pasukan Bersenjata atau mana<sup>2</sup> Surohanjaya Jawatan Kerajaan yang di-tubohkan menurut Bahagian X dalam Perlembagaan atau ahli<sup>2</sup> Surohanjaya Pilehan Raya atau siapa<sup>2</sup> ju Ketua Negara negeri<sup>2</sup> yang bersahabat dengan Malaysia, tidak boleh di-sebutkan kechualui dengan di-keluarkan usul bersendiri bagi maksud<sup>2</sup> itu.

(9) Dalam apa<sup>2</sup> perbahathan, tidak boleh di-sebutkan kelakuan atau sifat siapa<sup>2</sup> ahli<sup>2</sup> Parlimen atau siapa<sup>2</sup> pegawai Kerajaan sa-lain daripada kelakuan pada menjalankan urusan-nya sa-bagai ahli Parlimen atau pegawai Kerajaan.

- (10) Ada-lah salah pada peratoran menggunakan—  
(a) perkataan<sup>2</sup> derhaka kapada negeri;  
(b) perkataan<sup>2</sup> membangkitkan perasaan melawan kuasa Kerajaan;  
(c) perkataan<sup>2</sup> yang harus menaikkan perasaan bersakit<sup>2</sup> hati atau bermusoh<sup>2</sup>an di-antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau melanggar mana<sup>2</sup> sharat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan, 1948.

(11) Jika pada timbangan Tuan Yang di-Pertua bahawa apa<sup>2</sup> usul atau pindaan atau perbahathan yang akan di-jalankan lagi di atas usul atau pindaan itu tujuannya melanggar Peratoran ini, maka Tuan Yang di-Pertua berkuasa boleh menolak usul atau pindaan itu ikut mana yang di-kehendaki, atau memberhentikan perbahathan itu dan memerentahkan supaya usul atau pindaan itu tidak boleh di-bahathkan lagi.

Mengganggu. 37. Sa-saorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang berchakap kechualai—

- (a) jika hendak mengeluarkan tegoran berkenaan perkara tertib meshuarat. Ketika itu ahli yang sedang berchakap itu hendak-lah dudok dan ahli yang mengganggu itu hendak-lah menarek perhatian kapada perkara yang hendak di-keluarkan-nya buat pengetahuan meshuarat dan di-serahkan-nya perkara itu kapada Pengerusi memutuskan-nya; atau  
(b) jika hendak menerangkan apa<sup>2</sup> perkara yang di-keluarkan oleh ahli yang sedang berchakap itu dalam uchapan-nya dengan sharat ahli yang sedang berchakap itu muh beralah dan dudok dan ahli yang hendak mengganggu itu di-panggil oleh Pengerusi.

38. (1) Perbahathan atas apa<sup>2</sup> usul, sa-lain daripada usul hendak menanggohkan Majlis Meshuarat, dan perbahathan atas apa<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup> atau pindaan, hendak-lah berkaitan dengan usul atau Rang Undang<sup>2</sup> atau pindaan itu.

(2) Perbahathan atas usul hendak menanggohkan Majlis Meshuarat hendak-lah berkaitan dengan perkara yang hendak di-keluarkan menurut Peratoran 17 atau 18.

(3) Dalam sa-suatu pindaan menchadangkan hendak di-potong apa<sup>2</sup> perkataan dan di-masukkan perkataan<sup>2</sup> lain ganti-nya, maka perbahathan atas masaalah "*Ia-itu perkataan<sup>2</sup> yang di-chadang hendak di-potong itu hendak-lah di-potong*" boleh termasuk perkataan<sup>2</sup> yang di-chadang hendak di-potong dan juga perkataan<sup>2</sup> yang hendak di-tambah atau di-masukkan.

(4) Dalam sa-suatu pindaan menchadangkan hendak hanya di-potong apa<sup>2</sup> perkataan atau di-tambah perkataan<sup>2</sup> atau di-masukkan perkataan<sup>2</sup>, perbahathan berkenaan dengan-nya hendak-lah di-hadkan kapada perkara memotong perkataan<sup>2</sup> itu sahaja, atau menambah perkataan<sup>2</sup> sahaja atau memasukkan perkataan<sup>2</sup> sahaja.

(5) Perbahathan atas apa<sup>2</sup> usul "*Ia-itu perbahathan di-tanggohkan sekarang*" atau usul dalam Jawatan-Kuasa "*Ia-itu Pengerusi hendak-lah mema'alumkan sa-banyak mana telah di-jalankan perbahathan dan meminta izin hendak bersidang sa-kali lagi*" hendak-lah di-hadkan kapada perkara usul itu; dan sa-saorang ahli yang mengeluarkan usul itu atau yang menyokong-nya tidak boleh lagi menchadangkan atau menyokong apa<sup>2</sup> usul yang saperti itu dalam perbahathan itu juga.

**39.** (1) Ada-lah salah pada peratoran meshuarat mendahului perbahathan atas Rang Undang<sup>2</sup> yang ada dalam Atoran Urusan Meshuarat dengan membahathkan sa-suatu usul bersendiri atau pindaan yang sama perkara-nya dengan isi Rang Undang<sup>2</sup> itu atau dengan mengeluarkan perkara isi Rang Undang<sup>2</sup> itu masa di-chadangkan usul menanggohkan Majlis Meshuarat.

Mendahului  
perbahathan.

(2) Ada-lah salah pada peratoran meshuarat mendahului perbahathan atas sa-suatu usul yang telah di-keluarkan pemberitahu dengan membahathkan sa-suatu pindaan atau dengan mengeluarkan perkara yang sama isi-nya dengan perkara usul itu masa di-chadangkan usul menanggohkan Majlis Meshuarat.

(3) Bagi memutuskan ada-kah sa-suatu perbahathan itu salah atau tidak pada peratoran meshuarat kerana mendahului perbahathan meshuarat, maka Pengerusi hendak-lah menimbangkan ada-kah perkara itu harus akan di-bawa dalam Majlis Meshuarat dalam tempoh yang menasabah.

**40.** (1) Sa-telah sa-suatu masaalah di-kemukakan kepada meshuarat maka sa-saorang ahli boleh bangun di-tempat-nya dan menuntut menchadangkan usul “Ia-itu masaalah ini di-putuskan sekarang” dan, jika pada fikiran Pengerusi usul itu tidak akan membawa peratoran<sup>1</sup> Majlis Meshuarat di-gunakan pada jalan yang salah atau melanggar hak<sup>2</sup> puak kecil maka masaalah “Ia-itu masaalah ini di-putuskan sekarang” hendak-lah di-kemuka bagi di-putuskan dengan serta-merta dan di-putuskan dengan tidak boleh di-pinda atau di-bahath walau pun penchadang usul yang mula itu atau penchadang pindaan ka-atas usul itu tidak ada peluang menjawab.

Menutup  
perbahahan.

(2) Apabila usul “Ia-itu masaalah ini di-putuskan sekarang” telah di-setujukan dan masaalah asal telah di-putuskan, maka siapa<sup>2</sup> ahli boleh menuntut supaya apa<sup>2</sup> masaalah lain yang telah di-kemukakan oleh Pengerusi itu di-putuskan sekarang dan jika Pengerusi bersetuju, masaalah<sup>2</sup> itu hendak-lah di-minta meshuarat memutuskan-nya dengan serta-merta dan di-putuskan dengan tidak boleh di-pinda atau di-bahath.

(3) Masaalah hendak menutup perbahahan tidak boleh di-putuskan dengan di-setujukan oleh meshuarat walau pun dalam belah-bahagian Majlis yang di-adakan berkenaan dengan-nya ramai pehak yang bersetuju daripada pehak yang tidak bersetuju, kechualи jika nampak daripada bilangan pengundi<sup>2</sup> yang dimashhorkan oleh Pengerusi, tidak kurang daripada dua puluh orang lebih ahli yang bersetuju daripada ahli<sup>2</sup> yang tidak bersetuju.

**41.** Masa meshuarat bersidang:

Adab Ahli<sup>1</sup>  
yang tidak  
berchakap.

- (a) semua ahli<sup>2</sup> hendak-lah masok ka-Dewan atau keluar daripada Dewan atau membawa diri dalam Dewan dengan tertib adab;
- (b) sa-saorang ahli tidak boleh melintas ruangan di-tengah Dewan dengan tidak ada hal;
- (c) ahli<sup>2</sup> tidak boleh membacha surat<sup>2</sup> khabar, buku<sup>2</sup>, surat<sup>2</sup> atau lain<sup>2</sup>-nya kechualи apa<sup>2</sup> yang ada kena-mengena tepat dengan urusan yang dibahathkan;
- (d) sa-saorang ahli tidak boleh merokok di-dalam Dewan Meshuarat;
- (e) masa sa-saorang ahli itu berchakap, semua ahli<sup>2</sup> lain hendak-lah diam dan tidak boleh mengganggu dengan chara kurang adab.

42. Bila<sup>2</sup> ahli<sup>2</sup> di-tegor oleh Pengerusi berkenaan dengan peratoran meshuarat atau bila<sup>2</sup> Pengerusi bangun masa di-jalankan perbahathan, maka siapa<sup>2</sup> ahli yang sedang berchakap atau yang hendak berchakap, hendak-lah dudok dan Majlis Meshuarat atau Jawatan-Kuasa hendak-lah diam supaya chakap Pengerusi boleh di-dengar dengan tidak terganggu.

43. Tuan Yang di-Pertua dalam Majlis Meshuarat atau Pengerusi dalam Jawatan-Kuasa ada-lah tertanggong ka-atas-nya menjaga supaya peratoran<sup>2</sup> Majlis Meshuarat atau Jawatan-Kuasa di-endahkan, dan keputusan-nya berkenaan dengan apa<sup>2</sup> perkara peratoran meshuarat tidak boleh di-minta timbangkan sa-mula dan tidak boleh di-ulang kaji oleh Majlis Meshuarat kechuali dengan di-keluarkan usul bersendiri kerana itu. Usul demikian ini tidak berkehendak di-keluarkan pemberitahu lebuh daripada dua hari terlebeh dahulu.

44. (1) Pengerusi sa-telah menarek perhatian Majlis Meshuarat atau Jawatan-Kuasa kapada kelakuan sa-saorang ahli yang berdegil<sup>2</sup> menyebutkan perkara yang tidak ada kena-mengena dengan perkara meshuarat atau berulang<sup>2</sup> menyebutkan hujah-nya sendiri atau hujah<sup>2</sup> ahli lain dalam sa-suatu perbahathan, boleh memerentahkan ahli itu suroh berhenti berchakap.

(2) Pengerusi hendak-lah memerentahkan siapa<sup>2</sup> ahli yang berkelakuan haru-biru, keluar dengan serta-merta daripada Majlis Meshuarat hingga habis persidangan pada hari itu, dan Bentara Meshuarat hendak-lah menjalankan apa<sup>2</sup> perentah yang di-terima-nya daripada Pengerusi menurut Peratoran ini; tetapi jika ada masa-nya, di-fikirkan oleh Pengerusi kuasa<sup>2</sup>-nya menurut sharat<sup>2</sup> tadi dalam Peratoran ini tiada chukup, maka boleh di-sebutkan-nya nama ahli atau ahli<sup>2</sup> yang berkelakuan haru-biru itu. Kemudian atoran yang di-tetapkan dalam perenggan (3), (4), (5) dan (6) hendak-lah di-ikut.

(3) Bila<sup>2</sup> sa-saorang ahli itu telah di-sebutkan nama-nya oleh Pengerusi sa-baik<sup>2</sup> telah di-lakukan-nya kesalahan tidak mengendahkan kuasa Pengerusi atau kesalahan berdegil<sup>2</sup> dan dengan sengaja mengganggu urusan meshuarat dengan menggunakan Peratoran<sup>2</sup> Majlis Meshuarat pada jalan yang salah atau dengan apa<sup>2</sup> jalan lain, maka, jika kesalahan itu di-lakukan oleh ahli itu dalam Majlis Meshuarat, suatu usul "*Ia-itu Enche' atau Tuan.....di-gantong kerja sa-bagai ahli Majlis*" hendak-lah di-chadangkan dengan serta-merta dan di-sokong oleh dua orang Menteri yang hadhir. Tuan Yang di-Pertua hendak-lah dengan serta-merta mengemukakan usul itu bagi di-putuskan oleh meshuarat dengan tidak di-benarkan di-pinda atau di-tanggohkan meshuarat atau di-bahath; jika kesalahan itu di-lakukan dalam Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis Meshuarat, maka Pengerusi hendak-lah dengan serta-merta menempohkan perjalanan meshuarat dan mema'alumkan perkara itu kepada Majlis Meshuarat; Tuan Yang di-Pertua sa-telah di-keluarkan usul dengan serta-merta, hendak-lah mengemukakan masaalah itu kepada Majlis Meshuarat bagi di-putuskan dengan tidak di-benarkan di-pinda, di-tanggohkan meshuarat atau di-bahath, sa-olah<sup>2</sup> kesalahan itu telah di-lakukan dalam Majlis Meshuarat sendiri.

(4) Tidak lebuh daripada sa-orang ahli yang boleh di-sebutkan nama-nya serempak, kechuali jika dua atau lebuh daripada dua orang ahli yang hadhir telah bersama<sup>2</sup> tidak mengendahkan kuasa Pengerusi.

(5) Jika sa-saorang ahli itu di-gantong kerja sa-bagai ahli Majlis menurut sharat<sup>2</sup> Peratoran ini, maka ahli itu hendak-lah di-perentahkan oleh Tuan Yang di-Pertua keluar daripada Majlis Meshuarat dan tidak di-benarkan masok hingga tamat meshuarat.

(6) Jika sa-saorang atau dua atau lebih daripada dua orang ahli yang sama<sup>2</sup> melakukan kesalahan dan yang telah di-gantong kerja menurut Peratoran ini, engkar mengikut perentah Tuan Yang di-Pertua menyuroh keluar, apabila tiap<sup>2</sup> sa-orang-nya di-suroh keluar oleh Bentara Meshuarat menurut perentah Tuan Yang di-Pertua, maka Tuan Yang di-Pertua hendak-lah menarek perhatian Majlis Meshuarat ia-itu mustahak di-jalankan langkah keras bagi memaksa ahli<sup>2</sup> itu mengikut perentah-nya. Apabila ahli atau ahli<sup>2</sup> yang telah di-sebutkan nama-nya oleh Tuan Yang di-Pertua ia-itu engkar menurut perentah-nya telah di-keluarkan daripada Majlis Meshuarat, maka dengan tidak di-kemuka bagi di-putuskan oleh meshuarat, ahli<sup>2</sup> itu hendak-lah tergantong kerja sa-bagai ahli Majlis sa-hingga habis penggal Majlis.

(7) Ahli<sup>2</sup> yang di-perentahkan keluar menurut perenggan (2) atau yang telah di-gantong kerja sa-bagai ahli Majlis menurut perenggan (3) dan (6), dengan serta-merta hendak-lah keluar daripada kawasan Dewan Meshuarat dan tidak di-benarkan masok sa-hingga habis persidangan meshuarat atau sa-lama tempoh mereka di-gantong kerja sa-bagai ahli Majlis, ikut mana yang di-kehendaki.

(8) Jika sa-kira-nya berlaku haru-biru yang besar dalam Majlis Meshuarat maka Tuan Yang di-Pertua boleh menanggohkan meshuarat jika pada fikiran-nya mustahak di-tanggohkan, dengan tidak meminta keputusan meshuarat; atau menempohkan persidangan meshuarat sa-lama yang di-tetapkan-nya; jika sa-kira-nya berlaku haru-biru yang besar dalam persidangan Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis Meshuarat maka Pengerusi boleh menempohkan perjalanan meshuarat dan mema'alumkan hal itu kepada Majlis Meshuarat dan sa-telah itu Tuan Yang di-Pertua boleh menjalankan apa<sup>2</sup> langkah sa-olah<sup>2</sup> haru-biru itu telah berlaku dalam Majlis Meshuarat.

(9) Tiada apa pun dalam Peratoran ini yang di-faham menghilangkan kuasa Majlis Meshuarat boleh menjalankan apa<sup>2</sup> langkah ka-atas siapa<sup>2</sup> ahli menurut ketetapan Majlis Meshuarat.

**45.** (1) Dengan terta'alok kapada sharat<sup>2</sup> Fasal (1) Perkara 89 dalam Perlembagaan dan Fasal (3) Perkara 159 dalam Perlembagaan dan dengan terta'alok kapada Peratoran<sup>2</sup> ini, Majlis Meshuarat, menurut sharat<sup>2</sup> Fasal (3) Perkara 62 dalam Perlembagaan, hendak-lah mengambil keputusan atas sa-suatu perkara itu mengikut pehak mana yang mendapat undi lebih; dan jika sama banyak undi, maka Tuan Yang di-Pertua atau siapa<sup>2</sup> yang mempengerusikan meshuarat hendak-lah mengeluarkan undi pemutus, tetapi ia tiada boleh mengundi jika tidak sama banyak undi dengan di-sharatkan bahawa sekira-nya Tuan Yang di-Pertua menjadi sa-orang ahli Majlis hanya menurut perenggan (b) Fasal (1A) Perkara 57 Perlembagaan, maka ia tidak mempunyai undi pemutus dalam Majlis Meshuarat atau dalam mana<sup>2</sup> meshuarat Jawatan-Kuasa.

Memutuskan  
masalah<sup>2</sup>.

(2) Menurut sharat<sup>2</sup> Fasal (5) Perkara 62 dalam Perlembagaan, sa-saorang ahli yang tiada hadhir dalam meshuarat tidak di-benarkan mengundi.

46. (1) Sa-saorang ahli tidak boleh berchakap lagi atas sa-suatu masaalah yang telah selesai di-kemukakan oleh Pengerusi bagi di-putuskan.

(2) Sa-suatu masaalah itu ada-lah selesai di-kemuka bagi di-putuskan apabila Pengerusi telah mengambil undi<sup>2</sup> yang bersetuju dan yang tidak bersetuju.

(3) Apabila masaalah itu telah di-kemukakan oleh Pengerusi kepada meshuarat bagi di-putuskan sa-telah tamat perbahathan, maka keputusan hendak-lah di-ambil dengan menurut suara *Ya* dan *Dak* dan (dengan sharat tidak ada ahli yang meminta di-adakan belah-bahagian) keputusan itu hendak-lah di-mashhorkan oleh Pengerusi.

(4) Jika timbangan Tuan Pengerusi berkenaan dengan keputusan atas sa-suatu masaalah itu di-lawan oleh siapa<sup>2</sup> ahli yang meminta di-adakan belah-bahagian, maka Pengerusi hendak-lah meminta ahli<sup>2</sup> yang hendakkan belah-bahagian itu bangun di-tempat masing<sup>2</sup>. Jika kurang daripada lima belas orang ahli yang bangun maka Pengerusi hendak-lah memashhorkan keputusan itu dengan serta-merta atau memerentah di-adakan belah-bahagian. Jika lima belas atau lebih daripada lima belas orang bangun kerana itu maka Pengerusi hendak-lah merentah di-adakan belah-bahagian dan, sa-telah di-keluarkan-nya apa<sup>2</sup> amaran sa-bagaimana yang mustahak pada timbangan-nya, maka hendak-lah di-lantek-nya Penghetong undi.

47. (1) Apabila belah-bahagian telah di-perentahkan, maka Penghetong undi hendak-lah bertanya pada tiap<sup>2</sup> ahli pehak mana hendak di-undi-nya. Setiausaha hendak-lah memasukkan undi masing<sup>2</sup> ahli itu dan nama ahli<sup>2</sup> yang tidak mengundi dalam buku Undi<sup>2</sup> dan Perjalanan Meshuarat.

(2) Apabila sa-saorang ahli itu di-tanya pehak mana hendak di-undi-nya dalam sa-suatu belah-bahagian, boleh-lah di-jawab-nya mengatakan ia mengundi bagi pehak *Bersetuju* atau bagi pehak *Tidak* atau dengan menyatakan terang<sup>2</sup> ia-itu ia tidak hendak mengundi. Sa-saorang ahli tidak boleh memberi jawab yang berlawan dengan apa<sup>2</sup> ketetapan-nya yang di-keluarkan-nya pada masa di-adakan undi dengan suara beramai<sup>2</sup>.

(3) Apabila tiap<sup>2</sup> ahli yang hadir telah di-tanya pehak mana hendak di-undi-nya, maka Pengerusi hendak-lah menyebutkan berapa bilangan yang bersetuju dan berapa bilangan yang tidak bersetuju dan sa-telah itu hendak-lah di-mashhorkan-nya keputusan undi itu dan, jika di-kehendaki, Pengerusi hendak-lah mengeluarkan undi pemutus.

(4) Jika sa-saorang ahli mengatakan ia telah mengundi dengan tersilap atau undi-nya tiada betul di-bilang, maka boleh-lah di-tuntut-nya minta di-ubah undi-nya itu dengan sharat permintaan itu di-keluarkan sa-baik<sup>2</sup> lepas Pengerusi telah memashhorkan berapa bilangan undi bagi masing<sup>2</sup> pehak dan sa-belum Pengerusi memashhorkan keputusan belah-bahagian itu.

(5) Sa-saorang ahli tidak boleh mengundi dalam sa-barang apa perkara yang ada dalam-nya fa'edah kewangan tepat bagi diri-nya (sa-lain daripada perkara gaji menurut apa<sup>2</sup> sharat dalam Perlembagaan) tetapi sa-suatu usul hendak membatalkan undi sa-saorang ahli itu kerana ini hanya boleh di-keluarkan dengan

serta-merta sa-baik<sup>2</sup> telah di-mashhorkan bilangan undi ahli<sup>2</sup> yang mengundi. Jika di-setujukan usul ini oleh meshuarat, maka Pengerusi hendak-lah memerentahkan Setiausaha membetulkan bilangan undi<sup>2</sup> itu.

48. Sa-saorang Menteri, sa-telah mengeluarkan pemberitahu sa-kurang<sup>2</sup> satu hari terlebih dahulu, boleh membawa Rang Undang<sup>2</sup> dalam meshuarat dengan tidak berkehendakkan mendapat perentah Majlis dan apabila di-bawa sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> demikian ini, maka nama Rang Undang<sup>2</sup> itu akan di-bachakan oleh Setiausaha di-Meja Meshuarat dan sa-telah itu Rang Undang<sup>2</sup> itu ada-lah disifatkan telah di-bachakan kali yang pertama serta di-perentahkan di-chap, dan di-terima bagi di-bachakan kali yang kedua pada hari persidangan meshuarat akan datang atau persidangan meshuarat kemudian daripada itu:

Tetapi di-sharatkan ia-itu berkenaan dengan Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan, pemberitahu hendak di-bachakan kali yang kedua boleh di-keluarkan pada hari di-bawa Rang Undang<sup>2</sup> itu ka-dalam meshuarat.

49. (1) Dengan tertia'lok kapada sharat<sup>2</sup> dalam Perkara 67 dalam Perlembagaan siapa<sup>2</sup> ahli yang bukan ahli Kerajaan yang hendak membawa Rang Undang<sup>2</sup> boleh meminta izin Majlis hendak berbuat demikian, serta menyatakan tujuan dan perkara<sup>2</sup> besar dalam Rang Undang<sup>2</sup> itu pada masa membawa Rang Undang<sup>2</sup> itu.

(2) Tiap<sup>2</sup> permohonan demikian itu hendak-lah dengan chara di-keluarkan usul, dan ahli yang mengeluarkan permohonan itu hendak-lah juga menyampaikan kapada Setiausaha suatu salinan usul-nya mengandungi nama Rang Undang<sup>2</sup> yang di-chadangkan-nya itu.

(3) Apabila di-perkenankan permohonan itu sa-telah di-kemukakan kapada meshuarat dan di-setujukan usul itu, maka Rang Undang<sup>2</sup> itu akan di-sifatkan telah di-bachakan kali yang pertama dan di-perentahkan di-chap; dan satu salinan Rang Undang<sup>2</sup> itu hendak-lah di-sampaikan kapada Setiausaha.

(4) Dengan tertia'lok kapada Peratoran Meshuarat 51, Rang Undang<sup>2</sup> itu hendak-lah di-chap dan di-hantar kapada ahli<sup>2</sup> dan, dengan tidak di-bahathkan, terserah-lah Rang Undang<sup>2</sup> ini kapada Menteri yang berkenaan dengan perkara<sup>2</sup> atau tugas<sup>2</sup> yang terkandong dalam Rang Undang<sup>2</sup> itu atau, jika tiada Menteri yang berkenaan, maka terserah-lah Rang Undang<sup>2</sup> itu kapada Menteri atau ahli yang di-lantek oleh Tuan Yang di-Pertua; tidak boleh di-jalankan apa<sup>2</sup> langkah ka-atas Rang Undang<sup>2</sup> ini sa-hingga Majlis menerima penyata daripada Menteri atau ahli itu.

(5) Sa-telah di-terima penyata yang di-sebutkan dalam perenggan yang lalu itu, maka Rang Undang<sup>2</sup> itu akan di-tetapkan bagi di-bachakan kali yang kedua pada hari yang di-kehendaki oleh ahli yang menjaga Rang Undang<sup>1</sup> itu.

50. (1) Manakala sa-siapa ahli berchadang hendak membawa sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> yang bertujuan menyentoh atau yang mendatangkan keuntongan kapada sa-saorang atau sa-suatu persekutuan atau sa-suatu perbadanan yang tertentu (Rang Undang<sup>2</sup> demikian ini di-sebutkan dalam Peratoran<sup>2</sup> ini sa-bagai Rang Undang<sup>2</sup> Private), pemberitahu berkenaan dengan Rang Undang<sup>2</sup> itu akan di-keluarkan dengan jalan mengishtiharkan dalam *Warta Kerajaan* suatu kenyataan mengandungi isi sa-chara am dan tujuan<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup> itu, dan di-ishtiharkan juga

Peratoran  
berkenaan  
dengan Rang  
Undang<sup>1</sup>.

Rang  
Undang<sup>1</sup> dari-  
pada ahli yang  
bukan ahli  
Kerajaan.

Rang  
Undang<sup>2</sup>  
Private  
dan Rang  
Undang<sup>1</sup>  
Champeran.

kenyataan itu sa-kurang<sup>2</sup>-nya dalam sa-buah akhbar di-Malaysia, dan perisiti-haran<sup>2</sup> ini hendak-lah di-keluarkan sa-kurang<sup>2</sup>-nya sa-bulan terlebeh dahulu dari-pada hari hendak di-chadangkan usul meminta izin hendak mengemukakan Rang Undang<sup>2</sup> itu. Apabila di-perkenankan permohonan hendak membawa Rang Undang<sup>2</sup> itu sa-telah di-minta keputusan meshuarat dan di-setujukan usul itu, maka Rang Undang<sup>2</sup> itu akan di-sifatkan telah di-bachakan kali yang pertama dan di-perentahkan di-chap, dan suatu salinan Rang Undang<sup>2</sup> itu hendak-lah di-sampaikan kepada Setiausaha; dan kemudian-nya, dengan tertakalok kapada Peratoran 51, Rang Undang<sup>2</sup> itu akan di-chap dan di-hantar kapada ahli<sup>2</sup>.

(2) Tiap<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup> *Private* hendak-lah mengandungi suatu bahagian yang memelihara hak<sup>2</sup> Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Duli<sup>2</sup> Yang Maha Mulia Raja<sup>2</sup> dan Yang Terutama Gabenor<sup>2</sup> Pulau Pinang dan Melaka dan Sarawak dan Yang di-Pertua Negara Sabah, hak<sup>2</sup> semua badan<sup>2</sup> siasah dan perbadanan<sup>2</sup> dan hak<sup>2</sup> yang lain<sup>2</sup>, kechuali yang tersebut dalam Rang Undang<sup>2</sup> itu, dan badan<sup>2</sup> yang menuntut hak menerusi-nya atau daripada-nya atau dengan nama-nya.

(3) Tiap<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup> *Private*, dan apa<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup> lain yang di-fikirkan oleh Tuan Yang di-Pertua ada menyentoh hak<sup>2</sup> atau kepentingan<sup>2</sup> sa-saorang (di-sebutkan dalam Peratoran<sup>2</sup> ini sa-bagai “Rang Undang<sup>2</sup> Champoran”), sa-telah di-bachakan kali yang kedua, hendak-lah di-serahkan kapada sa-buah Jawatan-Kuasa Pilehan dan mana<sup>2</sup> pehak yang berkenaan yang telah terlebeh dahulu menghantar rayuan kapada Majlis menurut sharat<sup>2</sup> Peratoran Meshuarat 19, boleh-lah memberi keterangan kapada Jawatan-Kuasa Pilehan ini, sama ada dengan sendiri atau dengan di-wakili oleh penasehat-nya.

(4) Sa-saorang ahli tidak di-benarkan jadi ahli Jawatan-Kuasa Pilehan demikian ini sa-hingga ia telah memberi akuan dan menurunkan tanda tangan pada surat akuan itu menyatakan ia-itu—

- (a) ia tidak ada fa'edah kewangan bagi diri-nya berkenaan dengan Rang Undang<sup>2</sup> itu; dan
- (b) atas sa-barang masaalah yang harus akan timbul dan di-beri keterangan berkenaan dengan-nya, ia tidak akan mengundi sa-belum mendengar dan menimbangkan keterangan berkenaan dengan masaalah itu.

(5) Tiap<sup>2</sup> Jawatan-Kuasa Pilehan yang akan menimbangkan Rang Undang<sup>2</sup> *Private* atau Rang Undang<sup>2</sup> Champoran ada-lah berkehendakkan keterangan hakikat<sup>2</sup> dan lain<sup>2</sup> hujah yang di-sebutkan dalam Rang Undang<sup>2</sup> itu menunjukkan baik di-luluskan Rang Undang<sup>2</sup> itu, dan Jawatan-Kuasa itu boleh-lah menerima apa<sup>2</sup> keterangan mulut atau keterangan lain<sup>2</sup> yang di-fikirkan-nya perlu dan kemudian daripada itu jika di-dapat keterangan<sup>2</sup> dan hujah<sup>2</sup> itu tidak terbokti benar-nya. Jawatan-Kuasa itu akan mema'alumkan pendapat-nya ini kapada Majlis.

(6) Jika Jawatan-Kuasa ini dapat keterangan<sup>2</sup> dan hujah<sup>2</sup> itu terbokti benar-nya maka Jawatan-Kuasa itu hendak-lah meneruskan urusan-nya saperti yang di-sharatkan dalam Peratoran Meshuarat 58, dan berkenaan dengan semua pindaan

yang di-perbuat-nya Jawatan-Kuasa itu hendak-lah menerangkan tujuan-nya dalam sa-buah penyata khas kepada Majlis.

(7) Berkenaan dengan Rang Undang<sup>2</sup> *Private* Jawatan-Kuasa itu tidak boleh membenarkan di-tambah apa<sup>2</sup> fasal baharu yang terkeluar daripada isi kenyataan yang di-keluarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(8) Ahli yang menjaga Rang Undang<sup>2</sup> itu akan tertanggong jawab ka-atas-nya membayar semua perbelanjaan memajukan Rang Undang<sup>2</sup> itu.

**51.** (1) Sa-belum di-chap sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup>, Setiausaha hendak-lah puas hati Susunan isi Rang Undang. ia-itu—

- (a) Rang Undang<sup>2</sup> itu ada terbahagi kepada fasal<sup>2</sup> yang di-beri nombor berturut<sup>2</sup>;
- (b) pada tepi tiap<sup>2</sup> fasal itu ada perkataan rengkas menunjukkan isi fasal<sup>2</sup> itu;
- (c) Rang Undang<sup>2</sup> itu tidak mengandungi perkara<sup>2</sup> yang tidak berkaitan dengan apa yang di-maksudkan oleh nama Rang Undang<sup>2</sup> itu;
- (d) Rang Undang<sup>2</sup> itu menepati sharat<sup>2</sup> dalam Peratoran<sup>2</sup> Meshuarat.

(2) Jika Setiausaha tidak puas hati ia-itu sharat<sup>2</sup> perenggan (1) tidak di-tepati dalam apa<sup>2</sup> jua perkara, maka ia hendak-lah memberi tahu Tuan Yang di-Pertua akan hal itu; dan jika Tuan Yang di-Pertua pun berpendapat demikian maka ia hendak-lah memerentahkan Setiausaha memberi tahu ahli yang menjaga Rang Undang<sup>2</sup> itu mengatakan Rang Undang<sup>2</sup> itu tidak boleh di-chap sa-hingga sharat<sup>2</sup> tersebut telah di-tepati.

(3) Dengan sa-berapa segera-nya sa-telah di-chap sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> itu, Setiausaha hendak-lah menghantar satu salinan Rang Undang<sup>2</sup> itu kepada tiap<sup>2</sup> ahli di-sertakan dengan suatu penerangan rengkas berkenaan dengan Rang Undang<sup>2</sup> itu. Jika Rang Undang<sup>2</sup> itu mengenai hal membelanjakan wang hasil negeri, maka dalam perenggan itu hendak-lah di-sebutkan hal membelanjakan wang hasil negeri dan berapa banyak-nya perbelanjaan itu (jika ada) sa-panjang yang dapat di-anggarkan, atau di-terangkan tidak dapat di-anggarkan berapa banyak perbelanjaan itu.

**52.** Bila<sup>2</sup> hak atau kepentingan<sup>2</sup> sa-saorang di-sentoh oleh sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup>, maka semua pehak yang kena itu, jika mereka membuat rayuan, boleh di-dengar rayuan-nya oleh Jawatan-Kuasa yang menimbangkan Rang Undang<sup>2</sup> itu dan mereka ini boleh hadhir sama ada dengan sendiri atau di-wakili oleh penasehat-nya.

Pehak<sup>2</sup> yang di-kenai oleh Rang Undang<sup>2</sup>.

**53.** (1) Jika hendak di-binchangkan Rang Undang<sup>2</sup> itu dalam persidangan atau meshuarat yang akan datang, maka pemberitahu hendak di-bachakan kali yang kedua mesti-lah di-keluarkan sa-baik<sup>2</sup> sajaja sa-lepas bachaan kali yang pertama.

Bachaan kali yang kedua.

(2) Rang Undang<sup>2</sup> tidak boleh di-bachakan kali yang kedua sa-hingga telah di-hantar kapada ahli<sup>2</sup>.

(3) Apabila sampai kapada perkara membachakan Rang Undang<sup>2</sup> kali yang kedua dalam Atoran Urusan Meshuarat maka suatu usul “*Ia-itu Rang Undang<sup>2</sup> ini di-bachakan kali yang kedua sekarang*”, akan di-keluarkan dan boleh-lah di-adakan perbahathan meliputi asas dan burok baik-nya Rang Undang<sup>2</sup> itu pada ‘am-nya.

(4) Apabila sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> itu di-bachakan kali yang kedua, maka boleh di-chadangkan pindaan yang mana telah di-beri pemberitahu dengan bersurat sa-kurang<sup>2</sup>nya satu hari kapada masaalah, “*Ia-itu Rang Undang<sup>2</sup> ini di-bachakan kali yang kedua sekarang*” itu dengan di-tinggalkan perkataan “sekarang” dan tambah di-hujong masaalah itu, “*enam bulan dari hari ini*”, atau ganti daripada itu boleh di-chadangkan suatu pindaan meninggalkan semua perkataan<sup>2</sup> sa-lepas perkataan “*Ia-itu*” kerana hendak di-tambah perkataan<sup>2</sup> bagi menyatakan tujuan dan sebab<sup>2</sup> di-bangkang Rang Undang<sup>2</sup> itu, tetapi perkataan<sup>2</sup> yang hendak di-tambah itu mesti-lah berkaitan betul<sup>2</sup> dengan asas Rang Undang<sup>2</sup> itu dan tidak mengenaī butir<sup>2</sup>-nya. Jika Majlis bersetuju dengan salah satu pindaan demikian ini, maka bachaan kali yang kedua Rang Undang<sup>2</sup> itu akan di-sifatkan tidak di-setujukan:

Menyerahkan  
Rang Undang,  
kapada  
Jawatan-Kuasa.

**54.** Sa-telah di-bachakan Rang Undang<sup>2</sup> kali yang kedua, maka Rang Undang<sup>2</sup> itu akan terserah kepada Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis kechualи jika Majlis, dengan di-keluarkan suatu usul menyerahkan-nya kepada Jawatan-Kuasa Pilehan. Usul ini tidak berkehendak di-keluarkan pemberitahu tetapi mesti-lah di-keluarkan sa-baik<sup>2</sup> sahaja di-bachakan Rang Undang<sup>2</sup> itu kali yang kedua, dan boleh di-chadangkan oleh siapa<sup>2</sup> ahli; masaalah atas usul ini hendak-lah di-kemukakan serta-merta kepada meshuarat bagi di-putuskan dan hendak-lah di-putuskan dengan tidak boleh di-pinda atau di-bahath.

Tugas'  
Jawatan-  
Kuasa yang  
menimbaangkan  
Rang Undang<sup>2</sup>.

**55.** (1) Sa-sabuah Jawatan-Kuasa yang telah di-serahkan kepada-nya satu Rang Undang<sup>2</sup> tidak boleh membahathkan asas Rang Undang<sup>2</sup> itu tetapi hanya butir<sup>2</sup>-nya sahaja.

(2) Dengan tertia'lok kapada sharat<sup>2</sup> Perkara 67 dalam Perlembagaan, Jawatan-Kuasa demikian ini berkuasa membuat apa<sup>2</sup> pindaan kapada Rang Undang<sup>2</sup> itu yang di-fikirkan-nya patut, tetapi di-sharatkan pindaan<sup>2</sup> itu (termasuk fasal<sup>2</sup> baharu dan jadual<sup>2</sup> baharu) kena-mengena dengan perkara isi Rang Undang<sup>2</sup> itu; tetapi jika apa<sup>2</sup> pindaan itu tidak sa-turut dengan nama Rang Undang<sup>2</sup> itu, Jawatan-Kuasa itu hendak-lah meminda nama Rang Undang<sup>2</sup> itu bagi mensesuaikan-nya, dan hendak-lah mema'alumkan hal itu kapada Majlis.

Jawatan-Kuasa  
sa-buah<sup>2</sup>  
Majlis.

**56.** Jika, sa-belum tamat perbinchangan atas sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> dalam Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis, sa-saorang ahli mengeluarkan usul hendak mema'alumkan kapada Majlis sa-banyak mana urusan telah di-jalankan dan usul demikian di-setujukan, atau jika perjalanan dalam Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis belum tamat lagi pada pukul 6.30 petang, maka Tuan Yang di-Pertua hendak-lah mema'alumkan kapada Majlis sa-banyak mana urusan telah di-jalankan serta meminta izin Majlis bersidang sa-kali lagi, dan ahli yang menjaga Rang Undang<sup>2</sup> itu hendak-lah menetapkan hari bagi di-sambong sa-mula perbinchangan itu.

Acean dalam  
Jawatan-Kuasa  
sa-buah<sup>2</sup>  
Majlis yang  
menimbaangkan  
Rang Undang<sup>2</sup>.

**57.** (1) Setiausaha hendak-lah menyebutkan nombor tiap<sup>2</sup> fasal atau beberapa fasal dalam Rang Undang<sup>2</sup> itu lepas satu fasal, satu fasal. Jika tidak ada pindaan di-chadangkan kapada sa-suatu fasal, atau sa-telah selesai segala pindaan yang di-chadangkan, maka Pengerusi hendak-lah mengemukakan kapada meshuarat masaalah “*Ia-itu fasal ini (saperti yang telah di-pinda) jadi sa-bahagian daripada*

*Rang Undang<sup>2</sup> ini*" dan, apabila semua ahli yang hendak berchakap telah berchakap dalam perkara itu, maka Pengerusi hendak-lah mengemukakan masaalah itu kepada Jawatan-Kuasa bagi di-putuskan.

(2) Apa<sup>2</sup> pindaan yang hendak di-chadangkan hendak-lah di-keluarkan pemberitahu sa-kurang<sup>2</sup> satu hari terlebih dahulu. Pindaan demikian yang tidak di-keluarkan pemberitahu hendak-lah di-serahkan kapada Pengerusi dengan bertulis dan tiada boleh di-chadangkan kechualи jika Pengerusi puas hati bahawa tiada dapat di-keluarkan pemberitahu.

(3) Tidak boleh di-chadangkan pindaan yang berlawanan maksud-nya dengan sa-suatu fasal yang telah di-setujukan atau dengan apa<sup>2</sup> ketetapan yang telah diambil oleh Jawatan-Kuasa itu, dan pada bila<sup>1</sup> masa dalam perbahathan atas sa-suatu pindaan yang di-chadangkan, Pengerusi boleh menarek balek semua pindaan itu daripada di-timbangkan oleh Jawatan-Kuasa, jika pada fikiran-nya perbincangan itu telah menunjukkan ia-itu pindaan itu melanggar sharat<sup>2</sup> perenggan ini.

(4) Pengerusi boleh enggan mengemukakan sa-suatu pindaan itu kapada meshuarat jika pada fikiran-nya pindaan itu—

- (a) akan menjadikan fasal atau jadual yang hendak di-pinda itu tidak terang ma'ana-nya atau salah jalan bahasa-nya; atau
- (b) sia<sup>2</sup>; atau
- (c) jadi sa-akan<sup>2</sup> suatu chadangan hendak meninggalkan semua sa-kali isi sa-suatu fasal dengan tujuan hendak memasukkan sharat<sup>2</sup> lain.

(5) Sharat<sup>3</sup> perenggan (4) dalam Peratoran Meshuarat 33 hendak-lah di-pakaikan dalam perbahathan atas pindaan<sup>2</sup> kapada Rang Undang<sup>2</sup>, dan di-mana<sup>2</sup> jua dikehendaki, perkataan "usul" atau "masaalah" di-tukarkan jadi "fasal"; dan apa<sup>2</sup> pindaan yang di-chadangkan atas pindaan demikian itu hendak-lah di-selesaikan sa-belum di-ambil keputusan atas pindaan asal itu.

(6) Sa-suatu fasal itu boleh di-tanggohkan kechualи jika apa<sup>1</sup> pindaan ka-atas-nya telah di-putuskan. Fasal<sup>2</sup> yang di-tanggohkan itu hendak-lah di-timbangkan sa-telah selesai di-timbangkan semua fasal<sup>2</sup> yang tinggal lagi dalam Rang Undang<sup>2</sup> itu dan sa-belum di-bawa fasal<sup>2</sup> baru.

(7) Apa<sup>2</sup> fasal baru yang di-chadangkan hendak-lah di-timbangkan sa-telah selesai fasal<sup>2</sup> dalam Rang Undang<sup>2</sup> itu dan sa-belum di-timbangkan apa<sup>2</sup> jadual Rang Undang<sup>2</sup> itu:

Tetapi di-sharatkan ia-itu sa-suatu fasal baru yang di-chadangkan untuk mengganti sa-suatu fasal yang tidak di-setujukan itu boleh di-timbangkan sa-baik<sup>2</sup> sahaja di-tolak fasal yang sedia ada itu.

(8) Apabila di-bachakan nama fasal baru itu oleh Setiausaha, maka fasal itu ada-lah di-sifatkan telah di-bachakan kali yang pertama. Kemudian hendak-lah di-kemukakan kapada meshuarat masaalah "*Ia-itu fasal ini di-bachakan kali yang kedua*"; jika di-setujukan masaalah ini, maka boleh-lah di-chadangkan pindaan<sup>2</sup> ka-atas fasal baru itu. Masaalah akhir yang hendak di-kemukakan kapada meshuarat ia-lah masaalah "*Ia-itu fasal ini (saperti yang telah di-pinda) di-masukkan dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini*".

(9) Jadual<sup>2</sup> hendak-lah di-selesaikan sama seperti menimbangkan fasal<sup>2</sup> dan apa<sup>2</sup> jadual baharu yang di-chadangkan hendak-lah di-timbangkan sa-telah selesai jadual<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup> itu, dan chara menimbangkan jadual baharu itu hendak-lah sama seperti menimbangkan sa-suatu fasal baharu.

(10) *Di-batalkan.*

(11) Sa-telah selesai di-timbangkan tiap<sup>2</sup> fasal dan jadual dan tiap<sup>2</sup> fasal baharu dan jadual baharu, maka hendak-lah di-timbangkan pula pendahuluan Rang Undang<sup>2</sup> itu, jika ada, dan di-minta keputusan meshuarat atas masaalah “*Ia-itu pendahuluan ini (saperti yang telah di-pinda) jadi pendahuluan Rang Undang<sup>2</sup> itu*”. Apa<sup>2</sup> pindaan atas pendahuluan itu, tidak boleh di-timbangkan jika tidak perlu di-adakan oleh sebab pindaan ka-atas Rang Undang<sup>2</sup> itu.

(12) Jika perlu di-pinda nama Rang Undang<sup>2</sup> itu, maka hendak-lah di-buat pindaan itu sa-telah selesai perbinchangan<sup>2</sup> yang di-nyatakan di-atas, tetapi masaalah ia-itu nama Rang Undang<sup>2</sup> itu (saperti yang telah di-pinda) jadi sa-bahagian Rang Undang<sup>2</sup> itu tidak boleh di-kemuka bagi di-putuskan; dan ayat mengundangkan Rang Undang<sup>2</sup> itu tidak boleh di-kemuka bagi di-putuskan.

(13) Apabila tamat perbinchangan atas Rang Undang<sup>2</sup> itu dalam Jawatan-Kuasa maka hendak-lah ahli yang menjaga Rang Undang<sup>2</sup> itu menchadangkan “*Ia-itu Rang Undang<sup>2</sup> ini (saperti yang telah di-pinda) di-ma’alumkan kapada Majlis*” dan masaalah berkenaan dengan-nya hendak-lah di-putuskan dengan tidak boleh di-pinda atau di-bahath.

(14) Sa-baik<sup>2</sup> sahaja Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis itu bersetuju supaya Rang Undang<sup>2</sup> itu di-ma’alumkan kapada Majlis, maka Pengerusi akan meninggalkan Kerusi Jawatan-Kuasa dan meshuarat hendak-lah bersidang sa-bagai Majlis, dan ahli yang menjaga Rang Undang<sup>2</sup> itu akan mema’alumkan kapada Majlis dan Majlis boleh-lah membachakan Rang Undang<sup>2</sup> itu kali yang ketiga.

Atoran  
dalam  
Jawatan-Kuasa  
Pilehan yang  
menimbangkan  
Rang Undang<sup>2</sup>.

**58.** (1) Jawatan-Kuasa Pilehan yang menimbangkan Rang Undang<sup>2</sup> akan terta’alok kepada semua sharat<sup>2</sup> dalam Peratoran<sup>2</sup> Meshuarat 83 dan 84, tetapi sa-belum mema’alumkan Rang Undang<sup>2</sup> itu kapada Majlis, Jawatan-Kuasa itu hendak-lah menimbangkan Rang Undang<sup>2</sup> itu sa-bagaimana yang di-sharatkan dalam perenggan<sup>2</sup> (1) hingga (4) dalam Peratoran Meshuarat 57.

(2) Apabila sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> itu telah di-pinda dalam Jawatan-Kuasa Pilehan, maka semua sa-kali Rang Undang<sup>2</sup> itu, jika boleh, hendak-lah di-chap jadi sa-bahagian daripada penyata Jawatan-Kuasa Pilehan itu; tetapi jika tidak dapat di-buat demikian, maka tiap<sup>2</sup> fasal atau jadual yang telah di-pinda dan tiap<sup>2</sup> fasal baharu atau jadual baharu yang telah di-tambah itu hendak-lah di-chap.

Menyerahkan  
sa-kali lagi  
Rang Undang<sup>2</sup>  
yang telah  
di-ma’alum-  
kan oleh  
Jawatan-Kuasa  
sa-buah<sup>2</sup>  
Majlis.

**59.** (1) Jika sa-saorang ahli hendak memotong atau meminda apa<sup>2</sup> sharat yang terkandong dalam sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> yang di-ma’alumkan kapada Majlis oleh Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis atau hendak menambah apa<sup>2</sup> sharat baharu kapada Rang Undang<sup>2</sup> itu, maka boleh-lah ahli itu, bila<sup>2</sup> masa sa-belum sa-orang ahli bangun menchadangkan supaya Rang Undang<sup>2</sup> itu di-bachakan kali yang ketiga, menchadangkan ia-itu Rang Undang<sup>2</sup> itu di-serahkan sa-kali lagi kapada Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis sama ada semua sa-kali atau pun berkenaan dengan

bahagian atau bahagian<sup>2</sup> yang tertentu sahaja atau berkenaan dengan jadual atau fasal baharu yang di-chadangkan; chadangan demikian itu tidak di-kehendaki pemberitahu, dan jika di-setujukan usul ini maka Rang Undang<sup>2</sup> itu akan terserah sa-kali lagi kepada Jawatan-Kuasa. Maka Majlis pun akan bersidang sa-bagai Jawatan-Kuasa menurut sharat<sup>2</sup> Peratoran Meshuarat 54, bagi menimbangkan perkara yang telah di-serahkan balek kapada-nya itu. Jika sa-suatu usul hendak menyerahkan balek sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> kepada Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis di-bangkang, maka Tuan Yang di-Pertua hendak-lah membenarkan penchadang usul itu mengeluarkan penerangan rengkas menyatakan sebab<sup>2</sup>-nya hendak di-serahkan balek Rang Undang<sup>2</sup> itu dan juga hendak-lah membenarkan pembangkang usul itu mengeluarkan alasan<sup>2</sup> dengan rengkas menyatakan sebab<sup>2</sup>-nya ia tidak bersetuju di-serahkan balek; sa-telah itu hendak-lah Tuan Yang di-Pertua mengemukakan masaalah itu bagi di-putuskan dengan tidak boleh di-bahath.

(2) Apabila semua sa-kali Rang Undang<sup>2</sup> itu di-serahkan balek kapada Jawatan-Kuasa, maka Jawatan-Kuasa hendak-lah menimbangkan Rang Undang<sup>2</sup> itu sa-bagaimana yang di-sharatkan dalam Peratoran Meshuarat 57.

(3) Apabila sa-bahagian atau bahagian<sup>1</sup> yang tertentu sahaja dalam Rang Undang<sup>2</sup> itu di-serahkan balek kapada Jawatan-Kuasa, atau pun berkenaan dengan fasal baharu atau jadual baharu, maka Jawatan-Kuasa itu hendak-lah menimbangkan perkara<sup>2</sup> yang di-serahkan balek itu sahaja dan juga apa<sup>2</sup> pindaan, jika ada, yang di-chadangkan.

(4) Sa-telah selesai Jawatan-Kuasa menimbangkan Rang Undang<sup>2</sup> yang di-serahkan balek menurut sharat<sup>2</sup> Peratoran ini, ahli yang menjaga Rang Undang<sup>2</sup> itu hendak-lah menchadangkan “*Ia-itu Rang Undang<sup>2</sup> ini (saperti yang telah dipindahkan sa-telah di-serahkan balek) di-ma’alumkan kepada Majlis*” dan masaalah berkenaan dengan usul ini hendak-lah di-putuskan dengan tidak boleh di-pinda atau di-bahath.

60. (1) Sa-telah sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> itu di-ma’alumkan oleh sa-sabuah Jawatan-Kuasa Pilehan, maka Majlis hendak-lah menimbangkan Rang Undang<sup>2</sup> itu sa-bagaimana yang di-ma’alumkan oleh Jawatan-Kuasa Pilehan sa-telah di-keluarkan usul “*Ia-itu penyata Jawatan-Kuasa Pilehan itu di-perkenankan*”.

Perbinchanan  
atas Rang  
Undang<sup>2</sup> yang  
di-ma’alumkan  
oleh Jawatan-  
Kuasa Pilehan.

(2) Jika usul itu di-setujukan dengan tidak ada pindaan maka Majlis boleh-lah meneruskan bachaan Rang Undang<sup>2</sup> itu kali yang ketiga sa-bagaimana yang di-ma’alumkan oleh Jawatan-Kuasa Pilehan itu.

(3) Apabila telah di-keluarkan usul hendak memperkenankan penyata sa-sabuah Jawatan-Kuasa Pilehan berkenaan dengan sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup>, siapa<sup>1</sup> ahli boleh menchadangkan suatu pindaan hendak menambah pada hujong usul itu perkataan<sup>2</sup> “*dengan terta’alok kepada sharat boleh di-serahkan balek* (sama ada semua sa-kali atau pun sa-bahagian atau bahagian<sup>2</sup> yang tertentu sahaja atau apa<sup>2</sup> fasal baharu atau jadual baharu yang di-chadangkan) *kapada sa-buah Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis*”, dan jika usul itu di-setujukan dengan pindaan tersebut, maka Rang Undang<sup>2</sup> itu akan terserah sa-kali lagi kepada Jawatan-Kuasa. Kemudian daripada itu, dengan di-keluarkan suatu usul menurut sharat<sup>2</sup> dalam Peratoran Meshuarat 54, maka meshuarat boleh-lah bersidang sa-bagai Jawatan-Kuasa bagi menimbangkan urusan yang telah di-serahkan balek kapada-nya itu.

(4) Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis menimbangkan Rang Undang<sup>2</sup> yang di-serahkan balek menurut sharat<sup>2</sup> Peratoran ini hendak-lah menimbangkan Rang Undang<sup>2</sup> itu menurut sharat<sup>2</sup> perenggan (2) atau (3) dalam Peratoran Meshuarat 59, dan atoran menamatkan perbinchangan Jawatan-Kuasa ini dan apa<sup>2</sup> perbinchangan lagi atas Rang Undang<sup>2</sup> itu hendak-lah terta'alok kepada sharat<sup>2</sup> perenggan (4) dalam Peratoran 59.

Bachaan kali  
yang ketiga.

**61.** (1) Waktu hendak di-bachakan Rang Undang<sup>2</sup> itu kali yang ketiga, maka boleh-lah di-chadangkan pindaan<sup>2</sup> kapada masaalah “*Ia-itu Rang Undang<sup>2</sup> ini di-bachakan kali yang ketiga sekarang*”, sama saperti yang boleh di-chadangkan pada masa hendak di-bachakan Rang Undang<sup>2</sup> itu kali yang kedua; tetapi hendak-lah di-hadkan perbinchangan itu kapada isi Rang Undang<sup>2</sup> itu, dan apa<sup>2</sup> pindaan yang berasas yang menimbulkan perkara<sup>2</sup> yang tidak termasuk dalam Rang Undang<sup>2</sup> itu ada-lah salah pada peratoran.

(2) Dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua, pindaan<sup>2</sup> kerana membetulkan kesilapan<sup>2</sup> atau perkara<sup>2</sup> yang tertinggal, boleh-lah di-adakan sa-belum masaalah hendak di-bachakan Rang Undang<sup>2</sup> itu kali yang ketiga-nya di-kemukakan oleh Pengerusi bagi di-putuskan, tetapi pindaan<sup>2</sup> atas perkara besar<sup>2</sup> tidak boleh di-chadangkan.

Menarik balek  
dan menang-  
gohkan Rang  
Undang<sup>2</sup>.

**62.** Ahli yang menjaga sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> dengan tidak di-kehendaki menge luarkan pemberitahu boleh mengeluarkan usul yang tidak boleh di-pinda atau di-bahath hendak menarek balek Rang Undang<sup>2</sup> itu, atau hendak menanggohkan perengkat satu lagi Rang Undang<sup>2</sup> itu sama ada sa-belum di-mulakan urusan meshuarat atau apabila sampai pada perkara Rang Undang<sup>2</sup> itu dalam Atoran Urusan Meshuarat.

Rang Undang<sup>2</sup>  
yang mengan-  
dungi sharat<sup>2</sup>  
yang hampir<sup>2</sup>  
sama maksud-  
nya.

**63.** Sa-telah sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> itu di-setujukan di-bacha kali yang kedua atau tidak di-setujukan maka masaalah hendak di-bachakan kali yang kedua atas apa<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup> lain yang mengandungi sharat<sup>2</sup> yang hampir<sup>2</sup> sama maksud-nya, tidak boleh di-chadangkan dalam penggal Majlis sekarang itu juga.

Rang Undang<sup>2</sup>  
akan mati.

**63A.** Sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> yang di-bawa ka-dalam meshuarat, sa-telah berjalan kuat-kuasa Peratoran ini, tetapi belum di-setujukan oleh dua<sup>2</sup> buah Majlis sa-belum di-berhentikan atau di-bubarkan Parlimen sa-lepas di-kemukakan Rang Undang<sup>2</sup> itu, tidak boleh di-timbangkan lagi tetapi tidak tertegah di-bawa sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> yang saperti itu maksud-nya, dalam Penggal Parlimen akan datang.

Melonggarkan  
sharat<sup>2</sup> ber-  
kehendakkan  
Rang Undang<sup>2</sup>  
itu di-chap.

**64.** Walau apa pun sharat dalam Peratoran<sup>2</sup> Meshuarat ini, bila<sup>2</sup> jua Tuan Yang di-Pertua puas hati ia-itu tidak dapat sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> di-chap oleh kerana kesuntukan masa, maka boleh-lah Tuan Yang di-Pertua mengsaikan demikian dan Rang Undang<sup>2</sup> itu sungguh pun tidak berchap, boleh di-timbangkan tetapi di-sharatkan ia-itu ada salinan<sup>2</sup> yang bersaiklostaI atau bertaip yang boleh di-berikan bagi kegunaan ahli<sup>2</sup>. Rang Undang<sup>2</sup> itu boleh di-timbangkan dalam semua perengkat dengan keadaan demikian itu.

Anggaran<sup>2</sup>  
Perbelanjaan  
Tahunan.

**65.** Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Malaysia bagi tahun akan datang hendak-lah di-bentangkan di-Meja Meshuarat sa-belum di-bawa Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan tahunan ka-dalam Meshuarat.

66. (1) Pada tiap<sup>2</sup> tahun hendak-lah di-bawa dalam Majlis suatu Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan yang mengandungi anggaran belanja bagi semua kepala perbelanjaan yang di-kehendaki di-masukkan dalam Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan menurut Perkara 100 dalam Perlembagaan, bagi sa-suatu tahun. Butir perbelanjaan<sup>2</sup> itu hendak-lah di-masukkan dalam Anggaran<sup>1</sup> Perbelanjaan yang tersebut dalam Peraturan Meshuarat 65.

(2) Sa-telah usul hendak di-bachakan Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan itu kali yang kedua di-chadangkan dan di-sokong, maka perbahathan atas-nya hendak-lah di-tanggohkan sa-lama tidak kurang daripada dua hari, dan apabila di-sambong sa-mula perbahathan itu, maka hendak-lah di-hadkan kapada asas<sup>2</sup> ‘am berkenaan dengan dasar dan pentadbiran Kerajaan sa-bagaimana yang di-terangkan dalam Rang Undang<sup>2</sup> dan Anggaran Perbelanjaan itu. Maka hendak-lah di-untokkan tidak lebih daripada lima hari, dan daripada lima hari ini tidak kurang daripada satu hari hendak-lah di-untokkan bagi jawapan<sup>2</sup> daripada Menteri<sup>2</sup>,—bagi sambongan perbahathan atas bachaan kali yang kedua Rang Undang<sup>2</sup> itu, dan pada masa yang di-tentukan pada hari penghabisan yang di-untokkan bagi perbahathan itu sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua, maka Tuan Yang di-Pertua hendak-lah mengemuka bagi di-putuskan oleh meshuarat apa<sup>2</sup> juga masaalah yang di-kehendaki bagi menamatkan perbinchangan atas bachaan kali yang kedua itu.

(3) Sa-telah di-bachakan Rang Undang<sup>2</sup> itu kali yang kedua, maka Rang Undang<sup>2</sup> itu akan terserah kepada Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis, yang di-namakan Jawatan-Kuasa Perbekalan dan kepada Jawatan-Kuasa ini-lah akan terserah Anggaran<sup>2</sup> Perbelanjaan itu; perbinchangan<sup>2</sup> Jawatan-Kuasa ini hendak-lah terbuka boleh di-dengar oleh orang ramai.

(4) Hendak-lah di-untokkan empat belas hari sa-lebih<sup>2</sup>-nya bagi membinchangkan Anggaran<sup>1</sup> Perbelanjaan dan Rang Undang<sup>2</sup> itu dalam Jawatan-Kuasa Perbekalan. Tuan Yang di-Pertua boleh menguntokkan masa sa-habis<sup>2</sup> lama yang boleh di-benarkan bagi tiap<sup>2</sup> jadual dalam Rang Undang<sup>2</sup> itu dan bagi fasal<sup>2</sup> dalam Rang Undang<sup>2</sup> itu. Jika telah habis masa yang di-untokkan bagi apa<sup>2</sup> jadual atau fasal sa-belum tamat perbinchangan atas jadual atau fasal itu, maka Pengerusi akan mengemukakan dengan serta-merta apa<sup>2</sup> masaalah yang di-kehendaki bagi menamatkan perbinchangan atas jadual atau fasal itu; tetapi di-sharatkan ia-itu Tuan Yang di-Pertua atau Pengerusi, jika baik pada timbangan-nya, boleh memanjangkan masa yang di-untokkan bagi sa-suatu jadual atau fasal, tetapi perbinchangan dalam Jawatan-Kuasa itu hendak-lah tidak lebih daripada empat belas hari dan hendak-lah jangan mengurangkan pula masa yang di-untokkan bagi jadual atau fasal yang kemudian. Jika Tuan Yang di-Pertua tidak menguntokkan masa bagi semua atau apa<sup>2</sup> jadual atau fasal itu, maka Pengerusi boleh-lah menguntokkan masa sa-habis lama yang di-benarkan-nya.

(5) Jadual<sup>2</sup> dalam Rang Undang<sup>2</sup> itu hendak-lah di-selesaikan dahulu sa-belum fasal<sup>2</sup>.

(6) Masa menimbangkan sa-suatu jadual, Pengerusi hendak-lah membachakan nama tiap<sup>2</sup> kepala perbelanjaan itu mengikut giliran, dan, kechuali jika ada

chadangan meminda-nya dalam Atoran Urusan Meshuarat, Pengerusi hendak-lah mengemukakan kapada meshuarat masaalah “*Ia-itu wang sa-jumlah.....untok kepala.....jadi sa-bahagian daripada Jadual*”.

(7) Siapa<sup>2</sup> ahli boleh mengeluarkan usul hendak meminda jadual itu dengan mengurangkan sa-banyak \$.....daripada belanja yang di-untokkan bagi apa<sup>2</sup> pechahan kepala atau butir di-bawah kepala itu, tetapi hendak-lah di-keluarkan pemberitahu sa-kurang<sup>2</sup> dua hari terlebih dahulu.

(8) Jika ada banyak chadangan hendak mengurangkan peruntukan daripada satu pechahan kepala atau butir, maka hendak-lah mula<sup>2</sup> sa-kali di-chadangkan pindaan berkenaan dengan belanja yang sa-habis sadikit sa-kali hendak di-kurangkan itu dan pindaan hendak meninggalkan pechahan kepala atau butir itu boleh di-chadangkan hanya apabila usul<sup>2</sup> hendak mengurangkan peruntukan itu telah selesai di-putuskan.

(9) *Di-batalkan.*

(10) Sa-telah selesai di-putuskan semua pindaan<sup>2</sup> yang ada dalam Atoran Urusan Meshuarat berkenaan dengan apa<sup>2</sup> kepala perbelanjaan, maka Pengerusi hendak-lah mengemukakan kapada meshuarat masaalah “*Ia-itu wang sa-jumlah \$.....untok kepala.....jadi sa-bahagian daripada Jadual*”

(11) Berkenaan dengan masaalah “*Ia-itu wang sa-jumlah \$.....untok kepala.....jadi sa-bahagian daripada Jadual*” perbahathan hendak-lah di-hadkan kapada dasar khidmatan yang hendak di-untokkan wang itu dan tidak boleh mengenaī butir<sup>2</sup> perbelanjaan, tetapi boleh menyebutkan butir<sup>2</sup> hasil atau kumpulan<sup>2</sup> wang yang dalam tanggong-jawab khidmatan itu.

(12) Sa-telah Rang Undang<sup>2</sup> itu di-luluskan oleh Jawatan-Kuasa Perbekalan maka Rang Undang<sup>2</sup> itu hendak-lah dengan serta-merta di-ma‘alumkan kepada Majlis dan suatu usul ia-itu Rang Undang<sup>2</sup> itu di-bachakan kali yang ketiga hendak-lah di-keluarkan oleh sa-orang Menteri. Usul demikian hendak-lah di-putuskan dengan tidak boleh di-pinda atau di-bahath.

Rang Undang<sup>2</sup>  
Anggaran  
Belanja  
Tambahan.

67. (1) Tiap<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan yang di-bawa ka-dalam meshuarat kerana menepati perbelanjaan<sup>2</sup> tambahan dan perbelanjaan lebih daripada yang telah di-benarkan sa-bagaimana yang tersebut dalam Perkara 101 dalam Perlembagaan, hendak-lah di-sertakan dengan suatu anggaran belanja tambahan bagi tiap<sup>2</sup> satu kepala yang hendak di-minta kebenaran mengeluarkan belanja, dengan di-terangkan—

- (a) berapa jumlah belanja yang di-benarkan di-bawah kepala itu;
- (b) berapa belanja tambahan yang di-kehendaki dalam apa<sup>2</sup> pechahan kepala;
- (c) berapa belanja yang dapat di-selamatkan daripada lain<sup>2</sup> pechahan kepala di-bawah sa-suatu kepala itu yang boleh di-guna bagi mengurangkan peruntukan tambahan bagi menepati perbelanjaan tambahan itu;
- (d) berapa jumlah peruntukan tambahan yang di-minta bagi kepala itu.

(2) Tiap<sup>2</sup> anggaran belanja tambahan hendak-lah di-bentangkan di atas Meja Meshuarat sa-kurang<sup>2</sup> tiga hari betul sa-belum meshuarat hendak di-keluarkan Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan tambahan itu.

(3) Sa-telah di-chadangkan usul hendak di-bachakan Rang Undang<sup>2</sup> ini kali yang kedua dan di-sokong, maka boleh-lah di-jalankan perbahathan dengan serta-merta tetapi hendak-lah di-hadkan kapada asas<sup>2</sup> ‘am dasar dan tadbiran Kerajaan saperti yang di-nyatakan dalam peruntukan<sup>2</sup> tambahan yang di-masukkan dalam Rang Undang<sup>2</sup> dan dalam anggaran belanja tambahan itu. Sa-lebeh<sup>2</sup>-nya satu hari hendak-lah di-untokkan bagi perbahathan demikian itu, dan pada pukul 6 petang pada hari yang di-untokkan itu atau dahulu daripada itu sa-bagaimana yang di-putuskan oleh Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua hendak-lah mengemukakan apa<sup>2</sup> masaalah yang di-kehendaki bagi menamatkan perjalanan meshuarat berkenaan dengan bachaan kali yang kedua itu.

(4) Apabila Rang Undang<sup>2</sup> itu telah di-bachakan kali yang kedua maka Rang Undang<sup>2</sup> itu akan terserah kepada Jawatan-Kuasa Perbekalan menurut chara yang di-sebutkan dalam perenggan (3), (5), (6), (7), (8), (10) dan (11) dalam Peratoran Meshuarat 66: tetapi di-sharatkan ia-itu tempoh yang sa-habis<sup>2</sup> lama-nya boleh di-untokkan bagi membahathkan Rang Undang<sup>2</sup> itu dalam Jawatan-Kuasa, hendak-lah tidak lebih daripada dua hari kechual i jika Pengerusi membenarkan lebih daripada dua hari.

(5) Perbahathan atas Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan Tambahan dalam Jawatan-Kuasa Perbekalan hendak-lah terhad kepada butir<sup>2</sup> yang terkandong dalam anggaran belanja yang di-minta di-untokkan belanja tambahan; perbahathan ini tidak boleh menyentoh dasar atau perbelanjaan dalam anggaran mengandungi peruntukan mula<sup>2</sup> yang telah di-benarkan, kechual i jika dasar atau perbelanjaan demikian itu dzahir kapada Jawatan-Kuasa itu dengan memandang kapada butir<sup>2</sup> yang terkandong dalam anggaran belanja tambahan itu.

(6) Apabila Rang Undang<sup>2</sup> itu telah di-luluskan oleh Jawatan-Kuasa Perbekalan, maka Rang Undang<sup>2</sup> itu hendak-lah di-ma‘alumkan dengan serta-merta kapada Majlis dan sa-telah itu suatu usul supaya Rang Undang<sup>2</sup> itu di-bachakan kali yang ketiga hendak-lah di-keluarkan oleh sa-orang Menteri. Usul demikian itu hendak-lah di-putuskan dengan tidak boleh di-pinda atau di-bahath.

**67A.** Suatu penerangan berkenaan dengan perbelanjaan yang di-chadangkan dari-pada Kumpulan Wang Pembangunan bagi mana<sup>2</sup> tahun kewangan menurut sekshen-kecil (1) dalam sekshen 4 dalam Undang<sup>2</sup> Kumpulan Wang Pembangunan tahun 1958, hendak-lah di-bentangkan dalam Meshuarat sa-belum di-bawa sa-suatu usul menurut sekshen kecil (2) dalam sekshen 4 dalam Undang<sup>2</sup> itu.

Anggaran  
Pembangunan  
Tahunan.

**67B.** (1) Sa-suatu usul menurut sekshen kecil (2) dalam sekshen 4 dalam Undang<sup>2</sup> Kumpulan Wang Pembangunan tahun 1958, hendak-lah di-edarkan kapada Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis dengan di-keluarkan usul oleh sa-saorang Menteri dan usul ini boleh-lah di-chadangkan dengan tidak berkehendakkan pemberitahu:

Peratoran  
menimbang-  
kan Anggaran  
Pembangunan  
Tahunan.

Tetapi di-sharatkan jika usul itu mengenai hanya sa-bahagian sahaja daripada perbelanjaan yang di-sebutkan dalam perenggan itu maka usul itu, jika di-benarkan oleh Tuan Yang di-Pertua, boleh-lah di-timbangkan oleh Majlis dan masaalah atas usul itu boleh-lah di-kemuka bagi di-putuskan dengan tidak di-edarkan usul itu terlebeh dahulu kapada Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis.

(2) Apabila di-keluarkan usul hendak mengedarkan kapada Jawatan-Kuasa seperti yang di-sebutkan dalam perenggan (1), bolehlah di-bahathkan dasar ‘am Kerajaan berkenaan dengan Kumpulan Wang Pembangunan dan tujuan<sup>2</sup> perbelanjaan itu.

(3) Sa-lebeh<sup>2</sup>-nya tiga hari hendak-lah di-untokkan bagi perbahathan atas usul hendak mengedarkan seperti yang di-sebutkan dalam perenggan (1) dan, jika usul itu belum lagi di-setujukan, pada pukul 6 petang pada hari penghabisan yang di-tetapkan itu, Tuan Yang di-Pertua hendak-lah mengemuka bagi di-putuskan, apa<sup>2</sup> masaalah yang di-kehendaki bagi menamatkan perbahathan atas usul itu.

(4) (a) Hendak-lah di-untokkan sa-lebeh<sup>2</sup>-nya empat hari bagi perjalanan mewharat dalam Jawatan-Kuasa dan Tuan Yang di-Pertua boleh menetapkan masa yang sa-lebeh<sup>2</sup>-nya yang hendak di-tetapkan bagi apa<sup>2</sup> kepala dalam Anggaran Pembangunan. Jika bagi apa<sup>2</sup> kepala perbelanjaan itu telah genap tempoh yang di-tetapkan, maka Pengerusi hendak-lah dengan serta-merta mengemuka bagi di-putuskan, apa<sup>2</sup> masaalah yang di-kehendaki bagi memberi keputusan atas kepala perbelanjaan yang di-bahathkan itu:

Tetapi di-sharatkan ia-itu Pengerusi, jika baik pada timbangan-nya, boleh-lah melanjutkan tempoh yang di-tetapkan bagi mana<sup>2</sup> kepala perbelanjaan itu sa-kadarkan perundingan dalam Jawatan-Kuasa itu hendak-lah tidak lebih daripada empat hari semua sa-kali dan dengan tidak mengurangkan tempoh yang di-tetapkan bagi sa-suatu kepala perbelanjaan yang belum di-timbangkan lagi.

(b) Jika Tuan Yang di-Pertua tidak menetapkan masa bagi semua atau mana<sup>2</sup> kepala perbelanjaan, maka Pengerusi boleh-lah menetapkan masa yang sa-lebeh<sup>2</sup>-nya.

(5) Apabila menimbangkan dalam Jawatan-Kuasa sa-suatu usul yang di-sebutkan dalam perenggan (1), Pengerusi hendak-lah menyebutkan nama tiap<sup>2</sup> kepala perbelanjaan lepas satu kepala, satu kepala dan hendak-lah menchadangkan masaalah atas usul itu “Bahawa perbelanjaan yang di-sebutkan dalam kepala . . . . dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun . . . . hendak-lah di-benarkan”.

(6) Apabila masaalah yang di-sebutkan dalam perenggan (5) telah di-chadangkan, Menteri yang bertanggong-jawab atas kepala perbelanjaan yang berkenaan, boleh-lah berchakap menyokong kepala perbelanjaan itu dan sa-lepas itu :

- (i) jika telah di-keluarkan pemberitahu pindaan atas kepala perbelanjaan itu atau bahagian kepala perbelanjaan itu atau butir kepala perbelanjaan itu, maka pindaan<sup>2</sup> itu hendak-lah di-putuskan menurut perenggan<sup>2</sup> (7) dan (8);
- (ii) jika tidak di-keluarkan pemberitahu pindaan<sup>2</sup> atau apabila semua pindaan telah di-putuskan, maka boleh-lah di-bahathkan usul yang di-sebutkan dalam perenggan (5) atau sa-bagaimana yang di-pinda, ikut mana yang di-kehendaki; perbahathan atas usul itu hendak-lah terhad kapada perkhidmatan yang berkaitan sahaja.

(7) Pindaan<sup>2</sup> yang di-kehendaki pemberitahu sa-kurang<sup>2</sup> dua hari terlebeh dahulu, boleh-lah di-chadangkan atas usul yang di-sebutkan dalam perenggan (5) bagi meninggalkan apa<sup>2</sup> bahagian kepala perbelanjaan atau butir perbelanjaan atau bagi

menambah di-hujong usul itu “dengan sharat di-kurangkan sa-banyak . . . dengan di-tentukan apa dia bahagian kepala perbelanjaan dan butir perbelanjaan (jika ada) yang hendak di-kurangkan belanja-nya itu.”

(8) Apabila beberapa chadangan hendak mengurangkan peruntukan dalam sa-suatu kepala perbelanjaan itu juga, bahagian kepala perbelanjaan atau butir perbelanjaan, maka hendak-lah mula<sup>2</sup> sa-kali di-chadangkan pindaan berkenaan dengan belanja yang sa-habis sadikit sa-kali hendak di-kurangkan itu dan pindaan hendak meninggalkan pechahan kepala perbelanjaan atau butir perbelanjaan itu boleh di-chadangkan hanya apabila usul<sup>2</sup> hendak mengurangkan peruntukan itu telah selesai di-putuskan.

(9) Apabila semua masaalah<sup>1</sup> atas semua kepala perbelanjaan telah di-putuskan, Pengerusi, dengan tidak boleh membenarkan pindaan atau perbahathan, hendak-lah mengemuka bagi di-putuskan, kapada Jawatan-Kuasa itu masaalah atau usul yang di-edarkan kepada-nya itu, atau jika perbelanjaan yang di-chadangkan itu telah di-kurangkan, Pengerusi hendak-lah mengemuka bagi di-putuskan masaalah itu kapada Jawatan-Kuasa dengan sharat di-tinggalkan perbelanjaan<sup>2</sup> yang telah di-kurangkan itu. Apabila usul itu telah di-setujukan, hendak-lah dengan serta-merta di-ma‘alumkan kepada Majlis.

(10) Sa-lepas penyata Jawatan-Kuasa itu telah di-terima, sa-saorang Menteri hendak-lah menchadangkan usul yang di-sebutkan dalam perenggan (1) di-pinda, jika di-kehendaki, bagi mengurangkan perbelanjaan sa-banyak yang di-setujukan oleh Jawatan-Kuasa. Usul ini boleh-lah di-chadangkan dengan tidak di-kehendaki pemberitahu dan masaalah atas-nya hendak-lah di-putuskan dengan tidak boleh di-pinda atau di-bahath.

**67C. (1)** Sa-suatu usul menurut sekshen kecil (4) dalam sekshen 4 dalam Undang<sup>2</sup> Kumpulan Wang Pembangunan tahun 1958, hendak-lah di-edarkan kapada Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>1</sup> Majlis oleh sa-orang Menteri dengan mengeluarkan usul:

Peraturan  
menimbang-  
kan Anggaran  
Tambah  
Pembangunan.

Tetapi di-sharatkan jika usul itu mengenaï sa-bahagian sahaja daripada perbelanjaan yang di-sebutkan dalam penerangan itu, maka usul itu, jika di-benarkan oleh Tuan Yang di-Pertua, boleh-lah di-timbangkan oleh Majlis dan masaalah atas-nya di-kemuka bagi di-putuskan dengan tidak di-edarkan kapada Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis.

(2) Suatu penerangan berkenaan dengan perbelanjaan yang di-chadangkan dari-pada Kumpulan Wang Pembangunan bagi sa-suatu tahun kewangan menurut sekshen kecil (4) dalam sekshen 4 dalam Undang<sup>2</sup> Kumpulan Wang Pembangunan, tahun 1958, hendak-lah di-bentangkan dalam Meshuarat sa-belum di-bawa ka-dalam Majlis sa-suatu usul menurut sekshen kecil (4) dalam sekshen 4 dalam Undang<sup>2</sup> itu.

(3) Apabila telah di-chadangkan usul hendak mengedarkan kapada Jawatan-Kuasa sa-bagaimana yang di-sebutkan dalam perenggan (1) maka boleh-lah di-bahathkan dasar ‘am Kerajaan berkenaan dengan apa<sup>2</sup> ju maksud yang berkenaan dengan Kumpulan Wang Pembangunan itu sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam penerangan menurut sekshen kecil (4).

(4) Sa-lebeh<sup>1</sup>-nya satu hari hendak-lah di-untokkan bagi perbahathan berkenaan dengan usul hendak mengedarkan kapada Jawatan-Kuasa sa-bagaimana yang di-sebutkan dalam perenggan (1) dan, jika sa-kira-nya usul itu belum di-setujukan, pada pukul 6 petang Tuan Yang di-Pertua hendak-lah mengemuka bagi di-putuskan apa<sup>2</sup> masaalah yang di-kehendaki bagi menamatkan perjalanan meshuarat berkenaan dengan usul itu.

(5) (a) Hendak-lah di-untokkan dua hari sa-lebeh<sup>2</sup>-nya bagi perjalanan meshuarat dalam Jawatan-Kuasa dan Tuan Yang di-Pertua boleh-lah menetapkan berapa lama sa-lebeh<sup>2</sup>-nya hendak di-untokkan bagi mana<sup>2</sup> kepala perbelanjaan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan. Jika sa-suatu kepala perbelanjaan itu sudah chukup masa yang di-untokkan tetapi belum lagi putus, maka Pengerusi hendak-lah dengan serta-merta mengemuka, bagi di-putuskan, apa masaalah yang di-kehendaki bagi mendapat keputusan berkenaan dengan kepala perbelanjaan itu:

Tetapi di-sharatkan ia-itu Pengerusi, jika baik pada timbangan-nya, boleh-lah melanjutkan tempoh yang di-tetapkan bagi mana<sup>2</sup> kepala perbelanjaan itu sa-kadarkan perundingan dalam Jawatan-Kuasa itu hendak-lah tidak lebih daripada empat hari semua sa-kali dan dengan tidak mengurangkan tempoh yang di-tetapkan bagi sa-suatu kepala perbelanjaan yang belum di-timbangkan lagi.

(b) Jika Tuan Yang di-Pertua tidak menetapkan masa bagi semua atau mana<sup>2</sup> kepala perbelanjaan, maka Pengerusi boleh-lah menetapkan masa yang sa-lebeh<sup>2</sup>-nya.

(6) Perenggan<sup>2</sup> (5), (6), (7), (8), (9) dan (10) dalam Peratoran Meshuarat 67B hendak-lah di-pakaikan kepada perjalanan meshuarat dalam Jawatan-Kuasa Anggaran Pembangunan Tambahan, dengan pindaan<sup>2</sup> yang di-kehendaki.

**68.** Pada tiap<sup>2</sup> kali meshuarat Majlis hendak-lah di-keluarkan oleh sa-orang Menteri suatu pernyataan menerangkan apa<sup>2</sup> butir perbelanjaan segera dan yang tidak dapat di-agakkan, yang telah di-keluarkan wang daripada Kumpulan Wang Pendahuluan kerana menepati perbelanjaan itu menurut sekshen kecil (3) sekshen 11 dalam Undang<sup>2</sup> Peratoran Kewangan, tahun 1957, bagi tempoh sa-belum meshuarat itu.

**68A.** (1) Apabila di-bachakan kali yang kedua sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> yang dibawa ka-dalam Majlis (menurut perenggan (a) dalam Perkara 102 dalam Perlembagaan) bagi memberi kuasa membelanjakan wang bagi sa-bahagian daripada satu<sup>2</sup> tahun, perbahathan atas Rang Undang<sup>2</sup> ini tidak boleh termasuk perkara<sup>2</sup> dasar dan tadbir Kerajaan atau tujuan<sup>2</sup> perbelanjaan itu.

(2) Pindaan kapada Rang Undang<sup>2</sup> demikian itu tidak boleh di-chadangkan melainkan oleh sa-saorang Menteri.

(3) Masaalah atas apa<sup>2</sup> ju pindaan demikian itu hendak-lah di-kemukakan dengan serta-merta bagi di-putuskan sa-telah pindaan itu di-chadangkan dan di-sokong, dan masaalah ia-itu sa-suatu Fasal atau Jadual (saperti yang telah di-pinda) jadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup> itu hendak-lah di-putuskan dengan tidak boleh di-bahath.

(4) Apabila Rang Undang<sup>2</sup> demikian itu telah di-setujukan oleh Jawatan-Kuasa, maka hendak-lah di-ma'alumkan dengan serta-merta kapada Majlis, dan sa-telah

itu suatu usul menchadangkan di-bachakan kali yang ketiga hendak-lah di-chadangkan oleh sa-saorang Menteri dan hendak-lah di-putuskan dengan tidak boleh di-pinda atau di-bahath.

**69.** Jika pada timbangan Tuan Yang di-Pertua, sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> hanya mengandungi sharat<sup>2</sup> mengenai semua atau apa<sup>2</sup> perkara yang tersebut dalam perenggan<sup>2</sup> (a), (b) dan (c) Fasal (6) Perkara 68 dalam Perlembagaan, maka apabila di-hantarkan Rang Undang<sup>2</sup> itu kapada Dewan Negara menurut sharat<sup>2</sup> Fasal (3) Perkara 66 dalam Perlembagaan hendak-lah Tuan Yang di-Pertua mengsaikan-nya dengan menurunkan tanda tangan kapada suatu surat akuan yang akan di-hantar-kan bersama- Rang Undang<sup>2</sup> itu, menyatakan ia-itu Rang Undang<sup>2</sup> itu ia-lah suatu Rang Undang<sup>2</sup> Wang, menurut maksud Perkara 68 dalam Perlembagaan.

Menghantar  
Rang Undang<sup>2</sup>  
Wang kapada  
Dewan Negara.

**70.** (1) Sa-telah Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan oleh Majlis, maka Tuan Yang di-Pertua hendak-lah menghantar kapada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara satu perutusan mema'alumkan kapada-nya ia-itu—

Perutusan<sup>2</sup>  
kapada Dewan  
Negara.

(a) Majlis telah meluluskan Rang Undang<sup>2</sup> itu, atau

(b) jika Rang Undang<sup>2</sup> itu telah di-bawa daripada Dewan Negara, Majlis telah setujukan Rang Undang<sup>2</sup> itu dengan ada pindaan atau dengan tidak ada pindaan,

dan meminta Dewan Negara mempersetujukan Rang Undang<sup>2</sup> itu atau pindaan<sup>2</sup> yang telah di-buat oleh Dewan Ra'ayat ka atas Rang Undang<sup>2</sup> itu, ikut mana yang berkenaan.

(2) Setiausaha hendak-lah menyampaikan perutusan tersebut itu kapada Dewan Negara bersama<sup>2</sup> dengan satu salinan berseh Rang Undang<sup>2</sup> itu yang telah di-tanda tangan-nya, atau salinan Rang Undang<sup>2</sup> sa-bagaimana yang di-bawa daripada Dewan Negara dengan di-tandakan terang<sup>2</sup> pindaan<sup>2</sup> (jika ada) yang di-buat oleh Majlis. Salinan Rang Undang<sup>2</sup> ini hendak-lah di-tanda tangan oleh Setiausaha.

(3) Tidak ada apa<sup>2</sup> pun dalam Peratoran ini yang mengenai sharat<sup>2</sup> Perkara 68 dalam Perlembagaan.

**71.** Sa-suatu Perutusan daripada Dewan Negara hendak-lah di-terima oleh Setia-usaha yang akan menyampaikan Perutusan itu kapada Tuan Yang di-Pertua; dan Tuan Yang di-Pertua boleh mengarahkan Setiausaha membachakan Perutusan tersebut pada persidangan Majlis itu juga atau pada bila<sup>2</sup> masa yang sesuai dalam persidangan Majlis yang akan datang.

Perutusan<sup>2</sup>  
daripada  
Dewan Negara.

**72.** (1) Semua Rang Undang<sup>2</sup> yang di-bawa daripada Dewan Negara hendak-lah di-bentangkan di-atas Meja Meshuarat hingga telah di-tetapkan hari bagi di-bachakan Rang Undang<sup>2</sup> itu kali yang kedua.

Bachaan kali  
yang pertama  
Rang Undang<sup>2</sup>,  
yang di-bawa  
daripada  
Dewan Negara.

(2) Pada bila<sup>2</sup> masa juu sa-lepas di-bachakan Perutusan daripada Dewan Negara menyatakan suatu Rang Undang<sup>2</sup> telah di-bawa daripada Dewan Negara, maka sa-orang ahli boleh-lah memberitahu Setiausaha di-Meja Meshuarat ia-itu ia akan menjaga Rang Undang<sup>2</sup> itu dan menetapkan satu hari untuk bachaan kali yang kedua.

(3) Sa-lepas itu Setiausaha hendak-lah menuliskan di-belakang Rang Undang<sup>2</sup> itu nama ahli itu, dan memasokkan dalam buku Undi<sup>2</sup> dan Perjalanan Meshuarat bahawa Rang Undang<sup>2</sup> itu telah di-bachakan kali yang pertama dan di-perentahkan di-bacha kali yang kedua pada hari yang di-tetapkan itu dan di-chap.

**73.** (1) Pada bila<sup>2</sup> masa juu sa-lepas di-bachakan Perutusan daripada Dewan Negara menyatakan persetujuan-nya atas sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> dengan ada satu atau lebih daripada satu pindaan, ahli yang menjaga Rang Undang<sup>2</sup> dalam Majlis itu, dengan memberitahu kapada Setiausaha, boleh-lah menetapkan satu hari (tidak kurang daripada lima hari penoh sa-lepas di-keluarkan pemberitahu) bagi menimbangkan pindaan<sup>2</sup> Dewan Negara itu: tetapi di-sharatkan ia-itu jika Tuan Yang di-Pertua puas hati mengatakan apa<sup>2</sup> pindaan yang di-buat oleh Dewan Negara ka-atas sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> itu ia-lah pindaan<sup>2</sup> membetulkan ayat atau menepati tujuan Majlis, dan tidak banyak, maka hendak-lah Tuan Yang di-Pertua mema'alumkan kapada Majlis akan hal itu, dan boleh-lah Majlis memerentahkan supaya pindaan<sup>2</sup> itu terus di-timbangkan.

(2) Apabila di-tetapkan satu hari bagi menimbangkan pindaan<sup>2</sup> Dewan Negara itu, maka perentah mengechap pindaan<sup>2</sup> itu ada-lah di-sifatkan telah di-keluarkan, dan perkara ini hendak-lah di-masukkan dalam buku Undi<sup>1</sup> dan Perjalanan Meshuarat.

(3) Atoran saperti ini juga hendak-lah di-ikut berkenaan dengan apa<sup>2</sup> Perutusan daripada Dewan Negara terhadap perengkat<sup>2</sup> kemudian bagi sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup>.

**74.** (1) Usul hendak membahagi-kan sa-suatu pindaan yang di-buat oleh Dewan Negara boleh di-keluarkan dan boleh di-chadangkan pindaan<sup>2</sup> ka-atas pindaan yang di-buat oleh Dewan Negara dengan sharat ia-itu—

- (a) telah di-keluarkan pemberitahu berkenaan dengan usul atau pindaan itu, dan
- (b) masalah "*Ia-itu Majlis ini bersetuju (atau tidak bersetuju) dengan pindaan Dewan Negara*" belum di-kemukakan oleh Pengurus.

(2) Apabila sa-suatu usul dan/atau pindaan itu telah di-selesaikan maka ahli yang menjaga Rang Undang<sup>2</sup> itu hendak-lah menchadangkan "*Ia-itu Majlis ini bersetuju (atau tidak bersetuju) dengan pindaan Dewan Negara itu (saperti yang di-pinda)*".

(3) Pindaan<sup>2</sup> yang boleh di-chadangkan ka-atas Rang Undang<sup>2</sup> itu ia-lah hanya pindaan<sup>2</sup> yang terjadi dengan sebab pindaan<sup>2</sup> yang di-buat oleh Dewan Negara atau yang terjadi dengan sebab pindaan yang di-buat oleh Majlis ka-atas pindaan Dewan Negara atau pindaan sa-bagai ganti pindaan yang telah di-buat oleh Dewan Negara tetapi tidak di-setujukan oleh Majlis.

(4) Apabila satu atau lebih daripada satu pindaan Dewan Negara ka-atas sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> tidak di-setujukan, maka sa-baik<sup>2</sup> sahaja selesai di-timbangkan pindaan<sup>2</sup> Dewan Negara ka-atas Rang Undang<sup>2</sup> itu, Tuan Yang di-Pertua hendak-lah melantek tiga orang ahli (sa-orang daripada-nya hendak-lah ahli yang menjaga Rang Undang<sup>2</sup> itu) jadi sa-buah Jawatan-Kuasa kerana mengarahkan apa yang hendak di-ma'alumkan kapada Dewan Negara akan Sebab (atau Sebab<sup>2</sup>-nya) di-tolak pindaan (atau pindaan<sup>2</sup>) itu; chukup-bilang Jawatan-Kuasa itu ia-lah dua orang. Mereka hendak-lah keluar dari Majlis dan membuat penyata-nya dengan sa-berapa segera-nya. Penolong Setiausaha atau pegawai lain yang telah di-beri kuasa oleh Setiausaha hendak-lah jadi Setiausaha Jawatan-Kuasa itu, dan penyata Jawatan-Kuasa itu hendak-lah di-bawa kapada Majlis dengan di-berikan kapada

Setiausaha di-Meja Meshuarat dan sa-telah di-bawa ka-dalam meshuarat, maka penyata itu ada-lah di-sifatkan telah di-setujukan oleh Majlis, dan perkara ini hendak-lah di-masokkan dengan penoh dalam buku Undi<sup>2</sup> dan Perjalanan Meshuarat dan di-tuliskan persetujuan itu dalam buku itu. Sebab atau Sebab<sup>2</sup> ditolak pindaan Dewan Negara hendak-lah di-masokkan oleh Setiausaha dalam suatu Perutusan kapada Dewan Negara dan hendak-lah di-hantar kapada Dewan Negara bersama dengan Rang Undang<sup>2</sup> itu dan Rang Undang<sup>2</sup> itu hendak-lah ditanda tangan oleh Setiausaha.

(5) Atoran demikian ini hendak-lah di-ikut berkenaan dengan apa<sup>2</sup> pindaan Dewan Negara ka-atas pindaan<sup>2</sup> yang di-buat oleh Majlis.

(6) Tidak ada apa- pun dalam Peratoran ini atau dalam Peratoran 75 yang akan di-sifatkan akan mengenai kuasa<sup>2</sup> Majlis ini di-bawah Perkara 68 dalam Perlembagaan.

**75.** (1) Masa menimbangkan Sebab yang di-beri oleh Dewan Negara bagi menolak pindaan yang di-buat oleh Majlis, boleh di-keluarkan usul “*Ia-itu Majlis ini berkuat hendakkan di-terima pindaan yang tidak di-setujukan oleh Dewan Negara*” atau “*Ia-itu Majlis ini tidak berkuat hendakkan di-terima pindaan yang tidak di-setujukan oleh Dewan Negara*,” dan jika usul yang kedua itu di-setujukan maka boleh di-chadangkan pindaan- ka-atas pindaan yang di-setujukan oleh Dewan Negara itu, atau pun di-chadangkan suatu pindaan ka-atas Rang Undang<sup>2</sup> itu; dan apabila selesai perjalanan meshuarat demikian, maka Setiausaha hendak-lah menanda tangan Rang Undang<sup>2</sup> itu dan menghantarkan-nya kapada Dewan Negara bersama dengan Perutusan yang berkenaan.

Atoran  
menimbangkan  
Rang Undang<sup>2</sup>  
dalam  
perengkat<sup>2</sup>-nya  
kemudian..

(2) Jika Majlis berkuat hendakkan pindaan yang tidak di-setujukan oleh Dewan Negara, maka hendak-lah di-ikut atoran yang tersebut dalam perenggan (4) dalam Peratoran Meshuarat 74.

(3) Dengan terta’alok kapada sharat<sup>2</sup> Perkara 68 dalam Perlembagaan, masa menimbangkan pindaan yang tidak di-setujukan oleh Majlis tetapi Dewan Negara berkuat hendakkan di-terima pindaan itu, maka boleh di-keluarkan usul “*Ia-itu Rang Undang<sup>2</sup> ini di-ketepikan*” dan jika usul ini di-setujukan maka tidak boleh di-adakan perbinchan lagi atas Rang Undang<sup>2</sup> itu, dan tidak akan di-hantar apa<sup>2</sup> Perutusan kapada Dewan Negara; atau di-keluarkan usul “*Ia-itu Majlis ini tidak berkuat hendakkan di-terima keputusan-nya tidak bersetuju dengan Dewan Negara berkaitan dengan pindaan yang Dewan Negara hendakkan di-terima*” dan, jika usul yang kedua ini di-setujukan maka boleh di-chadangkan pindaan<sup>2</sup> ka-atas pindaan Dewan Negara itu, atau pun di-chadangkan suatu pindaan atas Rang Undang<sup>2</sup> itu dan apabila selesai perjalanan meshuarat demikian Setiausaha hendak-lah menanda tangan Rang Undang<sup>2</sup> itu dan menghantarkan kapada Dewan Negara bersama dengan Perutusan yang berkenaan.

## JAWATAN<sup>2</sup>-KUASA PILEHAN

**76.** (1) Hendak-lah ada sa-buah Jawatan-Kuasa yang akan di-namakan Jawatan-Kuasa Pemileh, di-lantek awal tiap<sup>2</sup> Parlimen kerana menjalankan kewajipan<sup>2</sup> yang di-untokkan bagi-nya oleh Peratoran<sup>2</sup> Meshuarat ini, dan kerana menjalankan

Jawatan-Kuasa  
Pemileh.

apa<sup>2</sup> perkara lain yang di-serahkan kepada-nya oleh Majlis dari satu masa ka-satu masa.

(2) Jawatan-Kuasa Pemileh itu hendak-lah mengandungi Tuan Yang di-Pertua sa-bagai Pengerusi, dan enam orang ahli Majlis yang di-pilih oleh Majlis. Jawatan-Kuasa ini hendak-lah mema'alumkan kapada Majlis dengan mengeluarkan satu penyata apabila sa-saorang ahli Majlis telah di-lantek jadi ahli sa-sabuah Jawatan-Kuasa. Jawatan-Kuasa Pemileh tidak berkuasa memanggil orang hadhir di-hadapan-nya atau meminta di-keluarkan surat<sup>2</sup> kechual i jika Majlis membuat ketetapan memberi kuasa berkenaan dengan ini.

Jawatan-Kuasa  
Kira<sup>2</sup> Wang  
Negara.

77. (1) Hendak-lah ada sa-buah Jawatan-Kuasa yang akan di-namakan Jawatan-Kuasa Kira<sup>2</sup> Wang Negara di-lantek pada awal tiap<sup>2</sup> Parlimen kerana memereksa :

- (a) Kira<sup>2</sup> Kerajaan Malaysia dan peruntukan wang yang di-benarkan oleh Parlimen kerana menepati perbelanjaan negeri;
- (b) apa<sup>2</sup> kira<sup>2</sup> badan<sup>2</sup> pentadbiran raya dan pertubuhan<sup>2</sup> lain yang menguruskan wang negeri yang di-bentangkan dalam Majlis;
- (c) penyata<sup>2</sup> Pemereksa Kira<sup>2</sup> Negara yang di-bentangkan dalam Majlis Mesruar menurut Perkara 107 dalam Perlembagaan;
- (d) apa<sup>2</sup> perkara lain yang di-fikirkan oleh Jawatan-Kuasa itu patut di-pereksa, atau apa<sup>2</sup> perkara yang di-serahkan oleh Majlis kepada Jawatan-Kuasa itu.

(2) Jawatan-Kuasa ini hendak-lah mengandungi sa-orang Pengerusi yang akan di-lantek oleh Majlis dan tidak kurang daripada enam dan tidak lebih daripada dua belas orang ahli yang akan di-lantek oleh Jawatan-Kuasa Pemileh dengan sa-berapa segera-nya sa-lepas di-mulakan tiap<sup>2</sup> Parlimen. *dan walaupun begitupula*

(3) Sa-saorang ahli Majlis tidak boleh di-angkat atau di-lantek memegang atau memangku jawatan Pengerusi atau jadi Ahli Jawatan-Kuasa Kira<sup>2</sup> Wang Negara sa-masa ia jadi sa-orang Menteri.

(4) Jawatan-Kuasa ini berkuasa memanggil orang hadhir di-hadapan-nya atau meminta di-keluarkan surat<sup>2</sup> dan rekod<sup>2</sup> dan mengeluarkan penyata kapada Majlis dari satu masa ka-satu masa.

Jawatan-Kuasa  
Peratoran<sup>2</sup>  
Mesruar.

78. (1) Hendak-lah ada sa-buah Jawatan-Kuasa yang akan di-namakan Jawatan-Kuasa Peratoran<sup>2</sup> Meshuarat mengandungi Tuan Yang di-Pertua sa-bagai Pengerusi dan enam orang ahli lain yang akan di-lantek oleh Jawatan-Kuasa Pemileh dengan sa-berapa segera-nya yang boleh sa-lepas di-mulakan tiap<sup>2</sup> Parlimen. Ada-lah kewajipan Jawatan-Kuasa ini menimbangkan dari satu masa ka-satu masa dan mengeluarkan penyata kapada Majlis berkenaan dengan perkara<sup>2</sup> berkaitan dengan Peratoran<sup>2</sup> Meshuarat yang di-serahkan oleh Majlis kepada-nya bagi di-timbangkan. Jawatan-Kuasa ini tidak berkuasa menanggil orang hadhir di-hadapan-nya atau meminta di-keluarkan surat kechual i jika Majlis membuat ketetapan memberi kuasa berkenaan dengan ini.

(2) Jika pemberitahu usul mengandungi apa<sup>2</sup> chadangan hendak meminda Peratoran<sup>2</sup> Meshuarat, maka pemberitahu itu hendak-lah di-sertakan dengan satu rang pindaan yang di-chadangkan itu, dan usul itu apabila di-chadangkan dan di-sokong, ada-lah di-sifatkan telah di-serahkan kapada Jawatan-Kuasa Peratoran Meshuarat

f. "Semasa ketidadaan Pengerusi atau  
Nurz-Pengarusi Reh Kraan Kenzura  
atau lawu-lain sebab, Tanuntaunya,

dengan tidak di-kemukakan masaalah kapada meshuarat, dan tidak boleh di-binchangkan lagi usul ini sa-hingga Jawatan-Kuasa Peratoran<sup>2</sup> Meshuarat telah mengeluarkan penyata kapada Majlis berkenaan dengan chadangan itu.

79. (1) Hendak-lah ada sa-buah Jawatan-Kuasa yang akan di-namakan Jawatan-Kuasa Dewan mengandungi Tuan Yang di-Pertua sa-bagai Pengerusi dan enam orang ahli, di-lantek oleh Jawatan-Kuasa Pemileh dengan sa-berapa segera-nya yang boleh sa-lepas di-mulakan tiap<sup>2</sup> Parlimen kerana menimbangkan dan menasehatkan Tuan Yang di-Pertua atas segala perkara berkaitan dengan kesenangan dan kemudahan serta khidmat<sup>2</sup> dan kenikmatan<sup>2</sup> yang terdapat bagi ahli Majlis. Jawatan-Kuasa ini tidak berkuasa memanggil orang hadir di-hadapannya atau meminta di-keluarkan surat<sup>2</sup> kechual i jika Majlis membuat ketetapan memberi kuasa berkenaan dengan ini.

Jawatan-Kuasa Dewan.

(2) Menet<sup>2</sup> meshuarat Jawatan-Kuasa Dewan hendak-lah di-hantar kepada semua ahli Majlis.

(3) Jawatan-Kuasa ini di-beri kuasa bersidang atau bermeshuarat sa-bagai Jawatan-Kuasa Bersama dengan Jawatan-Kuasa Dewan, Majlis Dewan Negara.

80. (1) Hendak-lah ada sa-buah Jawatan-Kuasa yang akan di-namakan Jawatan-Kuasa Hak dan Kebebasan, mengandungi Tuan Yang di-Pertua sa-bagai Pengerusi dan enam orang ahli yang di-lantek oleh Jawatan-Kuasa Pemileh dengan sa-berapa segera-nya yang boleh sa-lepas di-mulakan tiap<sup>2</sup> Parlimen. Kapada Jawatan-Kuasa ini hendak-lah di-serahkan apa<sup>2</sup> perkara yang nampak-nya menyentoh kuasa<sup>2</sup>, hak<sup>2</sup> dan kebebasan Majlis. Ada-lah jadi kewajipan atas Jawatan-Kuasa ini menimbangkan apa<sup>2</sup> perkara demikian itu yang di-serahkan pada-nya, dan mengeluarkan penyata di atas perkara<sup>2</sup> itu kapada Majlis.

Jawatan-Kuasa Hak dan Kebebasan.

(2) Bila<sup>2</sup> Majlis tidak bersidang, sa-saorang ahli boleh memberitahu Tuan Yang di-Pertua jika ada di-katakan telah berlaku kesalahan melanggar peratoran hak<sup>2</sup> dan kebebasan Majlis. Tuan Yang di-Pertua, jika puas hati ia-itu pada dzahir-nya telah di-lakukan kesalahan itu, boleh-lah di-serahkan-nya perkara itu kapada Jawatan-Kuasa ini dan Jawatan-Kuasa ini hendak-lah mengeluarkan penyata kapada Majlis berkenaan dengan ini.

(3) Jawatan-Kuasa ini berkuasa boleh memanggil orang hadir di-hadapannya dan meminta di-keluarkan surat<sup>2</sup> dan boleh mengeluarkan penyata kapada Majlis dari satu masa ka-satu masa.

81. (1) Sa-sabuah Jawatan-kuasa Pilehan yang lain daripada Jawatan-kuasa Pemileh, Jawatan-Kuasa Kira<sup>2</sup> Wang Negara, Jawatan-Kuasa Peratoran<sup>2</sup> Meshuarat, Jawatan-Kuasa Dewan dan Jawatan-Kuasa Hak dan Kebebasan akan di-kenal dengan nama Jawatan-Kuasa Pilehan Khas. Jawatan-Kuasa ini hendak-lah di-lantek dengan perentah Majlis dan, dengan terta'alok kapada perentah Majlis, Jawatan-Kuasa ini hendak-lah mengandungi siapa<sup>2</sup> ahli yang di-lantek oleh Jawatan-Kuasa Pemileh.

Jawatan-Kuasa Pilehan Khas.

(2) Dengan terta'alok kapada perentah Majlis, sa-sabuah Jawatan-Kuasa Pilehan Khas berkuasa memileh Pengerusi-nya sendiri. Jika ahli yang di-pileh jadi Pengerusi itu tidak dapat hadir dalam sa-suatu meshuarat, Jawatan-Kuasa itu hendak-lah memileh sa-orang Pengerusi yang akan memegang jawatan-nya hanya pada hari ia di-pileh itu sahaja.

↑ Hendak-lah memileh<sup>2</sup> salah seorang dan janda mereka untuk menjadi pengganti yang akhir mempergeserikan menjadi

**82. (1)** Sa-berapa boleh-nya tiap<sup>2</sup> Jawatan-Kuasa Pilehan hendak-lah di-tubohkan supaya terbayang di-dalam-nya kadar parti masing<sup>2</sup> dalam Majlis.

(2) Jika sa-saorang ahli Jawatan-Kuasa itu mati, atau jika jawatan-nya sa-bagai ahli itu telah menjadi kosong oleh kerana apa<sup>2</sup> sebab yang lain, maka Majlis atau Jawatan-Kuasa Pemileh—ikut mana yang di-kehendaki, hendak-lah melantek sa-orang ahli lain jadi ganti-nya dan lantekan ini hendak-lah menurut sharat<sup>2</sup> dalam perenggan (1).

**83. (1)** Atoran ini ada-lah di-pakaikan kepada semua Jawatan-Kuasa Pilehan, kechualи yang di-sharatkan dalam Peratoran Meshuarat 76 sampai 80.

(2) Sa-sabuah Jawatan-Kuasa Pilehan berkuasa memanggil orang hadhir di-hadapan-nya atau meminta di-keluarkan surat<sup>2</sup> dan boleh mengeluarkan penyata kepada Majlis mengandungi fikiran dan pandangan-nya serta dengan butir<sup>2</sup> keterangan yang telah di-beri di-hadapan-nya.

(3) Chukup-bilang sa-sabuah Jawatan-Kuasa Pilehan itu hendak-lah tiga orang ahli termasok Pengerusi kechualи jika Majlis memerentahkan boleh lebeh atau kurang daripada itu.

(4) Perbinchangan Jawatan-Kuasa Pilehan itu hendak-lah di-hadkan kapada perkara yang di-serahkan oleh Majlis kepada-nya dan juga kepada apa<sup>2</sup> yang berkenaan dengan perkara itu seperti yang di-tambah atau di-hadkan oleh Majlis. Berkenaan dengan Jawatan-Kuasa Pilehan yang menimbangkan Rang Undang<sup>2</sup>, perbinchangan Jawatan-Kuasa itu hendak-lah di-hadkan kapada Rang Undang<sup>2</sup> itu dan kapada pindaan<sup>2</sup> yang berkaitan dengan Rang Undang<sup>2</sup> itu.

(5) Meshuarat pertama Jawatan-Kuasa Pilehan hendak-lah di-adakan pada masa dan di-tempat yang di-tetapkan oleh Pengerusi, jika Jawatan-Kuasa Pilehan, atau oleh Tuan Yang di-Pertua jika Jawatan-Kuasa Pilehan Khas. Meshuarat yang kemudian hendak-lah di-adakan pada masa dan di-tempat menurut sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Jawatan-Kuasa itu:

Tetapi di-sharatkan jika Jawatan-Kuasa ini tidak menetapkan masa dan tempat-nya, maka Pengerusi hendak-lah menetapkan-nya sa-telah berunding dengan Setiausaha.

(6) Sa-sabuah Jawatan-Kuasa Pilehan tidak boleh mengadakan meshuarat pada masa Majlis bersidang kechualи jika telah mendapat izin daripada Majlis.

(7) Sa-sabuah Jawatan-Kuasa Pilehan boleh meneruskan penyiasatan<sup>2</sup>-nya sung-goh pun Majlis telah di-tanggohkan; dan Jawatan-Kuasa Pemileh jika ada di-antara ahli<sup>2</sup>-nya mati atau tidak dapat hadhir oleh kerana sebab<sup>2</sup> yang ta' dapat di-elakkan, maka Jawatan-Kuasa Pemileh boleh melantek sa-orang ahli Majlis bagi meng-gantikan ahli Jawatan-Kuasa yang mati atau tidak dapat hadir itu. Tiap<sup>2</sup> lantekan menurut Peratoran ini hendak-lah di-ma'alumkan kapada Majlis dalam meshuarat-nya yang akan datang.

(8) Setiausaha atau Setiausaha yang di-tetapkan oleh-nya hendak-lah jadi Setia-usaha kapada tiap<sup>2</sup> Jawatan-Kuasa Pilehan.

(9) Apabila hendak di-soal siapa<sup>2</sup> saksi, maka ahli Majlis yang hendakkan saksi<sup>2</sup> itu hendak-lah menghantar kapada Setiausaha suatu senarai mengandungi nama, 'alamat dan pekerjaan tiap<sup>2</sup> saksi itu sa-kurang<sup>2</sup>-nya dua hari sa-belum hari

yang di-tetapkan hendak di-soal saksi<sup>2</sup> itu. Jika yang berkenaan itu ia-lah Jawatan-Kuasa yang menimbangkan sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> *Private* atau Rang Undang<sup>2</sup> champoran, maka yang di-kehendakkan menghantar senarai ini ia-lah orang yang menghantar rayuan yang hendakkan saksi<sup>2</sup> itu. Sa-telah itu Setiausaha, bagi pehak Majlis, hendak-lah memanggil saksi<sup>2</sup> itu hadhir:

Tetapi di-sharatkan ia-itu, kechuali saksi<sup>2</sup> yang di-kehendaki di-soal oleh sa-sabuah Jawatan-Kuasa Pilehan yang menimbangkan sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup>, dan di-kehendaki oleh ahli yang menjaga Rang Undang<sup>2</sup> itu atau oleh sa-saorang yang menghantar rayuan, Setiausaha tidak boleh memanggil sa-saorang saksi melainkan kalau Pengerusi, bagi pehak Jawatan-Kuasa itu, telah mengeluarkan perentah (yang hendak di-berikan kepada Setiausaha sa-kurang<sup>2</sup> empat hari sa-belum hari di-tetapkan untuk menyoal saksi) bagi memanggil saksi itu.

(10) Kechuali jika Pengerusi mengeluarkan perentah lain, maka butir<sup>2</sup> keterangan tiap<sup>\*</sup> saksi itu hendak-lah di-tuliskan sa-bagaimana yang di-chakapkan-nya dan keterangan itu hendak-lah di-hantar kapada saksi itu supaya di-semak-nya. Dalam tempoh tujuh hari daripada hari Setiausaha menghantar keterangan itu, maka boleh saksi itu mengeshorkan supaya di-betulkan apa<sup>2</sup> yang tidak betul di-tuliskan dan keterangan ini hendak-lah di-chap dengan apa<sup>2</sup> pindaan yang di-benarkan oleh Pengerusi.

(11) Jawatan-Kuasa itu, jika baik pada timbangan-nya, boleh enggan mendengar apa<sup>2</sup> keterangan yang tidak berkaitan atau mendengar chakap saksi yang degil.

(12) (a) Sa-saorang ahli Jawatan-Kuasa boleh membawa satu penyata bagi di-timbangkan oleh Jawatan-Kuasa itu dan semua penyata demikian itu hendak-lah di-tuliskan dengan penoh-nya dalam peringatan<sup>2</sup> meshuarat Jawatan-Kuasa itu. Apabila semua penyata itu telah di-bawa ka-hadapan Jawatan-Kuasa itu, Pengerusi akan menchadangkan penyata<sup>2</sup> itu mengikut susunan-nya di-mulakan dengan penyata-nya sendiri dan di-teruskan dengan penyata lain<sup>2</sup> mengikut dahulu kemudian-nya di-bawa ka-hadapan Jawatan-Kuasa itu hingga satu daripada-nya telah di-terima sa-bagai asas perbinchang. Masaalah yang akan di-kemukakan oleh Pengerusi di atas sa-suatu penyata itu ia-lah, "*Ia-itu Penyata Pengerusi (atau Tuan.....) di-bachakan kali yang kedua lepas satu perenggan satu perenggan*". Apabila masaalah ini telah di-setujukan, maka tidak boleh masaalah di-kemukakan atas apa<sup>2</sup> penyata lain, tetapi apa<sup>2</sup> bahagian daripada penyata<sup>2</sup> lain itu boleh di-tawarkan sa-bagai pindaan ka-atas penyata yang sedang di-binchangkan, jika berkaitan dengan penyata itu.

(b) Sa-telah itu Jawatan-Kuasa ini hendak-lah menimbangkan penyata itu lepas satu perenggan satu perenggan, dan sharat<sup>2</sup> dalam perenggan (1) hingga (8) dan perenggan (10) dalam Peratoran Meshuarat 57 hendak-lah di-pakaikan sa-olah<sup>2</sup> penyata itu suatu Rang Undang<sup>2</sup> dan perenggan<sup>2</sup> penyata itu sa-olah<sup>2</sup> fasal<sup>2</sup> dalam Rang Undang<sup>2</sup>.

(c) Apabila selesai di-timbangkan penyata itu lepas satu perenggan, satu perenggan dan apabila semua perenggan<sup>2</sup> baru yang di-chadangkan telah di-timbangkan, maka masaalah ia-itu penyata ini jadi penyata Jawatan-Kuasa kepada Majlis hendak-lah di-kemukakan oleh Pengerusi bagi di-putuskan.

(13) Sharat<sup>2</sup> perenggan (7) dalam Peratoran Meshuarat 35, hendak-lah di-pakaikan kepada perbinchang sa-suatu Jawatan-Kuasa Pilehan.

**84.** (1) Tiap<sup>1</sup> belah-bahagian dalam Jawatan-Kuasa Pilehan hendak-lah di-jalankan oleh Setiausaha Jawatan-Kuasa Pilehan itu dengan bertanya kepada tiap<sup>2</sup> ahli Jawatan-Kuasa itu sa-orang sa-orang bagaimana ia hendak mengundi, dan apa<sup>2</sup> undi mereka itu hendak-lah di-tuliskan.

(2) Masa di-jalankan belah-bahagian itu, nama<sup>2</sup> semua ahli Jawatan-Kuasa yang hadhir hendak-lah di-panggil mengikut susunan huruf.

(3) Apabila di-minta di-adakan belah-bahagian dalam sa-suatu Jawatan-Kuasa Pilehan, tiap<sup>2</sup> ahli yang hadhir hendak-lah menyatakan sama ada Ya, atau Dak, kechualan jika ia menyatakan ia tidak hendak mengundi. Setiausaha Jawatan-Kuasa ini hendak-lah memasukkan undi tiap<sup>2</sup> ahli dalam Peringatan Perjalanan Meshuarat dan hendak-lah juga menuliskan nama ahli<sup>1</sup> yang tidak mengundi. Sa-saorang ahli mesti-lah mengundi mengikut bagaimana ia mengundi masa di-jalankan undi dengan suara.

(4) Sa-telah selesai Setiausaha memungut undi, maka Pengerusi hendak-lah mengumumkan bilangan ahli yang mengundi "Ya" dan bilangan ahli yang mengundi "Dak" dan sa-telah itu hendak-lah ia mengishtiharkan keputusan belah-bahagian itu. Pengerusi tidak boleh mengundi, tetapi jika bilangan undi kedua-pehak itu sama banyak, maka Pengerusi hendak-lah mengeluarkan undi pemutus tetapi jika Pengerusi ada-lah Tuan Yang di-Pertua yang menjadi ahli Majlis hanya mengikuti perenggan (b) Fasal (1a) Perkara 57 Perlembagaan, maka ia tidak mempunyai undi pemutus.

(5) Jika sa-saorang ahli Jawatan-Kuasa itu menyatakan ia tersalah mengundi, atau undi-nya telah salah di-bilang, maka boleh ia menuntut supaya undi-nya ditukar, tetapi di-sharatkan tuntutan hendak-lah di-buat sa-lepas sahaja Pengerusi mengumumkan bilangan undi<sup>2</sup> dan sa-belum di-ishtiharkan-nya keputusan belah-bahagian itu.

(6) Sharat<sup>2</sup> perenggan (5) dalam Peraturan Meshuarat 47 hendak-lah di-pakaikan kepada belah-bahagian dalam sa-suatu Jawatan-Kuasa Pilehan.

**85.** Keterangan yang di-ambil di-hadapan sa-sabuah Jawatan-Kuasa Pilehan dan apa<sup>2</sup> surat yang di-keluarkan kepada-nya tidak boleh di-siarkan oleh siapa<sup>2</sup> ahli Jawatan-Kuasa itu, atau oleh siapa<sup>2</sup> jua, sa-belum Jawatan-Kuasa itu membawa penyata itu kepada Majlis.

**86.** (1) Tiap<sup>2</sup> Jawatan-Kuasa Pilehan hendak-lah membuat satu penyata kapada Majlis berkenaan dengan perkara<sup>2</sup> yang di-edarkan kepada-nya dengan sa-berapa segera-nya.

(2) Sa-sabuah Jawatan-Kuasa Pilehan ada-lah di-benarkan membuat penyata khas berkenaan dengan kuasa<sup>2</sup>, tugas<sup>2</sup> dan perjalanan meshuarat Jawatan-Kuasa itu atas apa<sup>2</sup> jua yang di-fikirkan-nya patut di-bawa kapada perhatian Majlis.

(3) Sa-suatu penyata atau penyata khas Jawatan-Kuasa Pilehan bersama<sup>2</sup> dengan peringatan perjalanan meshuarat dan peringatan apa<sup>2</sup> keterangan yang di-ambil di-hadapan Jawatan-Kuasa hendak-lah di-bawa ka-dalam meshuarat oleh Pengerusi atau ahli lain yang di-wakilkan oleh Jawatan-Kuasa itu dan hendak-lah di-perentahkan terbentang di-Meja Majlis dan di-chap dengan tidak di-kemuka bagi di-putuskan oleh meshuarat.

(4) Dalam Peringatan perjalanan meshuarat sa-sabuah Jawatan-Kuasa hendak-lah di-tuliskan perjalanan meshuarat atas perbinchangan menimbangkan berkenaan dengan sa-suatu penyata Rang Undang<sup>2</sup> dalam Jawatan-Kuasa itu, dan juga atas tiap<sup>2</sup> pindaan yang di-chadangkan ka-atas penyata atau Rang Undang<sup>2</sup> itu bersama<sup>2</sup> dengan peringatan berkenaan dengan apa<sup>2</sup> belah-bahagian yang telah di-jalankan dalam Jawatan-Kuasa itu, dan nama<sup>2</sup> ahli yang mengundi dan yang tidak mengundi dalam belah-bahagian itu.

(5) Siapa<sup>2</sup> ahli sa-lepas mengeluarkan pemberitahu sa-kurang<sup>2</sup>-nya dua hari terlebih dahulu boleh menchadangkan dalam Majlis supaya Penyata Jawatan-Kuasa Pilehan itu di-terima.

(6) Apabila sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> itu telah di-ma‘alumkan kapada Majlis dari-pada Jawatan-Kuasa Pilehan, maka penyata Jawatan-Kuasa itu hendak-lah ter-ta‘alok kapada sharat<sup>2</sup> dalam Peratoran Meshuarat 60.

87. Bila<sup>2</sup> Majlis memutuskan hendak melantek sa-buah Jawatan-Kuasa Pilehan bagi mengkaji dan membuat penyata atas apa<sup>2</sup> perkara yang perlu di-tanya fikiran Dewan Negara atau memutuskan hendak melantek sa-buah Jawatan-Kuasa Bersama Tetap bagi mengkaji dan membuat penyata atas perkara<sup>2</sup> mengenai kebijikan per-jalanan urusan hal-ehwal dalam kedua<sup>2</sup> Majlis, maka hendak-lah di-ikut atoran di-bawah ini:

Rundingan  
Bersama  
di-antra  
Jawatan-Kuasa  
Pilehan  
Dewan Ra‘ayat  
dengan  
Jawatan-Kuasa  
Pilehan  
Dewan Negara.

- (a) Majlis hendak-lah mengambil keputusan ia-itu mustahak di-tubohkan sa-buah Jawatan-Kuasa kedua<sup>2</sup> Majlis bagi menimbangkan suatu perkara tertentu atau keputusan ia-itu mustahak di-serahkan sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> kapada Jawatan-Kuasa kedua<sup>2</sup> Majlis Meshuarat;
- (b) kemudian daripada itu Setiausaha Dewan Ra‘ayat hendak-lah menghantar-kan salinan keputusan itu kepada Setiausaha Dewan Negara;
- (c) apabila di-terima perutusan setuju daripada Dewan Negara, maka Majlis hendak-lah melantek sa-buah Jawatan-Kuasa Pilehan mengandungi siapa<sup>2</sup> ahli yang di-perentahkan oleh Majlis kerana bersatu dengan Jawatan-Kuasa Pilehan yang akan di-lantek oleh Dewan Negara; dan Jawatan-Kuasa ini berkuasa (terkechualji jika Majlis mengeluarkan perentah lain) memanggil orang hadhir di-hadapan-nya, atau meminta surat<sup>2</sup> atau risalat<sup>2</sup>;
- (d) kemudian daripada itu Setiausaha hendak-lah memberitahu Setiausaha Dewan Negara ia-itu Jawatan-Kuasa itu sudah di-lantek dan Setiausaha bagi pehak Majlis, hendak-lah meminta kapada Dewan Negara melantek ahli<sup>2</sup> yang sama bilangan-nya bersatu dengan Jawatan-Kuasa Pilehan Majlis;
- (e) apabila di-terima perutusan daripada Dewan Negara menyatakan ia-itu Dewan Negara telah mengangkat dan melantek Jawatan-Kuasa-nya dengan di-beri kuasa yang sa-rupa dengan kuasa Jawatan-Kuasa Pilehan Majlis, dan apabila di-terima apa- perutusan menchadangkan masa dan tempat hendak di-adakan meshuarat Jawatan-Kuasa Bersama itu, maka Tuan Yang di-Pertua, jika chadangan itu tidak jadi keberatan, hendak-lah memerentahkan Jawatan-Kuasa Pilehan Majlis bermeshuarat dengan Jawatan-Kuasa Dewan Negara.

**88.** (1) Dalam apa<sup>2</sup> Jawatan-Kuasa Bersama yang di-lantek menurut sharat<sup>2</sup> Peratoran Meshuarat 87, maka atoran yang hendak di-ikut ia-lah atoran yang ditetapkan dalam Peratoran<sup>2</sup> ini; tetapi di-sharatkan ia-itu Pengerusi Jawatan-Kuasa Bersama itu hendak-lah di-pileh atau di-lantek oleh Jawatan-Kuasa itu sendiri.

(2) Sharat<sup>2</sup> Peratoran<sup>2</sup> ini yang berkenaan dengan penyata<sup>2</sup> Jawatan-Kuasa Pilehan hendak-lah di-pakaikan kepada Penyata sa-sabuah Jawatan-Kuasa Bersama: tetapi di-sharatkan ia-itu jika Pengerusi Jawatan-Kuasa Bersama itu bukan sa-orang ahli Majlis, maka Penyata itu hendak-lah di-bawa ka-dalam meshuarat oleh siapa<sup>2</sup> ahli Majlis yang di-lantek oleh Jawatan-Kuasa Pilehan yang tersebut dalam perenggan (c) dalam Peratoran Meshuarat 87.

**89.** (1) Menurut sharat<sup>2</sup> dalam Perkara 67 dalam Perlembagaan, sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> atau pindaan yang mengandungi sharat<sup>2</sup> baik dengan tepat atau tidak tepat bagi perkara<sup>2</sup> yang tersebut di-bawah ini tidak boleh di-bawa ka-dalam meshuarat atau di-chadangkan melainkan oleh sa-orang Menteri:

- (a) mengenakan atau menaikkan apa<sup>2</sup> chukai atau menghapuskan, mengurangkan atau mema'afkan apa<sup>2</sup> chukai yang ada sekarang; atau
- (b) meminjam wang, atau memberi apa<sup>2</sup> jaminan oleh Malaysia, atau meminda undang<sup>2</sup> berkenaan dengan kewajipan kewangan Malaysia;
- (c) menyimpan Kumpulan Wang Negara, memberi sanggupan bayaran daripada Kumpulan Wang Negara atau menghapuskan atau mengubah apa<sup>2</sup> sanggupan bayaran itu;
- (d) memasokkan wang dalam Kumpulan Wang Negara atau membayar, mengeluarkan atau menarek balek daripada Kumpulan Wang Negara apa<sup>2</sup> wang yang tidak di-sanggupkan ka-atas-nya, atau menambah wang yang hendak di-bayar atau di-keluarkan atau di-tarek balek daripada Kumpulan Wang Negara;
- (e) berpakat menyelesaikan atau mema'afkan apa<sup>2</sup> piutang Malaysia;
- (f) menguntokkan pendapatan daripada sa-suatu chukai atau bayaran kapada sa-sabuah Negeri dalam Malaysia atau memberi wang kapada Negeri itu;
- (g) menerima wang untuk Kumpulan Wang Negara atau menyimpan atau mengeluarkan wang itu atau memereksa kira<sup>2</sup> wang Malaysia atau kira<sup>2</sup> Negeri dalam Malaysia, ia-itu peruntukan<sup>2</sup> mana yang di-nyatakan oleh Menteri yang bertanggong-jawab berkenaan dengan kewangan ia-itu melebihi perkara kecil<sup>2</sup> sahaja dan bukan suatu perkara besar, dengan memandang kepada tujuan<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup> atau pindaan itu.

(2) Sa-suatu Rang Undang<sup>2</sup> atau pindaan tidak akan di-sifatkan sa-bagai Rang Undang<sup>2</sup> atau pindaan yang mengandungi sharat<sup>2</sup> bagi perkara<sup>2</sup> yang tersebut di atas tadi jika Rang Undang<sup>2</sup> atau pindaan itu hanya mengandungi sharat<sup>2</sup>:

- (a) bagi mengenakan atau mengubah sa-barang apa denda wang atau hukuman kena bayar wang, atau membayar atau meminta bayaran lesen atau apa<sup>2</sup> bayaran atau upah kerana apa<sup>2</sup> kerja yang telah di-jalankan; atau
- (b) bagi mengenakan atau mengubah atau mengator apa<sup>2</sup> chukai atau bayaran yang di-kenakan oleh badan pentadbiran tempatan atau lain<sup>2</sup> badan bagi kegunaan tempatan.

**90.** (1) Kechuali dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, Majlis tidak boleh membinchangkan apa<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup>, pindaan, usul, atau rayuan yang di-fikirkan oleh Tuan Yang di-Pertua akan merentikan kuat-kuasa Peratoran<sup>2</sup> Meshuarat atau mana<sup>2</sup> juu daripada-nya.

Merentikan  
kuat-kuasa  
Peratoran<sup>2</sup>  
Meshuarat.

(2) Sa-suatu masaalah yang bertujuan hendak merentikan kuat-kuasa mana<sup>2</sup> Peratoran Meshuarat atau harus menyebabkan boleh terhenti kuat-kuasa Peratoran<sup>2</sup> Meshuarat, boleh di-chadangkan hanya sa-lepas di-keluarkan pemberitahu atau dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua.

**91.** Dengan tidak menyentoh perjalanan Perkara 52 dalam Perlembagaan sa-saorang ahli<sup>3</sup> yang tida dapat hadhir. itu hendak-lah memberi tahu Setiausaha dengan sa-berapa segera-nya jika ia tidak dapat menghadiri sa-suatu meshuarat Majlis.

**92.** Sa-saorang ahli tidak di-benarkan hadhir di-hadapan Majlis atau di-hadapan meshuarat apa<sup>2</sup> Jawatan-Kuasa Majlis sa-bagai sifat-nya akan menerima bayaran atau upah, atau sa-bagai peguam bagi mana<sup>2</sup> pehak.

Memakai Abli  
sa-bagai  
professional.

**93.** (1) Orang<sup>2</sup> luar di-benarkan hadhir menyaksikan meshuarat dalam Dewan Majlis mengikut apa<sup>2</sup> peratoran yang di-keluarkan oleh Tuan Yang di-Pertua dari satu masa ka-satu masa. Orang<sup>2</sup> luar.

(2) Jika siapa<sup>2</sup> ahli memberitahu ada orang<sup>2</sup> luar hadhir, maka Pengurus dengan serta-merta hendak-lah mengemukakan masaalah “*Ia-itu orang<sup>2</sup> luar hendak-lah keluar*” bagi di-putuskan dengan tidak di-benarkan di-bahath atau di-pinda.

(3) Pengurus, bila<sup>2</sup> baik pada fikiran-nya, boleh-lah memerentahkan orang<sup>2</sup> luar keluar daripada Dewan Meshuarat itu sama sa-kali atau daripada mana<sup>2</sup> bahagian Dewan Meshuarat.

(4) Bentara Meshuarat hendak-lah menahan siapa<sup>2</sup> orang luar yang nampak oleh-nya masok dengan tidak mendapat kebenaran atau yang di-beritahu kapada-nya mengatakan ada dalam mana<sup>2</sup> bahagian Dewan Majlis atau tempat pemerhati dan juga siapa<sup>2</sup> orang luar yang telah di-benarkan masok tetapi berkelakuan tidak baik, atau yang enggan keluar apabila di-perentahkan keluar pada masa Majlis Meshuarat atau Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis Meshuarat bersidang.

**94.** Tuan Yang di-Pertua boleh mengeluarkan kebenaran ‘am kapada wakil apa<sup>2</sup> akhbar kerana menghadiri persidangan Majlis mengikut apa<sup>2</sup> peratoran yang di-keluarkan-nya dari satu masa ka-satu masa. Jika wakil itu melanggar peratoran<sup>2</sup> itu, maka kebenaran itu harus akan di-tarek balek. Wakil<sup>2</sup> akhbar.

**95.** Ayat mengundang<sup>2</sup>kan semua Rang Undang<sup>2</sup> hendak-lah saperti berikut, “*Bahawa sa-nya di-perbuat Undang<sup>2</sup> ini oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa kedua<sup>2</sup> Dewan itu, saperti berikut:*” Ayat meng-  
undang<sup>2</sup>kan  
Rang Undang<sup>2</sup>.

Tetapi di-sharatkan ia-itu berkenaan dengan apa<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> yang berjalan kuat-kuasa-nya menurut Perkara 68 dalam Perlembagaan, maka ayat mengundang<sup>2</sup>kan Rang Undang<sup>2</sup> itu hendak-lah saperti berikut—“*Bahawa sa-nya di-perbuat Undang<sup>2</sup> ini oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong*

*dengan nasihat dan persetujuan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, menurut sharat<sup>2</sup> Perkara 68 dalam Perlembagaan, dan dengan kuasa Dewan Ra'ayat, seperti berikut:".*

Mengeluarkan  
Rang Undang<sup>\*</sup>

**96.** (1) Tiap<sup>2</sup> Undang<sup>2</sup> sa-lepas di-sahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, hendak-lah di-keluarkan dengan sa-berapa segeranya dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Pada bila<sup>2</sup> masa juu sa-belum di-keluarkan Undang<sup>2</sup> itu, Setiausaha, dengan berunding dengan Setiausaha Dewan Negara, boleh membetulkan kesalahan<sup>2</sup> tentang nahu dan kesalahan<sup>2</sup> chap dalam Undang<sup>2</sup> itu, atau sebutan yang berulang<sup>2</sup> isi-nya atau dalam sebutan<sup>2</sup> di-dalam-nya, atau tanda<sup>2</sup> berhenti atau peringatan<sup>2</sup> di-ruang muka surat, dan pada membetulkan-nya itu boleh-lah ditambah-nya apa<sup>2</sup> perkataan, atau di-potong atau di-ganti dengan perkataan lain.

Belanja saksi<sup>\*</sup>.

**97.** Belanja yang akan di-bayar atau di-tawarkan untuk perbelanjaan sa-saorang saksi yang di-panggil hadhir atau di-panggil mengeluarkan apa<sup>2</sup> surat, hendak-lah sama banyak dengan belanja yang boleh di-bayar kapada-nya jika sa-kira-nya ia di-panggil jadi saksi di-mahkamah mengikut atoran<sup>2</sup> yang berjalan kuat-kuasa-nya di-bawah undang<sup>2</sup> berkenaan dengan peratoran kesalahan jenayah:

L.N. 658/54.

Tetapi di-sharatkan ia-itu masa menjalankan atoran<sup>2</sup> itu, bila<sup>2</sup> di-sebut Hakim hendak-lah di-fahamkan maksud-nya Tuan Yang di-Pertua dan bila<sup>2</sup> di-sebut Pendaftar Mahkamah Tertinggi di-fahamkan maksud-nya Setiausaha.

Tafsir.

**98.** Dalam Peratoran<sup>2</sup> Meshuarat ini, perkataan<sup>2</sup> atau kalimah yang di-sebutkan di-bawah ini ada-lah mengandungi ma'ana yang di-terangkan itu kechuali jika karinah ayat-nya berkehendakkan pengertian yang lain—

perkataan "Menteri" hendak-lah di-fahamkan termasok Timbalan Menteri;

kalimah "Jawatan-Kuasa Pilehan" hendak-lah di-fahamkan termasok "Jawatan-Kuasa Pilehan Khas";

"persidangan" erti-nya ia-lah tempoh di-jalankan meshuarat Majlis dengan tidak berhenti<sup>2</sup> (termasok masa di-tempohkan meshuarat) dan termasok-lah tempoh Majlis bersidang sa-bagai Jawatan-Kuasa;

"meshuarat" erti-nya ia-lah persidangan atau persidangan<sup>2</sup> Majlis mula daripada permulaan Majlis bermeshuarat sa-lepas di-panggil meshuarat pada bila<sup>2</sup> masa juu, dan habis-nya apabila Majlis di-tanggohkan sa-lama lebih daripada empat belas hari atau dengan tidak di-tentukan haribulan meshuarat akan datang, atau sa-telah tamat sa-suatu penggal Parlimen;

"penggal Parlimen" erti-nya ia-lah persidangan<sup>2</sup> Majlis mula daripada permulaan Majlis bermeshuarat sa-lepas di-tubohkan Majlis atau sa-lepas di-berhentikan atau di-bubarkan Parlimen pada bila<sup>2</sup> masa juu; dan habis-nya apabila Parlimen di-berhentikan atau di-bubarkan dengan tidak di-berhentikan terlebeh dahulu.

Petua<sup>2</sup> Tuan  
Yang di-Pertua.

**99.** Keputusan Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan sa-barang perkara tafsir dalam mana<sup>2</sup> juu Peratoran Meshuarat ini atau berkenaan dengan kelaziman adalah mu'tamad kechuali jika ada usul bersendiri menentang keputusan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dari satu masa ka-satu masa, boleh mengeluarkan petua<sup>2</sup> berkenaan dengan perkara<sup>2</sup> ini.

**100.** Semua perkara yang tidak di-sharatkan terang<sup>2</sup> dalam Peratoran<sup>2</sup> ini dan semua perkara berkenaan dengan menjalankan Peratoran<sup>2</sup> ini pada perkara satu-persatu-nya, hendak-lah di-atorkan menurut chara yang tidak berlawanan dengan Peratoran<sup>2</sup> ini, sa-bagaimana yang di-perentahkan oleh Tuan Yang di-Pertua dari satu masa ka-satu masa; dan masa hendak mengeluarkan perentah demikian itu, Tuan Yang di-Pertua hendak-lah memandang kapada ‘adat kelaziman Majlis Parlimen dalam Negeri<sup>2</sup> Commonwealth sa-panjang yang boleh di-pakaikan kapada perjalanan Majlis.

Kuasa<sup>3</sup> dalam perkara<sup>2</sup> lain.



# FAHRASAT

(Angka<sup>2</sup> itu menunjukkan bilangan Peratoran Meshuarat)

## Ahli<sup>2</sup>

- Apabila tiada dapat hadir, 91
- Di-tegor oleh Pengerusi, 42
- Di-sebutkan nama oleh Pengerusi, 44 (2), (3), (4)
- Di-gantong kerja sa-bagai ahli, 44 (5)
- Fa'edah kewangan, 35 (7), 47 (5), 50 (4)
- Kedatangan, di-masokkan dalam Undi<sup>2</sup> dan Perjalanan Meshuarat, 9 (4)
- Kelakuan-nya dalam meshuarat, 41
- Kelakuan tiada senonoh, 44
- Kerusi, menguntokkan bagi ahli<sup>2</sup>, 2
- Menengok rekod<sup>2</sup> dan surat<sup>2</sup> yang di-bentangkan dalam Majlis, 9 (5), (6)
- Mengangkat sumpah, 1 (c), 5 (2), (3)
- Memakai orang sa-bagai professional, 92
- Mengeluarkan rayuan, tanggongan-nya, 19 (1) (a), 19 (2) (c)
- Mengundi dalam belah-bahagi, di-masokkan dalam Undi<sup>2</sup> dan Perjalanan Meshuarat, 9 (4)
- Penerangan sendiri, 25
- Salinan uchapan—
  - Boleh di-betulkan, 10 (3), (4)
  - Di-berikan kepada ahli<sup>2</sup>, 10 (2)

## Anggaran Belanja Pembangunan

### Tahunan—

- Menimbangkan Kepala<sup>2</sup> dalam Jawatan-Kuasa, 67B (4), masa yang di-untokkan bagi-nya, 67B (4) (a) (b); Pengerusi hendak-lah menchadangkan tiap<sup>2</sup> Kepala, 67B (5); pindaan kapada Kepala<sup>2</sup>, 67B (6) (7) (8); penyata 67B (9); menerima chadangan yang di-bawa, 67B (10)

### Tahunan—

- Ketetapan, hendak-lah di-edarkan kepada Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis, 67B (1); had perbahathan, 67B (2); masa yang di-untokkan bagi usul hendak membawa kapada Jawatan-Kuasa, 67B (3)

Penerangan hendak di-bentangkan di-Meja Meshuarat 67A

### Tambahan—

- Menimbangkan Kepala<sup>2</sup> dalam Jawatan-Kuasa, 67C (5); masa yang di-untokkan bagi-nya, 67C (5) (a) (b); sharat<sup>2</sup> Peratoran Meshuarat 67B yang boleh di-pakaikan, 67C (6)

Ketetapan, hendak-lah di-edarkan kepada Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis, 67C (1); had perbahathan, 67C (3); masa yang di-untokkan bagi usul hendak membawa kapada Jawatan-Kuasa, 67C (4)

Penerangan hendak-lah di-bentangkan di-atas Meja Meshuarat, 67C (2)

## Anggaran Perbelanjaan, Tahunan

- Di-hantar kapada Jawatan-Kuasa Perbekalan, 66 (3)
- Hendak-lah di-bentangkan di-Meja sa-belum meshuarat, 65
- Perbelanjaan yang di-kehendaki hendak-lah di-terangkan satu-persatu, 66 (1)
- Tambahan, 67 (1)—
  - Hal<sup>2</sup>-nya hendak-lah di-terangkan, 67 (1), (a)—(b)
  - Hendak-lah di-bentangkan di-atas Meja, 67 (2)

## Atoran Urusan Meshuarat

- Menghantar kapada ahli<sup>2</sup>, 9 (2)

## Bahasa, 8

- Bahasa rasmi, 8
- Bahasa biadab, 36 (4)

## Belah-bahagi

- Ahli<sup>2</sup> yang meminta di-adakan belah-bahagi, 46 (4)
- Chara menjalankan-nya, 47 (1) (2) (3)
- Di-masokkan dalam Undi<sup>2</sup> dan Perjalanan Meshuarat, 9 (4), 47 (1)
- Kesilapan undi, 47 (4)
- Penghetong undi, melantek penghetong undi, 46 (4)
- Suara, bersetuju, 47 (2)
- Tidak sah jika tidak chukup-bilang, 13 (5)
- Undi pemutus, 47 (3)

## Bentara Meshuarat

- Kewajipan-nya, 44 (2), 93 (4)

## Buku Meshuarat

- Boleh di-tengok oleh ahli<sup>2</sup>, 9 (5)
- Hal<sup>2</sup> yang hendak di-masokkan di-dalam-nya, 9 (5)
- Menyediakan-nya, 9 (5)

## Chukup-bilangan dalam Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis, 13

- Atoran membilang ahli<sup>2</sup>, 13 (3), (4)
- Dalam belah-bahagi, 13 (5)
- Jika tidak chukup-bilang, 13 (3)
- Tidak termasuk Pengerusi, 13 (1)

## Commonwealth

- Kelaziman Majlis Parlimen, 100

## Dewan Negara

- Perutusan daripada Dewan Negara—
  - Apabila Majlis bersidang, 71 (1)
  - Di-terima oleh Bentara Meshuarat, 71 (1)
  - Membacha-nya, 71 (3)
  - Menyampaikan kepada Tuan Yang di-Pertua, 71 (2)
- Perutusan kepada Dewan Negara, 70 (1), (2)

## **Dewan Negara, Rang Undang<sup>2</sup> daripada-nya**

Bachaan Kali Yang Pertama, di-masukkan dalam Undi<sup>2</sup> dan Perjalanan Meshuarat, 72 (1)  
Bachaan Kali Yang Kedua, pemberitahu, 72 (2)  
Di-jaga oleh ahli, 72 (2)  
Di-bentangkan di atas Meja, 72 (1)  
Menuliskan nama ahli, 72 (3)  
Perutusan berkenaan dengan-nya, 70 (1) (b), 70 (2)

## **Had Perbahathan**

Berkenaan dengan pindaan, 38 (1), (3), (4)  
Berkenaan dengan Rang Undang<sup>2</sup>, 38 (1), 55 (1), 61 (1)  
Berkenaan dengan usul, 38 (1); menanggohkan meshuarat, 38 (1), (2); menanggohkan perbahathan, 38 (5); dalam Jawatan-Kuasa, 38 (5)  
Perkara yang berkaitan, 38 (1) (2)

## **Jawatan-Kuasa Pemileh (lihat juga Jawatan-Kuasa Pilehan)**

Ahli<sup>2</sup>-nya, 76 (2)  
Kuasa-nya, 76 (2)  
Melantek-nya 76 (2)

## **Jawatan-Kuasa Hak dan Kebebasan (lihat juga Jawatan-Kuasa Pilehan)**

Ahli<sup>2</sup>-nya, 80 (1)  
Atoran dalam meshuarat-nya, 80 (2)  
Kewajipan-nya, 80 (1)  
Kuasa-nya, 80 (3)

## **Jawatan-Kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis**

Chukup-bilang 13 (1), (4)  
Pengerusi-nya, 7 (4)  
Penyata rasmi meshuarat, 10 (1)  
Waktu-nya di-rentikan perjalanan meshuarat, 16 (2)

## **Jawatan-Kuasa Perbekalan**

Pengerusi-nya, 7 (4) (lihat juga Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan)

## **Jawatan-Kuasa Kira<sup>2</sup> Wang Negara**

Ahli<sup>2</sup>-nya, 77 (2)  
Kewajipan-nya, 77 (1)  
Kuasa<sup>2</sup>-nya, 77 (4)  
Melantek-nya, 77 (1)  
Menteri tidak boleh jadi ahli, 77 (3)

## **Jawatan-Kuasa Pilhan**

Ahli<sup>2</sup>-nya—  
    Memileh-nya, 82 (1)  
    Melantek-nya, 81 (1), 83 (7)  
Belah-bahagi, 84  
Chukup-bilang, 83 (3)  
Kebenaran mema'alumkan fikiran dan perchakapan, 83 (2)  
Kebenaran mema'alumkan butir<sup>2</sup> keterangan, 83 (2)

## **Jawatan-Kuasa Pilehan—(sambongan)**

Kebenaran hendak mengeluarkan penyata khas, 86 (2)  
Keterangan yang di-keluarkan kapada-nya—  
    Menyiarkan-nya, 85  
    Menghantar kapada saksi, 83 (10)  
    Yang tidak berkaitan, boleh enggan mendengar, 83 (11)

Kuasa memanggil orang dan meminta keluarkan surat, 83 (2)

## **Meshuarat<sup>2</sup>-nya—**

Bila masa-nya bersidang, 83 (6)  
Masa dan tempat-nya, 83 (5)

Peratoran yang di-pakaikan kapada semua Jawatan-Kuasa Pilehan, kechualji jika ada sharat lain dalam Peratoran Meshuarat 76 sampai 80, 83 (1)

Peringatan Perjalanan Meshuarat, hal-nya hendak-lah di-tuliskan, 86 (4)

Perjalanan meshuarat, tidak boleh di-sebutkan dalam pertanyaan, 23 (1) (e)

## **Penyata-nya—**

Di-bentangkan di atas Meja Majlis, 86 (3)  
Membawa ka-dalam meshuarat, 86 (3)  
Mengechap-nya, 86 (3)  
Menimbangkan, 83 (12)  
Penyata Khas, 86 (2)

## **Saksi—**

Memanggil-nya, 83 (9)  
Yang berdegil, boleh enggan di-dengar chakap-nya, 83 (11)

## **Jawatan-Kuasa Pilehan Khas**

Menubohkan-nya, 81 (1)  
Menggantikan ahli<sup>2</sup>, 82 (2)  
Pengerusi—  
    Memileh-nya, 81 (2)  
    Undi pemutus, 84 (4)  
Persidangan-nya, 83 (5)

## **Jawatan-Kuasa Pilhan Bersama**

Kuasa<sup>2</sup>-nya, 87 (c)  
Melantek-nya, 87  
Pengerusi di-pileh atau di-lantek, 88 (1)  
Penyata-nya—  
    Di-bawa ka-dalam meshuarat, 88 (2)  
    Sharat<sup>2</sup> Peratoran Meshuarat berkenaan dengan-nya, 88 (2)  
Peratoran meshuarat-nya, 88 (1)  
Usul<sup>2</sup> hendak menubohkan, 87 (a)

## **Jawatan-Kuasa Peratoran Meshuarat**

Ahli<sup>2</sup>-nya, 78 (1)  
Kewajipan-nya, 78 (1)  
Melantek-nya, 78 (1)  
Pindaan kapada Peratoran<sup>2</sup> Meshuarat, atoran-nya, 78 (2)

## **Jawatan-Kuasa Dewan**

Ahli<sup>2</sup>-nya, 79 (1)  
Kewajipan<sup>2</sup>-nya 79 (1)  
Peringatan meshuarat di-hantar kepada semua ahli Majlis, 79 (2)

## **Keputusan atas Masaalah**

Pejak mana yang banyak ahli<sup>2</sup> mengundi, 45

## **Keputusan Majlis**

Di-masukkan dalam Undi<sup>2</sup> dan Perjalanan Meshuarat, 9 (4)

## **Kerusi<sup>2</sup>**

Menguntokkan-nya, 2  
Penerangan sendiri oleh ahli<sup>2</sup>, 25  
Masa-nya hendak di-keluarkan, 14 (1) (l)  
Penerangan yang di-sediakan terlebih dahulu, hendak-lah di-berikan kapada Tuan Yang di-Pertua, 25

## **Kumpulan Wang Pendahuluan**

Keterangan wang yang di-keluarkan daripadanya, di-bawa oleh Menteri, 68 (1)  
Keterangan di-minta berkenaan dengan butir<sup>2</sup> perbelanjaan, pemberitahu yang di-kehendaki, 68 (2)

## **Majlis, Menanggohkan Majlis menurut Peratoran Meshuarat, 18**

Usul kerana-nya—  
Luchut chadangan pada masa di-ganggu, 18 (3)  
Masa-nya menchadangkan, 18 (3)  
Masa dan chara-nya meminta izin menchadangkan, 14 (1) (h), 18 (1)  
